



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



KOLEJ KOMUNITI
PASIR MAS



EDISI KEDUA

Lentera

KOLEKSI PENULISAN ILMIAH DAN KREATIF
EMPOWERING RESEARCH TOWARDS IR4.0

TERBITAN : UNIT PENYELIDIKAN, INOVASI DAN KOMERSIALAN, KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS.

Hak Cipta © Kolej Komuniti Pasir Mas 2019

Hakcipta Terpelihara

Setiap bahagian terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan ke bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Kolej Komuniti Pasir Mas.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Lentera Koleksi Penulisan Ilmiah dan Kreatif – Edisi Kedua
eISBN 978-967-11918-7-3

Diterbitkan oleh:

Kolej Komuniti Pasir Mas
Kementerian Pendidikan Malaysia
Lot 3302-3307, Taman Sri Kota
Pasir Pekan,
16250 Wakaf Bharu,
Kelantan

Dicetak oleh:

Berkat KRW Enterprise
Lot 748, Kg. Kubang Rawa, Salor
15100 Kota Bharu,
Kelantan
Tel : 019-4378120
Email : Krwdesign_printing@yahoo.com
FB : Krw Design&Printing

SEKAPUR SIRIH

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya buku Lentera – Koleksi Penulisan Ilmiah dan Kreatif Edisi Kedua telah berjaya dihasilkan. Sekalung tahniah kepada Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan (UPIK) Kolej Komuniti Pasir Mas atas usaha dan komitmen untuk menerbitkan buku Lentera 2 yang merupakan koleksi penulisan ilmiah dan kreatif di kalangan pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Wilayah Kelantan dan Terengganu. Diharap buku ini dapat memberi inspirasi kepada para pembaca dan pensyarah dalam meningkatkan kualiti penyelidikan dalam bidang TVET. Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan buku ini. Semoga usaha murni diberkati Allah SWT dan dipermudahkan segala urusan yang berkaitan dengannya. Tahniah dan Syabas.

*En. Mohammad Faizal bin Ahmad
Pengarah
Kolej Komuniti Pasir Mas*

Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia-Nya maka terhasillah buku Lentera – Koleksi Penulisan Ilmiah dan Kreatif Edisi Kedua khusus untuk tatapan dan rujukan di kalangan pensyarah-pensyarah TVET Negeri Kelantan dan Terengganu. Hasil sambutan yang menggalakkan dalam penerbitan Lentera Edisi Pertama, maka tercetuslah untuk menghasilkan Lentera Edisi Kedua di kalangan Kolej Komuniti Negeri Kelantan dan Terengganu. Diharap buku ini memberi inspirasi kepada pensyarah-pensyarah baru dalam memulakan penulisan ilmiah dan kreatif.

Sekian, terima kasih.

*En. Mohd Azian bin Husin @ Che Hamat
Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersilan (UPIK)
Kolej Komuniti Pasir Mas*

SIDANG REDAKSI

Penghargaan diberikan kepada sidang redaksi yang telah menghasilkan buku ini yang telah memberi komitmen tinggi bagi memastikan buku ini terhasil:

Penasihat	: En. Mohammad Faizal bin Ahmad
Naib Penasihat	: Pn. Salimah bt Azhari
Ketua Editor	: En. Mohd Azian bin Husin @ Che Hamat
Editor	: En. Muhd Fadhlullah bin Rashid En. Nik Ahmad Rizal bin Wan Ismail Pn. Nurul Zulaikha binti Mohammad Nadzri Pn. Wan Farah Aida bt Wan Abdullah Pn. Roslieza bt Abd. Hamid

KANDUNGAN

TAJUK PENULISAN ILMIAH DAN KREATIF	MUKA SURAT
Impak Pengurusan Pembelajaran Pengalaman Melalui <i>Way Finding</i> kepada Motivasi Pelajar Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang Mohd Azian bin Husin @ Che Hamat, Muhd Fadhlullah bin Rashid & Nik Ahmad Rizal bin Wan Ismail	4 – 12
Minat Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran dalam Bilik Kuliah Mohd Khairul bin Omar & Muhammad Baqir bin Ibrahim	13 – 22
Penglibatan Pelajar dalam Kegiatan Ko-Kurikulum di Kolej Komuniti Kuala Terengganu Afidah binti Alias & Lau Cher Sim	23 – 30
Tahap Kemahiran Penyelesaian Masalah di Kalangan Pelajar Kursus Servis Kenderaan Ringan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu Muhammad Baqir bin Ibrahim & Mohd Khairul bin Omar	31 – 39
Pembangunan Keusahawanan dan Pengetahuan Tersirat: Hubungan Antara Pembelajaran Keusahawanan dan Pengetahuan Individu Faridah binti Mohamad	40 – 51
Nasi Kerabu Roslieza binti Abdul Hamid	52 – 56
Kajian Kesan Penggunaan Gas Hidrogen dan Oksigen Hasil dari Elektrolisis Air Terhadap Kelajuan Enjin Empat Lejang Mat Sazilin bin Ayub & Shuhaila binti Ibrahim	57 – 63
Penilaian Majikan Terhadap Prestasi Pelajar Latihan Industri Sijil Akauntansi (SAK) Kolej Komuniti Pasir Mas 2015 Roslieza binti Abdul Hamid	64 – 73
Penerapan Elemen Inovasi <i>Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor for Teacher</i> dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kolej Komuniti Seluruh Negeri Kelantan Mat Sazilin bin Ayub & Shuhaila binti Ibrahim	74 – 86

IMPAK PENGURUSAN PEMBELAJARAN PENGALAMAN MELALUI *WAY FINDING* KEPADA MOTIVASI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN RANTAU PANJANG

Mohd Azian bin Husin @ Che Hamat
Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang
azian@kkpmas.edu.my

Muhd Fadhlullah bin Rashid
Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang
muhd_fadhlullah@kkpmas.edu.my

Nik Ahmad Rizal bin Wan Ismail
Kolej Komuniti Pasir Mas
nik@kkpmas.edu.my

1.0 PENGENALAN

Pelbagai perkhidmatan berdasarkan lokasi telah mula menjadi popular sejak kebelakangan ini yang dipelopori oleh aplikasi telefon mudah alih. Menurut Makris *et al.*, (2016), konsep permainan berasaskan lokasi merupakan kaedah permainan yang mengeksploitasikan penggunaan lokasi geografi pengguna melalui Geographical Information System (GPS) yang memerlukan pemain melaporkan lokasi dan merekod perkembangan permainan. Manakala menurut Zozulya (2016), aplikasi berasaskan lokasi banyak menawarkan pelbagai perkhidmatan yang bergantung sepenuhnya kepada lokasi pengguna menggunakan GPS atau data melalui Wi-Fi.

Objektif utama konsep pengurusan pembelajaran melalui pengalaman adalah untuk menarik minat pelajar masa kini yang sememangnya berdepan dengan teknologi aplikasi mudah alih supaya proses pembelajaran lebih interaktif dan unik dengan menerapkan elemen peranti mudah alih. Penggunaan aplikasi mudah alih berasaskan lokasi mencipta kelainan melalui pengalaman pelajar agar berdepan dengan persekitaran fizikal, budaya dan sosial masyarakat sekitar. Mengikut pendapat De Souza *et al.*, (2006) dalam Makris *et al.*, (2016), aktiviti-aktiviti yang menghasilkan pembelajaran melalui sosial dan pengalaman merupakan gabungan pembelajaran tidak formal dan mudah alih khususnya aktiviti luar adalah sangat relevan kerana melibatkan gerakan fizikal, penyelesaian masalah, pertanyaan dan kerjasama.

1.1 Pernyataan Masalah

Isu latar belakang pelajar dalam pelbagai tahap menjadi punca kepada masalah pelajar dalam mempelajari sesuatu pelajaran dan topik. Perbezaan ini memerlukan pemerhatian pensyarah untuk memastikan pelajar memperoleh ilmu pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya khususnya dalam Program Sijil Perkhidmatan Logistik yang baharu ditawarkan di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang dalam sesi pengambilan pertama pada Disember 2018. Kebanyakan pelajar adalah kalangan mereka dikawasan pedalaman yang kurang mendapat pendedahan menggunakan elemen pengangkutan awam yang terdapat disekitar mereka. Justeru sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran, pelajar menghadapi masalah untuk berkongsi pengalaman khususnya dalam kursus Asas Pengurusan Logistik dan juga Prinsip Amalan Pengangkutan. Akibat daripada masalah yang berlaku menyebabkan tahap motivasi pelajar semakin menurun dan memberi kesan kepada skor pelajar dalam subjek berkenaan.

Masalah juga berlaku dikalangan pensyarah kursus Asas Pengurusan Logistik dan Prinsip Amalan Pengangkutan yang lebih memfokuskan kepada pengajaran dalam bentuk tradisional dan melalui tayangan video sahaja. Ini menyebabkan pendedahan pelajar kepada situasi sebenar adalah kurang dan menyebabkan motivasi pelajar menurun.

1.2 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk melihat kesan inovasi *Way Finding* terhadap motivasi pelajar melalui model ARCS-V. Manakala objektif khusus kajian adalah:

- a. Untuk mengenalpasti tahap perhatian pelajar terhadap subjek yang dipelajari.
- b. Untuk mengetahui tahap relevan pelajar terhadap inovasi.
- c. Untuk mengetahui tahap keyakinan pelajar dalam membantu mereka belajar.
- d. Untuk mengetahui tahap kepuasan pelajar melalui pengalaman menggunakan inovasi.
- e. Untuk mengetahui tahap kesukarelaan pelajar sepanjang pembelajaran.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Konsep Pembelajaran Pengalaman

Pembelajaran pengalaman merupakan konsep dimana peristiwa dan aktiviti yang telah dipelajari melalui pengalaman yang telah dikenalpasti. Menurut Kolb (2007 dan 2014) pelajar mempunyai ciri yang berbeza dari segi gaya pembelajaran, tahap pengetahuan dan latar belakang pendidikan yang mempengaruhi bagaimana pengalaman itu dibuat berdasarkan aktiviti untuk mencapai matlamat pembelajaran. Ilmu pengetahuan akan diperolehi melalui pengalaman peribadi dan juga melalui komunikasi persekitaran walaupun tanpa guru yang mengajar. Menurut Nawi *et al.*, (2014), dunia pendidikan pada masa kini adalah meneroka dimensi pembelajaran bagi pelajar yang menginginkan pembelajaran setiap masa dan dimana-mana sahaja. Justeru konsep penggunaan aplikasi mudah alih yang bersifat pembelajaran sendiri (self-learning) yang menggunakan alat mudah alih seperti telefon bimbit, *personal digital assistant (PDA)*, *Palm Talk* dan lain-lain sebagai alat pembelajaran.

2.2 Pembelajaran Aplikasi Mudah Alih

Menurut Makris *et al.*, (2016), konsep pembelajaran aplikasi mudah alih membawa kepada jenis pengajian yang baru melalui pengalaman sebagai contoh reka bentuk pembelajaran perladangan dimana pelajar akan mengambil gambar fenomena tertentu dan dikongsikan serta dibincangkan bersama pelajar lain. Database digunakan untuk memudahkan pengurusan rekod dan maklumat aktiviti berkenaan semasa di dalam kelas. Justeru aplikasi mudah alih *Way Finding* menerapkan elemen berkenaan untuk merencanakan proses pembelajaran berasaskan pengalaman.

2.3 *Way Finding*

Melalui aplikasi mudah alih berasaskan lokasi juga meningkatkan produktiviti dalam pengurusan PdP agar lebih tersusun dan terancang. Menurut Hassan *et al.*, (2011), teknologi mudah alih seperti *mobile* lebih menawarkan satu pendekatan yang praktikal dalam menyediakan satu komuniti pembelajaran yang unik berdasarkan teknologi demi kebaikan masa depan institusi teknik dan vokasional. Semua dokumen dapat dicapai melalui *Database Cloud Firestore* yang menyimpan semua rekod penggunaan aplikasi *Way Finding*. Kos penggunaan pangkalan data


adalah praktikal kerana bergantung kepada 1000 penggunaan sepanjang aplikasi ini digunakan.

Aplikasi ini juga mudah digunakan (user friendly) kerana pelajar hanya perlu mengikut arahan yang telah diberikan dan mencapai sasaran ke tahap terakhir tugas yang diberikan. Namun pelajar perlu memastikan aspek tugas yang diberikan bagi setiap *checkpoint* dapat diselesaikan dengan baik.

Dari aspek signifikan pula, *Way Finding* memberi kesan nilai kepada pelajar supaya menghargai kemudahan awam yang disediakan. Sepanjang menggunakan aplikasi ini, pelajar dapat mengetahui amalan dan peraturan dalam menggunakan pengangkutan awam yang terdapat berhampiran tempat tinggal mereka. Menurut Nawi *et al.*, (2014) aspek penerapan nilai perlu diberi penekanan dalam pembangunan aplikasi agar bahan-bahan yang dibangunkan dapat mempengaruhi psikologi dan tingkahlaku pengguna ke arah yang lebih baik.


WayFinding dihasilkan berdasarkan kepada konsep pengurusan pembelajaran pengalaman melalui aplikasi mudah alih berasaskan lokasi yang lebih fleksibel dan membantu kebolehan luas minda pelajar. Berdasarkan kepada *Way Finding*, beberapa aktiviti disusun untuk memberi kelainan kepada proses pengurusan pembelajaran pengalaman dengan menggunakan aplikasi mudah alih berasaskan lokasi (Rujuk Rajah 1). Antaranya adalah:

- Tugas (task): 5 tugas yang memerlukan pengguna untuk menyelesaikan tugas seperti mengambil foto kumpulan, merakam video, menghantar gambar dan video melalui email.
- *Checkpoint* : 4 *checkpoint* diwujudkan untuk menambah tugas seperti mengambil gambar lokasi atau tempat yang dikunjungi dan seterusnya menghantar melalui email.
- Laporan (report): Laporan pula memaparkan kedudukan semasa kumpulan mengikut turutan terawal.



Rajah 1: Aktiviti dalam *Way Finding*

Konsep penggunaan GPS melalui penggunaan *Google Map* di dalam aplikasi ini membantu pengguna untuk menetapkan lokasi pencarian dari satu destinasi ke destinasi yang



Rajah 4: Data bagi setiap *Checkpoint* (1-5)

2.5 Model ARCS-V

Kajian ini akan menggunakan model ARCS-V yang diperkenalkan oleh Keller (2016) yang bertujuan untuk menilai tahap motivasi pelajar setelah menggunakan aplikasi *mobile* yang dibangunkan iaitu *Way Finding*. Menurut Keller (2016), elemen ARCS-V adalah singkatan kepada *attention* (perhatian), *relevance* (kaitan), *confidence* (keyakinan), *satisfaction* (kepuasan) dan *volition* (kesukarelaan). Model ini telah dilaksanakan oleh Keller (2010) melalui pembentukan konsep, teori dan sintesis motivasi. Merujuk kepada Jadual 1, adalah penyediaan elemen analisis melalui strategi motivasi ke atas pelajar sebagai pengguna aplikasi.


Jadual 1: Rekabentuk Kerja Strategi Motivasi

Kategori	Aspek Analisis Pensyarah Terhadap Pelajar
<i>Attention</i> (perhatian)	Adakah pelajar yang akan berminat? Taktik apa akan merangsang rasa ingin tahu dan minat mereka?
<i>Relevance</i> (kaitan)	Adakah pelajar akan percaya ianya berharga? Apa yang boleh saya lakukan untuk membantu mereka percaya ianya penting?
<i>Confidence</i> (keyakinan)	Adakah pelajar akan merasa yakin tentang keupayaan mereka untuk belajar? Apa yang perlu saya lakukan untuk membantu mereka yakin?
<i>Satisfaction</i> (kepuasan)	Apa yang boleh saya lakukan untuk membantu pelajar berasa baik tentang pengalaman mereka dan keinginan untuk terus belajar?
<i>Volition</i> (kesukarelaan).	Apa yang boleh saya lakukan untuk membantu pelajar mengekalkan orientasi matlamat dan fokus sepanjang pengajian mereka?

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian kes kebiasaannya menggunakan kaedah kualitatif melalui teknik pengumpulan data deskriptif melalui temubual (Merriam dan Tisdell, 2016). Justeru dalam kajian ini, penggunaan teknik temubual membolehkan penyelidik mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk penyata secara langsung daripada responden kajian. Kajian ini memilih temubual separa berstruktur sebagai cara mendapatkan data kerana ianya lebih sistematik dan berfokus. Menurut Merriam dan Tisdell (2016), teknik-teknik menemuduga adalah salah satu cara yang cepat untuk mendapatkan lebih banyak maklumat dalam masa yang

singkat, sama ada menggunakan teknik bersemuka, melalui telefon, secara atas talian atau gabungan teknik berkenaan. Rajah 5 menunjukkan tentang proses metodologi dalam kajian ini.



Rajah 5: Kaedah metodologi kajian

Dalam kajian ini menggunakan analisis tematik, mengikut Creswell (2007), analisis tematik disebut mempunyai enam fasa seperti berikut:

- a. mengenal pasti (butir-butir temuduga)
- b. menjana kod
- c. menjana tema
- d. mengkaji potensi tema
- e. menentukan dan penamaan tema
- f. mengeluarkan laporan.

Merujuk Braun dan Clarke (2006), objektif utama analisis tematik adalah untuk mengenalpasti, menganalisis dan melaporkan data, juga mengurangkan proses pengurusan dan menghuraikan data. Walau bagaimanapun, kaedah ini lebih praktikal kerana dapat menghuraikan sesuatu aspek dengan lebih lanjut mengenai topik penyelidikan. Kajian kes ini menggunakan teknik temu bual sebagai kaedah pengumpulan data. Temu bual dibuat ke atas 5 sampel pelajar-pelajar Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang yang sedang mengikuti pengajian Semester Disember 2018. Lima orang pelajar ini mewakili ketua kumpulan yang telah menggunakan dan melaksanakan proses *Way Finding* pada 3 April 2019.

3.1 Kerangka Kajian

Kajian ini menggunakan model ARCS-V sebagai panduan dalam merangka kajian. Rajah 6 menunjukkan perspektif 5 aspek penilaian yang dijalankan dalam kajian ini.

Perhatian (Attention)	Relevan (Relevance)	Keyakinan (Confidence)	Kepuasan (Satisfaction)	Kesukarelaan (Volition)
<ul style="list-style-type: none"> •Rasa ingin tahu •Memberi perhatian •Ransangan (stimulus) 	<ul style="list-style-type: none"> •Kepentingan •Matlamat •Kebimbangan 	<ul style="list-style-type: none"> •Selesa dengan cabaran •Percaya konsep •Kebenaran 	<ul style="list-style-type: none"> •Selesaikan masalah •Tambah penguasaan subjek 	<ul style="list-style-type: none"> •Komitmen pelajar •Tahap serius untuk belajar

Rajah 6 : Lima aspek penilaian

3.2 Carta Perbatuan Penyelidikan

Aktiviti-aktiviti	Jan.	Feb.	Mac	April	Mei	Jun	Julai
1. Mengenalpasti topik kajian / masalah kajian	6-24						
2. Membuat kajian literatur / cari bahan rujukan		10-28					
3. Merancang metodologi			3-7				
4. Melaksanakan inovasi Way Finding				3			
5. Menjalankan sesi temubual pelajar				7-25			
6. Membuat analisis dapatan temubual					5 - 16		
7. Menyiapkan penulisan penuh					19-30		
8. Memohon kelulusan kebenaran pembentangan luar negara dan membuat pemurnian penulisan						10-15	
9. Membentangkan kertas penyelidikan							1-3
10. Penambahbaikan berterusan							7 - 18
11. Menghantar untuk penerbitan dalam / luaran							21 - 30


4.0 ANALISIS KAJIAN

Analisis yang digunakan untuk melihat tahap motivasi pelajar adalah melalui Analisis Motivasi dengan menggunakan kombinasi motivasi dan pencapaian Hasil dapatan daripada temubual ke atas 5 orang pelajar ditunjukkan di dalam jadual 2.

Jadual 2: Hasil analisis motivasi

Attention	A1 – Aplikasi sangat menarik dan saya lebih fokus A2 – Pada awal kurang memberi ransangan namun pertengahan proses semakin baik dan terkawal.
Relevance	R1 – Aplikasi ini memenuhi topik yang dipelajari dan tambah pengetahuan. R2 – Aplikasi ini hanya tertumpu kepada topik pengangkutan sahaja.
Confidence	C1 – Suka dengan cabaran sepanjang menggunakan aplikasi sehingga membantu memberi skor yang baik dalam ujian. C2 – Aplikasi kurang menyediakan tugas-tugas yang menarik dan mencabar.
Satisfaction	S1 – Dapat mencari isu dan masalah dalam pengangkutan awam melalui sepanjang aktiviti Way Finding. S2 – Kurang unsur nilai sepanjang aktiviti Way Finding.
Volition	Okey kerana sesi pembelajaran dapat dipendekkan dan tambah nilai kepada pengalaman sebenar.

Hasil analisis ini digambarkan melalui Rajah 7 yang menerangkan secara jelas 3 komponen dalam ARC dan elemen positif dan negatif dapat ditunjukkan dengan jelas.



Rajah 7 : Hasil Analisis Motivasi

Berdasarkan kepada Rajah 7 menunjukkan bahawa lima kategori dalam model ARCS-V adalah berada dalam tahap memuaskan. Ini dapat dibuktikan melalui peningkatan minat dan pengetahuan pelajar dalam topik yang dipelajari sehingga membantu meningkatkan skor ujian pelajar. Pelajar juga dapat berdikari tanpa bantuan pensyarah untuk menyelesaikan tugas dan berupaya untuk mencari isu serta masalah dalam pengangkutan awam Negara.

5.0 CADANGAN DAN RUMUSAN

Berdasarkan kepada dapatan kajian yang diperolehi, beberapa cadangan perlu dilakukan untuk menambahbaik kepada aplikasi *Way Finding*. Antaranya adalah:-

- a. Mempelbagaikan aktiviti dan tugas yang menarik di dalam aplikasi supaya meliputi aspek pengangkutan dan logistik secara menyeluruh. Ini boleh memberi impak kepada motivasi dan minat pelajar.
- b. Aplikasi *Way Finding* perlu menambahbaik kepada aspek interface (antaramuka) yang menarik dan menambah stimulasi pelajar apabila pertama kali menggunakan aplikasi dengan memasukkan unsur animasi dan suara.
- c. Aspek pembangunan nilai terhadap aplikasi ini masih lemah kerana sepanjang menggunakan aplikasi ini, pelajar terikat untuk menyelesaikan tugas dengan kadar segera sehingga mengabaikan unsur nilai yang terdapat dalam aplikasi ini secara langsung. Justeru elemen ini perlu diketengahkan dengan menerapkan unsur nilai seperti kerjasama kumpulan, kualiti kerja, pengurusan masa dan tingkah laku. Idea ini disokong oleh Nawi *et al.*, (2014) berkenaan penerapan nilai.

Secara keseluruhan pendekatan pengurusan pembelajaran pengalaman amat penting untuk menambah minat dan motivasi pelajar agar proses PdP berjalan dengan seimbang. Kajian ini telah memberi impak kepada pembangunan aplikasi berasaskan lokasi dalam PdP yang semakin mendapat perhatian pada masa kini khususnya *Way Finding* merupakan konsep yang baharu dalam menyahut cabaran 4IR. Untuk perancangan masa depan, penggunaan model ARCS-V perlu diperluaskan dalam menilai tahap motivasi pelajar dalam elemen-elemen lain seperti pembelajaran teradun dan e-pembelajaran yang semakin popular pada masa kini.

RUJUKAN

Goksu, I & Atici, B (2013), Need for mobile learning: technologies and opportunities. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. Vol. 103, pp 685-694.

Hassan, I.S., Ismail, M.A & Mustapha, R. (2010). The effects of integrating mobile and CAD technology in teaching design process for Malaysian Polytechnic Architecture students in producing creative product. *The Turkish Online Journal of Educational Technology*. Vol. 9 Issue 4, pp 162-172.

Keller, J.M. (2016), Motivation, learning and technology: applying the ARCS-V motivation model. *Participatory Educational Research (PER)*. Vol. 3(2), pp. 1-13.

Kolb, D.A. (2014). *Experiential learning: Experience as the source of learning and development*. Pearson Education. United States of America.

Kolb, D.A. (2007). *Experiential learning*:
<https://www.learning-theories.com/experiential-learning-kolb.html>. Dicapai pada 12 Mei 2019.

Makris, D., Makris, K., Arapi, P & Christodoulakis, S. (2016). *PlayLearn: A platform for the development and management of learning experiences in location-based mobile games*. eLmL 2016: The Eight International Conference on Mobile, Hybrid and On-line Learning. ISBN:978-1-61208-471-8.

Nawi, A., Hamzah, M.I & Abd Sattai, S.A. (2014) Potensi penggunaan aplikasi mudah alih (mobile apps) dalam bidang pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*. Vol. 2, Issue 2, pp. 26-35.

Zolzulya, S. (2016). 5 hot ideas for location-based apps.
<https://stfalcon.com/en/blog/post/5-hot-ideas-for-location-based-apps>. Dicapai pada 12 Mei 2019.

MINAT PELAJAR TERHADAP PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM BILIK KULIAH

Mohd Khairul Bin Omar dan Muhammad Baqir Bin Ibrahim
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

1.0 REFLEKSI KAJIAN

Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan berasaskan teori dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Pelajar kolej komuniti terdiri daripada lepasan SPM, graduan menganggur, usahawan, masyarakat setempat dan pesara dengan pelbagai latar belakang.

Kebelakangan ini, pelajar semakin ramai yang kurang berminat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Masalah ini dapat dilihat daripada kehadiran yang tidak memuaskan, lewat hadir ke kuliah dan tidak menumpukan semasa proses pembelajaran berjalan. Hasil daripada penilaian berterusan di lakukan, didapati bahawa tahap pemahaman dan kemahiran pelajar adalah juga lemah.

Menurut Gie (1998), minat bermaksud sibuk, tertarik, atau terlihat sepenuhnya dengan sesuatu aktiviti kerana menyedari pentingnya kegiatan itu. Dengan demikian, minat belajar adalah keterlibatan sepenuhnya seorang pelajar dengan segenap tumpuan kegiatan pemikiran untuk memperoleh pengetahuan dan mencapai pemahaman tentang pengetahuan ilmiah yang dituntutnya di institusi.

Hasil daripada pengamatan awal dapat di rumus secara umum dilihat bahawa minat pelajar dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya latar belakang pelajar dan kaedah pengajaran serta pembelajaran yang dijalankan.

Faktor latar belakang yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran bilik kuliah adalah lemah dalam akademik, tiada penglibatan dalam aktiviti sukan dan ko kurikulum, masalah keluarga, taraf ekonomi dan masalah sosial dari masyarakat setempat.

Gaya pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga memberi impak yang besar terhadap minat dan kefahaman pelajar dalam satu-satu mata pelajaran yang diajar. Seterusnya kedua-dua unsur ini boleh mendorong seseorang itu maju dalam pelajaran mereka (Atan, 1993). Dengan ini faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di politeknik pula haruslah dikenal pasti dan ditangani memandangkan pentingnya untuk melahirkan graduan yang boleh berfikir dan menyumbang idea mereka untuk memajukan masyarakat dan negara pada masa depan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian penyelidik adalah untuk mengenal pasti punca pelajar kurang minat terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Am

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti punca masalah pelajar kurang berminat untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 mengenal pasti faktor latar belakang pelajar yang mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran
- 3.2.2 mengenal pasti faktor kaedah pengajaran dilakukan yang mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran
- 3.2.3 Meningkatkan minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada 35 responden iaitu pelajar semester 3 dan semester 5 dari program Servis Kenderaan Ringan bagi sesi Julai 2013.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Soal Selidik

Borang soal selidik telah disediakan oleh penyelidik untuk mengenal pasti punca masalah pelajar kurang berminat untuk melibatkan diri dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Sebanyak 35 borang soal selidik diedarkan kepada responden iaitu pelajar dari program Servis Kenderaan Ringan bagi sesi Julai 2013. Borang soal selidik kajian mengandungi dua konstruk iaitu bahagian A bertujuan mengenal pasti faktor latar belakang pelajar yang mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Bahagian B adalah mengenal pasti faktor kaedah pengajaran dilakukan yang mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil dari soal selidik akan direkodkan dalam bentuk jadual, graf dan analisa.

5.2 Temu Bual

Instrumen temu bual akan digunakan sebagai mendapat maklum balas lisan daripada responden. Temu bual akan dibuat secara bersemuka antara responden dan penyelidik yang mempunyai lima soalan.

5.3 Analisis Data

5.3.1 Latar belakang pelajar

Soal selidik yang padat merumuskan tentang latar belakang pelajar mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran seperti ditunjukkan pada jadual 1.

Jadual 1: Petunjuk Latar belakang pelajar yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran.

PETUNJUK			
BIL	ITEM	PERATUS (%)	
		YA	TIDAK
A1	Saya berpeluang untuk belajar dalam bidang selain kursus servis kenderaan ringan	77	23
A2	Keluarga sentiasa memberi galakan untuk terus belajar kursus servis kenderaan ringan	91	9
A3	Keluarga saya sentiasa menyediakan keperluan sepanjang masa belajar kursus servis kenderaan ringan	94	6
A4	Saya berminat dengan kerja berasaskan kemahiran	97	3
A5	Saya bersedia untuk melakukan kerja-kerja lasak dalam pelajaran servis kenderaan ringan	91	9
A6	Saya dapat menguruskan masa dengan teratur	69	31
A7	Saya sentiasa berkeinginan untuk terus maju dalam bidang yang diceburi.	89	11

Berdasarkan jadual 1, pelajar yang berpeluang untuk belajar selain kursus servis kenderaan ringan di kolej komuniti adalah sebanyak 77 peratus dan latarbelakang keluarga yang sentiasa memberi galakan untuk terus belajar kursus servis kenderaan ringan adalah 91 peratus. Manakala keluarga yang sentiasa memberi bantuan keperluan untuk terus belajar kursus servis kenderaan ringan 94 peratus. Pelajar- pelajar juga bersedia untuk melakukan kerja yang melibatkan fizikal dan tenaga yang di perlukan di dalam pelajaran servis kenderaan ringan sebanyak 91 peratus. Sebanyak 97 peratus memilih berminat dengan pembelajaran berpusatkan kemahiran. Kemampuan pelajar mengurus masa dengan teratur dan sentiasa bermotivasi untuk terus maju di dalam bidang yang diceburi adalah masing-masing sebanyak 69 peratus dan 89 peratus.

Walaupun bagaimanapun, daripada jadual 1 didapati segelintir pelajar iaitu sebanyak 31 peratus yang tidak dapat mengurus masa dengan teratur. Faktor ini yang menyebabkan pelajar tidak dapat menghadiri kelas kerana bangun lewat dan hadir lewat ke kelas. Jadual 1 juga menunjukkan pelajar tiada pilihan selain daripada belajar di kolej komuniti dalam bidang servis kenderaan ringan sebanyak 23 peratus, ini menimbulkan mungkin menimbulkan situasi di mana wujud keadaan keterpaksaan yang menimbulkan masalah dari segi kehadiran serta kecenderungan pelajar untuk tidak belajar secara bersungguh-sungguh. Sebanyak 11 peratus pelajar kurang bermotivasi untuk terus maju di dalam bidang servis kenderaan ringan. Ini menunjukkan ramai pelajar mempunyai matlamat meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran yang diperolehi pada masa akan datang dan seterusnya menyumbang idea, kemahiran dan tenaga untuk bangsa, agama dan negara. Berdasarkan jadual 1 juga didapati pelajar kurang bersedia untuk melibatkan diri dalam aktiviti melibatkan penggunaan tenaga fizikal dan alatan tangan di bengkel dalam matapelajaran servis kenderaan ringan adalah sedikit iaitu sebanyak 9 peratus.

5.3.2 Kaedah pengajaran

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan tentang kaedah pengajaran mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pembelajaran dan pengajaran ditunjukkan pada jadual 2.

Jadual 2: Petunjuk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran.

PETUNJUK			
BIL	ITEM	PERATUS (%)	
		YA	TIDAK
A1	Saya akan lebih aktif bila belajar dengan kaedah praktikal.	94	6
A2	Saya suka belajar secara bersemuka dengan pensyarah.	92	8
A3	Saya lebih berminat mengikuti pembelajaran berkonsepkan " <i>Outcome Based Education</i> " (OBE).	63	37
A4	Saya lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan kemudahan internet.	66	34
A5	Saya akan lebih berminat dengan belajar menggunakan kaedah penyelesaian masalah.	91	9
A6	Saya lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan konsep " <i>Student Centre</i> ".	89	11
A7	Saya lebih mudah memahami pembelajaran interaksi secara dua hala.	97	3

Berdasarkan jadual 2, faktor kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran mengikut peratus persetujuan mereka bagi item A1 hingga A7 adalah 94 peratus, 92 peratus, 63 peratus, 66 peratus, 91 peratus, 89 peratus, 97 peratus. Sebaliknya pernyataan yang sama tidak dipersetujui oleh pelajar adalah A1(6%), A2 (8%), A3 (37%), A4 (34%), A5 (9%), A6 (11%) dan A7 (3%).

Rumusan analisis perangkaan menunjukkan pelajar akan lebih aktif bila proses pengajaran dan pengajaran dilakukan dengan kaedah praktikal iaitu 94 peratus. Daripada jumlah itu, hanya 6 peratus pelajar tidak berminat dengan kaedah praktikal. Analisis juga menunjukkan 92 peratus pelajar lebih suka belajar secara bersemuka dengan pensyarah dan 8 peratus tidak berminat dengan kaedah ini.

Pelajar yang memilih berminat untuk mengikuti proses pembelajaran menggunakan konsep "*Outcome Based Learning*" (OBE) dan gemar belajar menggunakan kemudahan internet adalah dengan dapatan 63 peratus dan 66 peratus masing-masing. Kaedah pembelajaran menggunakan kaedah penyelesaian masalah juga menjadi pilihan pelajar dengan 91 peratus pelajar menyatakan persetujuan. Sejumlah 89 peratus pelajar lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan konsep "*Student Centre*". Pelajar juga mudah memahami pembelajaran interaksi secara dua hala dengan 97 peratus bersetuju dan 3 peratus tidak bersetuju.

Walaupun bagaimanapun, sebanyak 37 peratus pelajar tidak gemar mengikuti pelajaran dan pembelajaran menggunakan konsep "*Outcome Based Education*" dan 34 peratus dapat memahami pelajaran berpusatkan internet untuk mendapatkan maklumat.

5.3.3 Analisa Temu Bual

Terdapat empat item temu bual dikemukakan kepada semua responden yang terlibat. Sesi temu bual dijalankan oleh penyelidik dengan diajukan soalan yang sama. Perincian temu bual ditunjukkan pada jadual 3.

Jadual 3 : Rumusan jawapan pelajar terhadap soalan temu bual.

Kod	Soalan Temu Bual	Respon	Peratus
A1	Adakah keluarga sentiasa membantu dari semua aspek supaya anda menumpukan perhatian semasa pembelajaran dan pengajaran kursus servis kenderaan ringan	Positif	97
		Negatif	3
A2	Adakah anda perlu mengikuti kursus peningkatan jati diri dan pengurusan masa bagi meningkatkan motivasi anda	Positif	94
		Negatif	6
A3	Adakah anda dapat fahami arahan daripada pensyarah sebelum melakukan amali	Positif	86
		Negatif	14
A4	Adakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah sesuai dengan kursus servis kenderaan	Positif	80
		Negatif	20

Jadual 3 menunjukkan bahawa keluarga sentiasa memberi sokongan dan bantuan dari semua aspek supaya pelajar sentiasa memberi perhatian kepada pembelajaran dan pengajaran kursus servis kenderaan ringan adalah sebanyak 97 peratus respon positif dan 3 peratus respon negatif. Melalui temu bual tersebut juga didapati sebanyak 94 peratus pelajar memberi respon positif dan 6 peratus respon negatif bahawa mereka perlu mengikuti kursus peningkatan jati diri dan pengurusan masa. Sebanyak 14 peratus pelajar memberi respon negatif bahawa mereka tidak memahami arahan daripada pensyarah sebelum melakukan amali dan seramai 86 memberi respon positif adakah mereka memahami arahan daripada pensyarah sebelum melakukan amali. Kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah sesuai dengan kursus servis kenderaan adalah seramai 80 peratus memberi respon positif manakala 20 peratus lagi memberikan respon negatif.

Kesimpulannya, jadual 3 menunjukkan bahawa peratusan negatif yang tinggi memberi respon bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah tidak sesuai dengan kursus servis kenderaan ringan. Begitu juga dengan tahap kefahaman pelajar memahami arahan daripada pensyarah sebelum melakukan amali. Walau bagaimanapun respon negatif ini masih rendah dan tidak terlalu mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah. Oleh demikian, pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah penyampaian pengajaran yang digunakan oleh pensyarah bagi kursus servis kenderaan. Sehubungan itu, penambahbaikan dari segi penyampaian pengajaran melalui visual dan audio, pensyarah juga perlu melakukan kaedah “*student centre*” bagi meningkatkan penglibatan pelajar. Ini mengurangkan pelajar cepat hilang tumpuan dan bosan semasa pensyarah memberi arahan dan penerangan sebelum melakukan amali. Kaedah pengajaran secara interaksi secara dua hala juga perlu dipertingkatkan bagi mengatasi masalah yang terdapat di dalam jadual 3.

5.4 Merancang Tindakan

Daripada analisis pada jadual 1 dan jadual 2 dapat dikenali beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Beberapa tindakan akan diambil dan akan dilaksanakan kepada

pelajar pada sesi kuliah seterusnya hingga ke akhir semester julai 2013. Antara tindakan yang akan diambil adalah seperti dibawah:

- 5.4.1 Masalah utama pelajar tidak memahami konsep sebenar "*Outcome based education*" (*OBE*) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik menyediakan slot taklimat penerangan berkaitan konsep *OBE* dalam pengajaran dan pembelajaran. Promosi dan iklan berkaitan *OBE* juga ditingkatkan. Sebelum proses pengajaran bermula, "*Course Learning Outcome*" (*CLO*) berkaitan kursus yang diajar diberi penerangan yang jelas.
- 5.4.2 Pelajar tidak gemar belajar menggunakan kemudahan internet adalah kerana kurang pendedahan berkaitan internet. Pelajar juga tidak mengetahui kaedah yang betul untuk mendapatkan maklumat dari internet. Malah ada sebahagiannya tidak mengetahui cara menggunakan computer. Tindakan yang boleh dilakukan adalah membuat aktiviti pengajaran dan pembelajaran melibatkan penggunaan internet dengan pemantauan sepenuhnya dari pensyarah.
- 5.4.3 Ceramah pengurusan masa akan dilakukan dari masa ke semasa akan dirangka.
- 5.4.4 Taklimat ringkas dan motivasi sebelum kelas dimulakan setiap hari selama 10 minit disediakan untuk pensyarah.

5.5 Pelaksanaan Tindakan

Setiap pelaksanaan tindakan yang dilakukan dengan mengambilkira beberapa kelemahan dan masalah-masalah yang telah dikenalpasti melalui analisis jadual 1 dan jadual 2. Tindakan penambahbaikan ke atas pelajar sesi julai 2013 akan dilaksanakan selama 5 minggu dan pemerhatian terhadap hasil tindakan akan dilakukan selepas perlaksanaan tindakan dilakukan iaitu pada akhir pengajian semester julai 2013. Berikut adalah langkah-langkah dan aktiviti yang akan dilaksanakan.

Langkah 1:

Perlaksanaan tindakan 1 akan dilaksanakan oleh saya di dalam kelas selama dua minggu pada awal semester bermula. Penyelidik telah mengambil masa 30 minit di awal waktu kuliah untuk menerangkan konsep "*Outcome Based Learning (OBE)*" secara terperinci. Pada permulaan kursus, pelajar diberi penerangan berkaitan "*Course learning Outcome (CLO)*" untuk kursus tersebut. Jadi pelajar dapat memahami hasil pembelajaran yang disasarkan untuk kursus yang dipelajari sebelum proses pembelajaran bermula. Jadi pelajar akan bersedia untuk turut serta dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Langkah 2:

Pelajar bermasalah dengan penggunaan internet di selesaikan dengan tumpuan diberikan terhadap setiap pelajar. Kursus menggunakan internet dan kaedah untuk mendapatkan maklumat berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran diadakan secara berkala melibatkan kursus penggunaan internet secara praktikal. Nota-nota ringkas berkaitan penggunaan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran di edarkan.

Langkah 3:

Siri-siri ceramah pengurusan masa dengan teratur dan sempurna akan diadakan untuk mengatasi masalah kedatangan lewat dan tidak hadir disebabkan tidak bijak menguruskan masa dengan teratur.

Langkah 4:


Pelajar-pelajar juga akan diberi taklimat ringkas sebelum kelas diadakan setiap hari supaya bersedia untuk mengerah tenaga dan tidak rendah diri walaupun bergelumang dengan minyak hitam ataupun kotoran. Pelajar-pelajar juga akan diberi motivasi ringkas setiap hari untuk terus maju didalam bidang servis kenderaan ringan melalui kisah-kisah teladan mahupun kata-kata hikmah yang akan dipertuturkan oleh pensyarah. Motivasi dari segi kesediaan pelajar untuk terus berusaha bersungguh-sungguh didalam bidang servis kenderaan ringan walaupun tidak mempunyai pilihan lain selain daripada belajar didalam bidang tersebut.

5.6 Pengumpulan dan Analisis Data

Selepas tindakan-tindakan yang dirancang berjaya dilaksanakan, satu kajian dilakukan untuk menilai keberkesanan tindakan tersebut. Kajian dilakukan dengan mengedarkan satu set soal selidik yang sama dengan soalan sebelum tindakan kajian dijalankan. Proses pengumpulan dan analisis data ini dilakukan di akhir semester julai 2013. Keberkesanan hasil tindakan yang diambil dapat dilihat berdasarkan kepada perbandingan dapatan soal selidik sebelum tindakan dijalankan dengan dapatan soal selidik selepas tindakan dilaksanakan.

5.6.1 Soal selidik


Graf 1 : Perbandingan dapatan soal selidik - latar belakang pelajar mempengaruhi minat pelajar terhadap P&P.



Petunjuk	Item
A6	Saya dapat menguruskan masa dengan teratur
A7	Saya sentiasa berkeinginan untuk terus maju dalam bidang yang diceburi.

Analisis data soal selidik yang dijalankan selepas tindakan yang dirancang terlaksana, didapati bahawa pelajar dapat menguruskan masa dengan baik meningkat kepada 91 peratus. Jika dibandingkan dengan dapatan soal selidik faktor latar belakang mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sebelum tindakan dilakukan, berlaku peningkatan sebanyak 22 peratus. Sebanyak 97 peratus pula memilih sentiasa bermotivasi untuk terus maju di dalam bidang yang diceburi. Terdapat peningkatan sebanyak 8 peratus jika dibandingkan dengan hasil soal selidik di awal kajian.

Graf 2 : Perbandingan dapatan soal selidik – kaedah pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi minat pelajar terhadap P&P.



Petunjuk	Item
A3	Saya lebih berminat mengikuti pembelajaran berkonsepkan “ <i>Outcome Based Education</i> ” (OBE).
A4	Saya lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan kemudahan internet.

Hasil daripada pelaksanaan tindakan yang dirancang , soal selidik yang dijalankan telah didapati bahawa pelajar lebih berminat mengikuti pembelajaran berkonsepkan “*Outcome Based Education*” (OBE) kepada 89 peratus. Perbandingan di antara dapatan soal selidik faktor kaedah pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sebelum tindakan dilakukan, berlaku peningkatan sebanyak 26 peratus. Sebanyak 86 peratus pula memilih lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan kemudahan internet. Terdapat peningkatan sebanyak 20 peratus jika dibandingkan dengan hasil soal selidik di awal kajian.

5.6.2 Pemerhatian

Berdasarkan dari pemerhatian kehadiran pelajar, didapati pelajar datang lebih awal untuk membuat persediaan awal sebelum kelas bermula. Sikap pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung juga dapat diperhatikan bahawa pelajar memberi tumpuan yang lebih baik dan bersemangat dengan penglibatan semasa aktiviti amali di bengkel.

6.0 KESIMPULAN

Daripada kajian yang telah dijalankan dan berdasarkan pemerolehan data yang diperolehi, dapat dibuat kesimpulan bahawa terdapat peningkatan minat pelajar terhadap proses pembelajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah dengan penekanan terhadap faktor latar belakang pelajar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Latar belakang setiap pelajar sukar diubah dan akan mempengaruhi minat dan tahap penerimaan pelajaran pelajar tetapi tindakan perlu di ambil untuk meningkatkan motivasi dan keinginan pelajar untuk terus meningkatkan diri dalam pelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan banyak bergantung kepada kepakaran dan pengalaman pensyarah dalam menyesuaikan kaedah yang digunakan dengan tahap penerimaan pelajar yang berbeza. Pensyarah boleh mempelbagaikan lagi kaedah mengajar dan sentiasa menilai keberkesanan kaedah yang digunakan dan melakukan penambahbaikan.

Antara cadangan tindakan yang lain boleh meningkatkan minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah adalah:

- i. Membuat lawatan industri secara berkala boleh meningkatkan lagi motivasi pelajar terhadap bidang yang diceburi dan membantu pelajar mendapatkan gambaran persekitaran kerja yang sebenar.
- ii. Menjalankan kem atau bengkel motivasi pelajar bagi meningkatkan lagi minat pelajar terhadap proses Pengajaran dan pembelajaran. Bengkel kemahiran belajar yang efisien juga perlu untuk mendedahkan pelajar dengan teknik belajar yang betul.

6.1 Cadangan Untuk Kajian Seterusnya

Cadangan untuk kajian yang seterusnya adalah seperti berikut:

- 6.1.1 Kajian ini perlu dipanjangkan kepada semua kelas sijil Kolej Komuniti terutamanya pelajar semester awal agar masalah minat pelajar terhadap proses pengajaran

dan pembelajaran dapat dikesan dengan lebih awal dan seterusnya penambahbaikan dapat dilakukan dengan segera.

- 6.1.2 Skop kajian diperluaskan untuk faktor-faktor lain yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Antaranya faktor persekitaran tempat belajar, emosi pelajar, sosiologi dan kreativiti alat bantu mengajar (ABBM).

RUJUKAN

Abdul Ghani Awang (1996). *Kemahiran Belajar Di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdullah, Ibrahim (2004). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Kaitannya dengan Pembangunan Diri dan Peluang Pekerjaan*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan

Atan Long. (1984). *Pendidik dan Pendidikan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Azizi Bin Yahaya & Rohaya Binti Ahmad (2002). *Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin Di Sekolah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Ee Ah Meng. (1995). *Pendidikan Sebagai Suatu Proses*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Hanifi Ismail (2001). *Tujuh Cabaran Menjadi Pelajar Cemerlang*. Cetakan Kedua. K. Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Yusof Othman (2000). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

Rashidi Azizan and Abdul Razak Habib. (1999). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah*. Kajang : Masa Enterprise Sdn.Bhd.

Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Sulaiman Ngah Razali. (1997). *Pedagogi : Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Supyan Hussin. (2000). *Modul: Alat Bantu Mengajar (ABM)*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zulkifli Ismail, Sharifah Mazlin Syed Ali dan Mazlan Mohd Yusof (1995). *Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

PENGLIBATAN PELAJAR DALAM KEGIATAN KO-KURIKULUM DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Afidah Binti Alias dan Lau Cher Sim
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

1.0 REFLEKSI KAJIAN

Kokurikulum di institusi telah menjadi sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia ketika ini. Ianya telah menjadi satu kegiatan yang diwajibkan kepada setiap pelajar di semua institusi. Aktiviti kokurikulum dianggap penting sebagai alat untuk memenuhi hasrat unggul dasar pendidikan kebangsaan, iaitu perpaduan di kalangan pelajar-pelajar yang terdiri dari berbilang kaum. Laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) telah menyatakan bahawa semua pelajar hendaklah digalakkan supaya mengambil bahagian yang lebih aktif dalam aktiviti kokurikulum. Setiap pelajar perlu menyertai satu badan beruniform, satu sukan atau permainan dan satu kelab atau persatuan di sekolah.

Kokurikulum merupakan aktiviti dan pengalaman pendidikan yang dilaksanakan di luar bilik kuliah. Kokurikulum lebih banyak dilaksanakan secara tidak langsung atau tidak formal. Aktiviti kokurikulum lebih menekankan perkara dan aspek yang tersembunyi seperti nilai, bakat, peranan, kepimpinan, sosial dan sebagainya. Aktiviti ini juga dikenali sebagai kurikulum tersembunyi. Kebiasaannya aktiviti kokurikulum dilaksanakan pada waktu petang atau hujung minggu. Sesetengah aktiviti kokurikulum juga dilaksanakan di dalam bilik kuliah, mengikut kesesuaian sesuatu aktiviti seperti ceramah, kuiz, syarahan dan sebagainya.

Merujuk data daripada Unit Hal Ehwal Pelajar KKKT, peratus penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh Unit Sukan dan Kokurikulum Kolej komuniti Kuala Terengganu adalah kurang memberangsangkan, iaitu hanya 35%. Hanya 45% pelajar sahaja terlibat dengan aktiviti kokurikulum. Merujuk Pegawai Sukan KKKT, unit ini sukar untuk mendapatkan peserta daripada kalangan pelajar. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat punca-punca yang menghalang dan mempengaruhi penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum khususnya sukan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti punca kurang penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Am

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti punca mengapa kurangnya penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 Mengetahui minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum.
- 3.2.2 Mengetahui kemudahan & keperluan asas yang disediakan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu.
- 3.2.3 Meningkatkan peratus penglibatan pelajar yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum.

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada 80 responden iaitu 40 orang pelajar lelaki dan 40 orang pelajar perempuan dari Kolej Komuniti Kuala Terengganu Sesi Jan 2013.

5.0 KONSEP KAJIAN TINDAKAN

5.1 Soal Selidik

Penyelidik telah menyediakan borang soal selidik untuk mengenalpasti jawapan bagi punca kurangnya peratus penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 80 responden iaitu 40 orang pelajar lelaki dan 40 orang pelajar perempuan daripada pelajar Kolej Komuniti Kuala Terengganu sesi Jan 2013. Borang soal selidik kajian mengandungi tiga konstruk iaitu bahagian A untuk mengenalpasti minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum. Manakala bahagian B mengenalpasti kemudahan dan keperluan asas yang disediakan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Bahagian C pula adalah meningkatkan peratus penglibatan pelajar yang menyertai aktiviti kokurikulum. Setiap konstruk mengandungi 9 instrument. Hasil yang diperolehi akan direkod dalam bentuk jadual dan graf serta dianalisa.

6.0 ANALISA TINJAUAN MASALAH


6.1 Minat Pelajar

Rumusan soal selidik ringkas yang dijalankan berkaitan dengan minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1 : Petunjuk Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum.

PETUNJUK			
BIL	ITEM	PERATUS (%)	
		YA	TIDAK
B1	Saya sentiasa mengambil tahu semua aktiviti yang dianjurkan oleh KKKT.	25	75
B2	Saya yakin penyertaan aktiviti kokurikulum tidak mengganggu pencapaian akademik saya.	95	5
B3	Saya tidak berasa bosan semasa menyertai aktiviti kokurikulum.	35	65
B4	Saya dapat membelajari ilmu pengetahuan yang tidak dapat belajar di dalam bilik kuliah semasa menyertai aktiviti kokurikulum.	95	5
B5	Saya menjadi pelajar yang lebih cergas, aktif dan semangat kerjasama yang tinggi apabila menyertai aktiviti kokurikulum.	95	5
B6	Saya faham kegiatan aktiviti kokurikulum dapat mengurangkan tekanan saya.	90	10
B7	Keluarga saya sentiasa memberi sokongan kepada saya dalam penglibatan aktiviti kokurikulum di KKKT.	95	5

Carta 1 :Petunjuk Minat Pelajar Terhadap Aktiviti Kokurikulum



Berdasarkan Jadual 1, minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum mengikut peratus persetujuan mereka bagi item B1 hingga B7 adalah 25%, 95%, 35%, 95%, 95%, 90% dan 95%. Sebaliknya pernyataan yang sama dan tidak dipersetujui oleh pelajar adalah B1(75%), B2(5%), B3(65%), B4(5%), B5(5%), B6(10%) dan B7(5%).

Rumusan analisis perangkaan menunjukkan status pelajar mengambil tahu semua aktiviti yang dianjurkan oleh KKKT adalah 25% iaitu seramai 5 orang pelajar daripada 20 orang pelajar. Daripada jumlah ini, hanya 65% iaitu 13 orang daripada 20 orang pelajar merasa bosan semasa menyertai kokurikulum.

Walaupun bagaimanapun, sebanyak 95% pelajar yakin dengan penyertaan aktiviti kokurikulum tidak akan mengganggu pencapaian kerana pelajar dapat mempelajari ilmu pengetahuan yang tidak dapat belajar di dalam bilik kuliah. Disamping itu, pelajar akan menjadi lebih cergas, aktif dan semangat kerjasama yang tinggi apabila menyertai aktiviti kokurikulum. Sokongan keluarga yang tinggi dalam melibatkan diri di dalam aktiviti kokurikulum di KKKT.


6.2 Kemudahan Dan Keperluan Asas Di KKKT

Jadual 2 : Petunjuk Kemudahan dan Keperluan Asas di KKKT

PETUNJUK			
BIL	ITEM	PERATUS (%)	
		YA	TIDAK
C1	Saya berpuas hati dengan kemudahan asas bagi aktiviti kokurikulum yang disediakan di KKKT.	90	10
C2	Kemudahan asas bagi aktiviti kokurikulum yang disediakan di KKKT mampu menampung bilangan pelajar KKKT.	80	20

C3	Penyediaan kemudahan asas bagi aktiviti kokurikulum memberi minat kepada saya untuk menyertainya.	89.47	10.53
C4	Saya yakin kemudahan asas yang baik dan bermutu mampu meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum.	85	15
C5	Saya berasa seronok untuk menyertai aktiviti kokurikulum.	85	15
C6	Latihan atau aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh KKKT memenuhi citarasa saya.	30	70
C7	Jurulatih atau pensyarah pembimbing sentiasa memberi dorongan kepada saya.	80	20
C8	Jurulatih atau pensyarah pembimbing amat berpengalaman dalam aktiviti kokurikulum yang diselia oleh mereka.	40	60
C9	Tunjuk ajar daripada jurulatih atau pensyarah pembimbing dapat meningkatkan minat saya dalam kegiatan aktiviti kokurikulum.	45	55

Carta 2 :Petunjuk Kemudahan dan Keperluan Asas di KKKT



Berdasarkan Jadual 2, kemudahan dan keperluan asas di KKKT mengikut peratus persetujuan mereka bagi item C1 hingga C9 adalah 90%, 80%, 89.47%, 85%, 85%, 30%, 80%, 40% dan 45%. Sebaliknya pernyataan yang sama dan tidak dipersetujui oleh pelajar adalah C1(10%), C2(20%), C3(10.53%), C4(15%), C5(15%), C6(70%) , C7(20%), C8(60%) dan C9(55%).

Kemudahan dan keperluan asas di KKKT turut dianalisis bagi mengenangpasti permasalahan yang timbul kerana aspek ini sangat penting dalam penyertaan aktiviti kokurikulum. Hasil analisis yang dijalankan menunjukkan latihan atau aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh KKKT tidak memenuhi citarasa pelajar iaitu sebanyak 70%. Pengalaman jurulatih atau pensyarah pembimbing dalam aktiviti kokurikulum yang diselia oleh mereka adalah kurang iaitu sebanyak 60%. Selain itu,


tunjuk ajar daripada jurulatih atau pensyarah pembimbing tidak menarik minat pelajar dalam kegiatan kokurikulum iaitu 55%.

Manakala dari segi kemudahan asas yang disediakan, pelajar berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan serta peralatan yang ada mampu menampung bilangan pelajar. Selain daripada itu, kemudahan asas yang disediakan adalah baik dan bermutu dan pelajar merasa seronok untuk menyertainya disamping dorong daripada pensyarah pembimbing.

6.3 Penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum

Jadual 3 : Petunjuk penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum

PETUNJUK			
BIL	ITEM	PERATUS (%)	
		YA	TIDAK
D1	Saya pernah menyertai aktiviti kokurikulum sebelum belajar di Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KKKT).	90	10
D2	Saya hadir setiap kali perjumpaan aktiviti kokurikulum di KKKT.	35	65
D3	Saya gemar melibatkan diri dalam semua aktiviti ko-kurikulum yang dianjurkan oleh KKKT.	40	60
D4	Saya melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum luar daripada KKKT.	70	30
D5	Penglibatan saya dalam aktiviti kokurikulum tidak membuang masa saya.	90	10
D6	Penglibatan saya dalam aktiviti kokurikulum tidak membebankan pelajaran saya.	90	10
D7	Penglibatan saya dalam aktiviti kokurikulum memberi faedah kepada saya pada masa hadapan.	90	10



Carta 3 : Petunjuk penglibatan Dalam Aktiviti Kokurikulum

Berdasarkan Jadual 3, penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum mengikut peratus persetujuan mereka bagi item D1 hingga D7 adalah 90%, 35%, 40%, 70%, 90%, 90%, dan 90%. Sebaliknya pernyataan yang sama dan

tidak dipersetujui oleh pelajar adalah D1(10%), D2(65%), D3(60%), D4(30%), D5(10%), D6(10%) , dan D7(10%).

7.0 TINDAKAN

Hasil daripada analisis pada jadual 1 hingga 3, penyelidik telah menjalankan beberapa tindakan ke atas pelajar daripada kelab dan persatuan yang sama berdasarkan peratus kehadiran mereka untuk mengatasi masalah yang telah di kenal pasti sebelum ini seperti berikut.

- 7.1 Saya memaparkan semua aktiviti kokurikulum yang anjurkan oleh KKKT di sudut kenyataan dan iklan di televisyen.
- 7.2 Mengadakan aktiviti kokurikulum yang menyeronokkan pelajar seperti lawatan pelajar ke tempat berkaitan.
- 7.3 Menyediakan jurulatih luar yang lebih berpengalaman.
- 7.4 Pelajar diwajibkan hadir ke aktiviti kokurikulum dan kehadiran pelajar kurang daripada 80% dikira gagal dan akan dikenakan tindakan seperti gagal subjek kokurikulum.

8.0 PELAKSANAAN TINDAKAN

Tindakan penambahbaikan ke atas pelajar sesi Julai 2013 terhadap aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh Kolej Komuniti Kuala Terengganu (KKKT) dilaksanakan selama sebulan dan pemerhatian terhadap dilakukan 3 minggu selepas pelaksanaan.

Langkah 1:

Pelaksanaan tindakan 1 dilaksanakan oleh saya adalah memasang televisyen di *Student Centred* dan di hadapan bilik HEP untuk mengiklan program kokurikulum yang dijalankan di KKKT. Di samping itu, pensyarah juga memaparkan iklan di setiap sudut papan kenyataan berkaitan aktiviti kokurikulum yang dijalankan.

Langkah 2:

Pelaksanaan tindakan 2 oleh saya adalah menjalankan pengisian aktiviti kokurikulum yang lebih menyeronokkan pelajar supaya dapat menarik minat pelajar bagi menyertainya. Antaranya adalah mengadakan lawatan akademik, penglibatan pelajar dengan komuniti luar dan jsebagainya. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk melahirkan pelajar yang lebih berketerampilan dan dapat berkongsi idea antara satu sama lain. Disamping itu, ianya dapat memberi pendedahan kepada para pelajar di dalam bidang yang berkaitan untuk dimanfaatkan pada masa akan datang.

Langkah 3:

Pelaksanaan tindakan 3 penyelidik adalah laksanakan adalah menjemput jurulatih luar yang lebih berpegalaman dalam melatih pelajar. Disini pelajar akan memperoleh lebih banyak pengetahuan dan pengalaman dalam aktiviti sukan dan sebagainya.

Langkah 4:

Pelaksanaan tindakan 4 penyelidik adalah mewajibkan kehadiran pelajar ke aktiviti kokurikulum. Setiap pelajar diwajibkan hadir pada setiap kali perjumpaan yang diakan. Mana-mana pelajar yang memperoleh markah kehadiran kurang daripada 80% di kira gagal subjek kokurikulum dan pelajar perlu mengambil semula mata pelajaran tersebut pada semester akan datang.

9.0 PENILAIAN TINDAKAN

- 1.1 Pihak Hal Ehwal Pelajar bertindak dalam menangani masalah penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di Kolej Komuniti Kuala Terengganu dengan memasang televisyen di hadapan bilik HEP dan di ruang legar Student Centre. Selain itu juga, penyelar telah menaikkan iklan berkaitan kegiatan kokurikulum yang dijalankan pada minggu-minggu tersebut. Daripada tindakan yang dijalankan ini didapati 93.75% pelajar perihatin terhadap iklan tersebut dan iklan tersebut sangat memberi manfaat kepada pelajar.
- 1.2 Mengadakan aktiviti yang menyeronokkan kepada pelajar seperti lawatan ke komuniti luar, kilang, program masakan dengan kerjasama Kursus Pendek dan sebagainya dapat memberi keseronokan kepada pelajar untuk hadir ke aktiviti kokurikulum. Daripada tindakan yang dijalankan didapati 83.75% pelajar tidak merasa bosan dengan menyertai aktiviti kokurikulum.
- 1.3 Pihak Hal Ehwal Pelajar telah menjalankan kerjasama dengan agensi luar contohnya Persatuan Bola Jaring Terengganu untuk menyediakan perkhidmatan jurulatih. Kesannya pelajar sangat berpuas hati dengan latihan yang diberikan oleh jurulatih tersebut. Ini dibuktikan dengan sebanyak 87.5% pelajar mengatakan jurulatih luar berpengalaman dalam aktiviti kokurikulum yang diselia oleh mereka.
- 1.4 Selepas Mengambilkira mewajibkan kehadiran pelajar ke aktiviti kokurikulum dengan setiap pelajar diwajibkan hadir pada setiap kali perjumpaan yang diakan. Mana-mana pelajar yang memperoleh markah kehadiran kurang daripada 80% di kira gagal subjek kokurikulum dan pelajar perlu mengambil semula mata pelajaran tersebut pada semester akan datang. Kaedah ini amat berkesan kerana selepas langkah perlaksanaan dijalankan didapati 95% pelajar hadir setiap kali perjumpaan aktiviti kokurikulum.

10.0 KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti punca mengapa kurangnya penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Kajian ini menggariskan tiga punca utama untuk mengenalpasti minat pelajar terhadap aktiviti kokurikulum di KKKT. Seterusnya mengenalpasti kemudahan & keperluan asas yang disediakan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu. Disamping itu juga, adalah untuk meningkatkan peratus penglibatan pelajar yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum. Daripada kajian yang dijalankan didapati beberapa masalah dapat dikenalpasti mengapa kurangnya penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum. Antara masalah tersebut adalah pelajar tidak mengambil tahu semua aktiviti yang dianjurkan oleh KKKT. Masalah yang kedua adalah pelajar merasa bosan semasa menyertai

aktiviti kokurikulum. Selain itu, pelajar kurang berminat menyertai aktiviti kokurikulum kerana jurulatih atau pensyarah pembimbing kurang berpengalaman dalam aktiviti kokurikulum yang diselia oleh mereka. Setelah masalah ini dikenalpasti, beberapa langkah penyelesaian telah dijalankan. Selepas itu, kajian ini dijalankan semula dan didapati hasilnya sangat positif. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa untuk menarik minat pelajar dengan aktiviti kokurikulum adalah dengan mewujudkan aktiviti-aktiviti yang memenuhi citarasa pelajar seperti aktiviti diluar kolej. Selain itu, kemudahan asas yang disediakan juga perlulah selari dengan kehendak sesuatu aktiviti kokurikulum.

RUJUKAN

Kamus Dewan (1999). Edisi Ke 3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Jaflus Bahari(2008), “ Faktor-faktor yang menghalang penglibatan pelajar dalam kokurikulum sukan di kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Seremban”. (Atas talian) <http://www.ipislam.edu.my/uploaded/file/jaflus.pdf>-Dicetak(29/4/2008).

Dato Saifuddin Abdullah(2010), “Kokurikulum pelengkap akademik, keseimbangan dalam sistem pendidikan mampu lahirkan insan cemerlang”. (Atas talian) <http://www.saifuddinabdullah.com.my/kbharian/2006/dis/bh021206kokurikulum.html> -Dicetak(02 /12/2006).

Fakhurrazi Usuldin(2011), “ Kementerian lancer dasar 1murid 1sukan”. (Atas talian) <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/kementerianlancardasar1murid1sukan/article> - Dicetak (11/06/2011)

TAHAP KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH DI KALANGAN PELAJAR KURSUS SERVIS KENDERAAN RINGAN DI KOLEJ KOMUNITI KUALA TERENGGANU

Muhammad Baqir Bin Ibrahim dan Mohd Khairul Bin Omar
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

1.0 REFLEKSI KAJIAN

Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Malaysia menjadi institusi yang menyediakan keperluan latihan berasaskan teori dan kemahiran pada semua peringkat dan memberi peluang pendidikan kepada lepasan menengah sebelum ke pasaran tenaga kerja atau melanjutkan pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi. Pelajar kolej komuniti terdiri daripada lepasan SPM, graduan menganggur, usahawan, masyarakat setempat dan pesara dengan pelbagai latar belakang.

Kebelakangan ini, pelajar semakin ramai yang kurang berminat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Masalah ini dapat dilihat daripada kehadiran yang tidak memuaskan, lewat hadir ke kuliah dan tidak menumpukan semasa proses pembelajaran berjalan. Hasil daripada penilaian berterusan di lakukan, didapati bahawa tahap pemahaman dan kemahiran pelajar adalah juga lemah.

Menurut Gie (1998), minat bermaksud sibuk, tertarik, atau terlihat sepenuhnya dengan sesuatu aktiviti kerana menyedari pentingnya kegiatan itu. Dengan demikian, minat belajar adalah keterlibatan sepenuhnya seorang pelajar dengan segenap tumpuan kegiatan pemikiran untuk memperoleh pengetahuan dan mencapai pemahaman tentang pengetahuan ilmiah yang dituntutnya di institusi.

Hasil daripada pengamatan awal dapat di rumus secara umum dilihat bahawa minat pelajar dipengaruhi oleh beberapa faktor antaranya latar belakang pelajar dan kaedah pengajaran serta pembelajaran yang dijalankan.

Faktor latar belakang yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran bilik kuliah adalah lemah dalam akademik, tiada penglibatan dalam aktiviti sukan dan ko kurikulum, masalah keluarga, taraf ekonomi dan masalah sosial dari masyarakat setempat.

Gaya pengajaran yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga memberi impak yang besar terhadap minat dan kefahaman pelajar dalam satu-satu mata pelajaran yang diajar. Seterusnya kedua-dua unsur ini boleh mendorong seseorang itu maju dalam pelajaran mereka (Atan, 1993). Dengan ini faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar di politeknik pula haruslah dikenal pasti dan ditangani memandangkan pentingnya untuk melahirkan graduan yang boleh berfikir dan menyumbang idea mereka untuk memajukan masyarakat dan negara pada masa depan.

2.0 FOKUS KAJIAN

Fokus kajian penyelidik adalah untuk mengenal pasti tahap kemahiran generik penyelesaian masalah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

3.1 Objektif Am

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti punca masalah pelajar tidak dapat menggunakan kemahiran generik dalam menyelesaikan masalah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran

3.2 Objektif Khusus

- 3.2.1 Menenal pasti keupayaan menyelesaikan masalah teknikal secara sistematik
- 3.2.2 Menenal pasti keupayaan menyiapkan kerja dan tugas pada tahap standard yang dikehendaki
- 3.2.3 Meningkatkan kemahiran penyelesaian dalam menyelesaikan masalah di dalam proses pengajaran dan pembelajaran

4.0 KUMPULAN SASARAN

Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada 40 responden yang diambil secara rawak terdiri daripada pelajar semester 5 dari program Servis Kenderaan Ringan bagi sesi Januari 2014.

5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Soal Selidik

Borang soal selidik telah disediakan oleh penyelidik untuk mengenal pasti tahap kemahiran penyelesaian masalah semasa proses pengajaran dan pembelajaran . Sebanyak 40 borang soal selidik diedarkan kepada responden iaitu pelajar dari program Servis Kenderaan Ringan bagi sesi Januari 2014. Borang soal selidik kajian mengandungi tiga konstruk iaitu bahagian A bertujuan mengenal pasti menyelesaikan masalah teknikal secara sistematik. Bahagian B adalah mengenal pasti keupayaan menyiapkan kerja dan tugas pada tahap standard yang dikehendaki. Hasil dari soal selidik akan direkodkan dalam bentuk jadual, graf dan analisa.

5.2 Temu Bual

Instrumen temu bual akan digunakan sebagai mendapat maklum balas lisan daripada responden. Temu bual akan dibuat secara bersemuka antara responden dan penyelidik yang mempunyai lima soalan.

5.3 Analisis Data

5.3.1 Penyelesaian masalah teknikal secara sistematik

Soal selidik yang padat merumuskan tentang tahap keupayaan menyelesaikan masalah teknikal secara sistematik seperti ditunjukkan pada jadual 1.

Jadual 1: Keupayaan menyelesaikan masalah teknikal secara sistematik

PETUNJUK					
BIL	ITEM	PERATUS (%)			
		YA	%	TIDAK	%
A1	Saya menggunakan langkah – langkah kerja seperti yang tercatat didalam buku manual	12	80	3	20

A2	Saya menggunakan peralatan dan menyimpan peralatan secara sistematik	14	93	1	7
A3	Saya melakukan penandaan dan gambar setiap komponen semasa pembukaan secara sistematik	14	93	1	7
A4	Saya berupaya untuk melakukan kerja-kerja baik pulih secara teratur dan kemas	15	100	-	-
A5	Saya berupaya melakukan kerja-kerja baik pulih secara cermat dan sistematik	14	93	1	7

Berdasarkan jadual 1, pelajar yang berpeluang untuk belajar selain kursus servis kenderaan ringan di kolej komuniti adalah sebanyak 80 peratus dan latarbelakang keluarga yang sentiasa memberi galakan untuk terus belajar kursus servis kenderaan ringan adalah 93 peratus. Manakala keluarga yang sentiasa memberi bantuan keperluan untuk terus belajar kursus servis kenderaan ringan 93 peratus. Pelajar- pelajar juga bersedia untuk melakukan kerja yang melibatkan fizikal dan tenaga yang di perlukan di dalam pelajaran servis kenderaan ringan sebanyak 93 peratus. Sebanyak 100 peratus memilih berminat dengan pembelajaran berpusatkan kemahiran. Kemampuan pelajar mengurus masa dengan teratur dan sentiasa bermotivasi untuk terus maju di dalam bidang yang diceburi adalah masing-masing sebanyak 67 peratus dan 73 peratus.

Walaupun bagaimanapun, daripada jadual 1 didapati segelintir pelajar iaitu sebanyak 33 peratus yang tidak dapat mengurus masa dengan teratur. Faktor ini yang menyebabkan pelajar tidak dapat menghadiri kelas kerana bangun lewat dan hadir lewat ke kelas. Jadual 1 juga menunjukkan pelajar tiada pilihan selain daripada belajar di kolej komuniti dalam bidang servis kenderaan ringan sebanyak 20 peratus, ini mungkin menimbulkan situasi di mana wujud keadaan keterpaksaan yang menimbulkan masalah dari segi kehadiran serta kecenderungan pelajar untuk tidak belajar secara bersungguh-sungguh. Sebanyak 27 peratus pelajar kurang bermotivasi untuk terus maju di dalam bidang servis kenderaan ringan. Ini menunjukkan ramai pelajar mempunyai matlamat meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran yang diperolehi pada masa akan datang dan seterusnya menyumbang idea, kemahiran dan tenaga untuk bangsa, agama dan negara. Berdasarkan jadual 1 juga didapati pelajar kurang bersedia untuk melibatkan diri dalam aktiviti melibatkan penggunaan tenaga fizikal dan alatan tangan di bengkel dalam matapelajaran servis kenderaan ringan adalah sedikit iaitu sebanyak 7 peratus.

5.3.2 Kaedah pengajaran

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan tentang kaedah pengajaran mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pembelajaran dan pengajaran ditunjukkan pada jadual 2.

Jadual 2: Petunjuk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran dan pengajaran.

PETUNJUK					
BIL	ITEM	PERATUS (%)			
		YA	%	TIDAK	%
A1	Saya akan lebih aktif bila belajar dengan kaedah praktikal.	14	93	1	7
A2	Saya suka belajar secara bersemuka dengan pensyarah.	13	87	2	13
A3	Saya lebih berminat mengikuti pembelajaran berkonsepkan " <i>Outcome Based Education</i> " (OBE).	9	60	6	40

A4	Saya lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan kemudahan internet.	10	67	5	33
A5	Saya akan lebih berminat dengan belajar menggunakan kaedah penyelesaian masalah.	14	93	1	7
A6	Saya lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan konsep " <i>Student Centre</i> ".	13	87	2	13
A7	Saya lebih mudah memahami pembelajaran interaksi secara dua hala.	14	93	1	7

Berdasarkan jadual 2, faktor kaedah pengajaran dan pembelajaran yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran mengikut peratus persetujuan mereka bagi item A1 hingga A7 adalah 93 peratus, 87 peratus, 60 peratus, 67 peratus, 93 peratus, 87 peratus, 93 peratus. Sebaliknya pernyataan yang sama tidak dipersetujui oleh pelajar adalah A1(7%), A2 (13%), A3 (40%), A4 (33%), A5 (7%), A6 (13%) dan A7 (7%).

Rumusan analisis perangkaan menunjukkan pelajar akan lebih aktif bila proses pengajaran dan pengajaran dilakukan dengan kaedah praktikal iaitu 93 peratus. Daripada jumlah itu, hanya 7 peratus pelajar tidak berminat dengan kaedah praktikal. Analisis juga menunjukkan 87 peratus pelajar lebih suka belajar secara bersemuka dengan pensyarah dan 13 peratus tidak berminat dengan kaedah ini.

Pelajar yang memilih berminat untuk mengikuti proses pembelajaran menggunakan konsep "*Outcome Based Learning*" (OBE) dan gemar belajar menggunakan kemudahan internet adalah dengan dapatan 60 peratus dan 67 peratus masing-masing. Kaedah pembelajaran menggunakan kaedah penyelesaian masalah juga menjadi pilihan pelajar dengan 93 peratus pelajar menyatakan persetujuan. Sejumlah 87 peratus pelajar lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan konsep "*Student Centre*". Pelajar juga mudah memahami pembelajaran interaksi secara dua hala dengan 93 peratus bersetuju dan 7 peratus tidak bersetuju.

Walaupun bagaimanapun, sebanyak 40 peratus pelajar tidak gemar mengikuti pelajaran dan pembelajaran menggunakan konsep "*Outcome Based Education*" dan 33 peratus dapat memahami pelajaran berpusatkan internet untuk mendapatkan maklumat.

5.3.3 Analisa Temu Bual

Terdapat empat item temu bual dikemukakan kepada semua responden yang terlibat. Sesi temu bual dijalankan oleh penyelidik dengan diajukan soalan yang sama. Perincian temu bual ditunjukkan pada jadual 3.

Jadual 3 : Rumusan jawapan pelajar terhadap soalan temu bual.

Kod	Soalan Temu Bual	Respon	Peratus
A1	Adakah keluarga sentiasa membantu dari semua aspek supaya anda menumpukan perhatian semasa pembelajaran dan pengajaran kursus servis kenderaan ringan	Positif	93
		Negatif	7
A2	Adakah anda perlu mengikuti kursus peningkatan jati diri dan pengurusan masa bagi meningkatkan motivasi anda	Positif	87
		Negatif	13
A3	Adakah anda dapat fahami arahan daripada pensyarah sebelum melakukan amali	Positif	80
		Negatif	20
A4	Adakah kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah sesuai dengan kursus servis kenderaan	Positif	80
		Negatif	20

Jadual 3 menunjukkan bahawa keluarga sentiasa memberi sokongan dan bantuan dari semua aspek supaya pelajar sentiasa memberi perhatian kepada pembelajaran dan pengajaran kursus servis kenderaan ringan adalah sebanyak 93 peratus respon positif dan 7 peratus respon negatif. Melalui temu bual tersebut juga didapati sebanyak 87 peratus pelajar memberi respon positif dan 13 peratus respon negatif bahawa mereka perlu mengikuti kursus peningkatan jati diri dan pengurusan masa. Sebanyak 20 peratus pelajar memberi respon negatif bahawa mereka tidak memahami arahan daripada pensyarah sebelum melakukan amali dan seramai 80 memberi respon positif adakah mereka memahami arahan daripada pensyarah sebelum melakukan amali. Kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah sesuai dengan kursus servis kenderaan adalah seramai 80 peratus memberi respon positif manakala 20 peratus lagi memberikan respon negatif.

Kesimpulannya, jadual 3 menunjukkan bahawa peratusan negatif yang tinggi memberi respon bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah tidak sesuai dengan kursus servis kenderaan ringan. Begitu juga dengan tahap kefahaman pelajar memahami arahan daripada pensyarah sebelum melakukan amali. Walau bagaimanapun respon negatif ini masih rendah dan tidak terlalu mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah. Oleh demikian, pensyarah perlu mempelbagaikan kaedah penyampaian pengajaran yang digunakan oleh pensyarah bagi kursus servis kenderaan. Sehubungan itu, penambahbaikan dari segi penyampaian pengajaran melalui visual dan audio, pensyarah juga perlu melakukan kaedah "*student centre*" bagi meningkatkan penglibatan pelajar. Ini mengurangkan pelajar cepat hilang tumpuan dan bosan semasa pensyarah memberi arahan dan penerangan sebelum melakukan amali. Kaedah pengajaran secara interaksi secara dua hala juga perlu dipertingkatkan bagi mengatasi masalah yang terdapat di dalam jadual 3.

5.4 Merancang Tindakan

Daripada analisis pada jadual 1 dan jadual 2 dapat dikenali beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian. Beberapa tindakan akan diambil dan akan dilaksanakan kepada pelajar pada sesi kuliah seterusnya hingga ke akhir semester julai 2013. Antara tindakan yang akan diambil adalah seperti dibawah:

- 5.6.3 Masalah utama pelajar tidak memahami konsep sebenar "*Outcome based education*" (*OBE*) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik menyediakan slot taklimat penerangan berkaitan konsep *OBE* dalam pengajaran dan pembelajaran. Promosi dan iklan berkaitan *OBE* juga ditingkatkan. Sebelum proses pengajaran bermula, "*Course Learning Outcome*" (*CLO*) berkaitan kursus yang diajar diberi penerangan yang jelas.
- 5.6.4 Pelajar tidak gemar belajar menggunakan kemudahan internet adalah kerana kurang pendedahan berkaitan internet. Pelajar juga tidak mengetahui kaedah yang betul untuk mendapatkan maklumat dari internet. Malah ada sebahagiannya tidak mengetahui cara menggunakan computer. Tindakan yang boleh dilakukan adalah membuat aktiviti pengajaran dan pembelajaran melibatkan penggunaan internet dengan pemantauan sepenuhnya dari pensyarah.
- 5.6.5 Ceramah pengurusan masa akan dilakukan dari masa ke semasa akan dirangka.
- 5.6.6 Taklimat ringkas dan motivasi sebelum kelas dimulakan setiap hari selama 10 minit disediakan untuk pensyarah.

5.7 Pelaksanaan Tindakan

Setiap pelaksanaan tindakan yang dilakukan dengan mengambilkira beberapa kelemahan dan masalah-masalah yang telah dikenalpasti melalui analisis jadual 1 dan jadual 2. Tindakan penambahbaikan ke atas pelajar semester 3 sesi Julai 2013 akan dilaksanakan selama 5 minggu dan pemerhatian terhadap hasil tindakan akan dilakukan selepas pelaksanaan tindakan dilakukan iaitu pada akhir pengajian semester Julai 2013. Berikut adalah langkah-langkah dan aktiviti yang akan dilaksanakan.

Langkah 1:

Perlaksanaan tindakan 1 akan dilaksanakan oleh saya di dalam kelas selama dua minggu pada awal semester bermula. Penyelidik telah mengambil masa 30 minit di awal waktu kuliah untuk menerangkan konsep "*Outcome Based Learning (OBE)*" secara terperinci. Pada permulaan kursus, pelajar diberi penerangan berkaitan "*Course learning Outcome (CLO)*" untuk kursus tersebut. Jadi pelajar dapat memahami hasil pembelajaran yang disasarkan untuk kursus yang dipelajari sebelum proses pembelajaran bermula. Jadi pelajar akan bersedia untuk turut serta dalam setiap aktiviti yang dijalankan.

Langkah 2:

Pelajar bermasalah dengan penggunaan internet di selesaikan dengan tumpuan diberikan terhadap setiap pelajar. Kursus menggunakan internet dan kaedah untuk mendapatkan maklumat berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran diadakan secara berkala melibatkan kursus penggunaan internet secara praktikal. Nota-nota ringkas berkaitan penggunaan internet dalam proses pengajaran dan pembelajaran di edarkan.

Langkah 3:

Siri-siri ceramah pengurusan masa dengan teratur dan sempurna akan diadakan untuk mengatasi masalah kedatangan lewat dan tidak hadir disebabkan tidak bijak menguruskan masa dengan teratur.

Langkah 4:

Pelajar-pelajar juga akan diberi taklimat ringkas sebelum kelas diadakan setiap hari supaya bersedia untuk mengerah tenaga dan tidak rendah diri walaupun bergelumang dengan minyak hitam ataupun kotoran. Pelajar-pelajar juga akan diberi motivasi ringkas setiap hari untuk terus maju didalam bidang servis kenderaan ringan melalui kisah-kisah teladan mahupun kata-kata hikmah yang akan dipertuturkan oleh pensyarah. Motivasi dari segi kesediaan pelajar untuk terus berusaha bersungguh-sungguh didalam bidang servis kenderaan ringan walaupun tidak mempunyai pilihan lain selain daripada belajar didalam bidang tersebut.

5.8 Refleksi Hasil Kajian

Selepas tindakan-tindakan yang dirancang berjaya dilaksanakan, satu kajian dilakukan untuk menilai keberkesanan tindakan tersebut. Kajian dilakukan dengan mengedarkan satu set soal selidik yang sama dengan soalan sebelum tindakan kajian dijalankan. Proses pengumpulan dan analisis data ini dilakukan di akhir semester Julai 2013. Keberkesanan hasil tindakan yang diambil dapat dilihat berdasarkan kepada

perbandingan dapatan soal selidik sebelum tindakan dijalankan dengan dapatan soal selidik selepas tindakan dilaksanakan.

5.8.1 Soal selidik

Graf 1 : Perbandingan dapatan soal selidik - latar belakang pelajar mempengaruhi minat pelajar terhadap P&P.

PETUNJUK				
BIL	ITEM	PERATUS YA (%)		
		Sebelum Tindakan	Selepas Tindakan	Peningkatan
A1	Saya berpeluang untuk belajar dalam bidang selain kursus servis kenderaan ringan	80	87	7
A2	Keluarga sentiasa memberi galakan untuk terus belajar kursus servis kenderaan ringan	93	93	-
A3	Keluarga saya sentiasa menyediakan keperluan sepanjang masa belajar kursus servis kenderaan ringan	93	93	-
A4	Saya berminat dengan kerja berasaskan kemahiran	100	100	-
A5	Saya bersedia untuk melakukan kerja-kerja lasak dalam pelajaran servis kenderaan ringan	93	100	7
A6	Saya dapat menguruskan masa dengan teratur	67	87	20
A7	Saya sentiasa berkeinginan untuk terus maju dalam bidang yang diceburi.	73	93	20

Analisis data soal selidik yang dijalankan selepas tindakan yang dirancang terlaksana, didapati bahawa pelajar dapat menguruskan masa dengan baik meningkat kepada 87 peratus. Jika dibandingkan dengan dapatan soal selidik faktor latar belakang mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sebelum tindakan dilakukan, berlaku peningkatan sebanyak 20 peratus. Sebanyak 93 peratus pula memilih sentiasa bermotivasi untuk terus maju di dalam bidang yang diceburi. Terdapat peningkatan sebanyak 20 peratus jika dibandingkan dengan hasil soal selidik di awal kajian.

Graf 2 : Perbandingan dapatan soal selidik – kaedah pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi minat pelajar terhadap P&P.

PETUNJUK				
BIL	ITEM	PERATUS YA (%)		
		Sebelum Tindakan	Selepas Tindakan	Peningkatan
A1	Saya akan lebih aktif bila belajar dengan kaedah praktikal.	93	93	-
A2	Saya suka belajar secara bersemuka dengan pensyarah.	87	93	6
A3	Saya lebih berminat mengikuti pembelajaran berkonsepkan “ <i>Outcome Based Education</i> ” (OBE).	60	87	27
A4	Saya lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan kemudahan internet.	67	93	26
A5	Saya akan lebih berminat dengan belajar menggunakan kaedah penyelesaian masalah.	93	100	7

A6	Saya lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan konsep “ <i>Student Centre</i> ”.	87	93	6
A7	Saya lebih mudah memahami pembelajaran interaksi secara dua hala.	93	93	-

Hasil daripada pelaksanaan tindakan yang dirancang , soal selidik yang dijalankan telah didapati bahawa pelajar lebih berminat mengikuti pembelajaran berkonsepkan “*Outcome Based Education*” (*OBE*) kepada 87 peratus. Perbandingan di antara dapatan soal selidik faktor kaedah pengajaran dan pembelajaran mempengaruhi minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran sebelum tindakan dilakukan, berlaku peningkatan sebanyak 27 peratus. Sebanyak 93 peratus pula memilih lebih mudah memahami pembelajaran menggunakan kemudahan internet. Terdapat peningkatan sebanyak 26 peratus jika dibandingkan dengan hasil soal selidik di awal kajian.

5.8.2 Pemerhatian

Berdasarkan dari pemerhatian kehadiran pelajar, didapati pelajar datang lebih awal untuk membuat persediaan awal sebelum kelas bermula. Sikap pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung juga dapat diperhatikan bahawa pelajar memberi tumpuan yang lebih baik dan bersemangat dengan penglibatan semasa aktiviti amali di bengkel.

6.0 KESIMPULAN

Daripada kajian yang telah dijalankan dan berdasarkan pemerolehan data yang diperolehi, dapat dibuat kesimpulan bahawa terdapat peningkatan minat pelajar terhadap proses pembelajaran dan pembelajaran di dalam bilik kuliah dengan penekanan terhadap faktor latar belakang pelajar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Latar belakang setiap pelajar sukar diubah dan akan mempengaruhi minat dan tahap penerimaan pelajaran pelajar tetapi tindakan perlu di ambil untuk meningkatkan motivasi dan keinginan pelajar untuk terus meningkatkan diri dalam pelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang digunakan banyak bergantung kepada kepakaran dan pengalaman pensyarah dalam menyesuaikan kaedah yang digunakan dengan tahap penerimaan pelajar yang berbeza. Pensyarah boleh mempelbagaikan lagi kaedah mengajar dan sentiasa menilai keberkesanan kaedah yang digunakan dan melakukan penambahbaikan.

Antara cadangan tindakan yang lain boleh meningkatkan minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah adalah:

- i. Membuat lawatan industri secara berkala boleh meningkatkan lagi motivasi pelajar terhadap bidang yang diceburi dan membantu pelajar mendapatkan gambaran persekitaran kerja yang sebenar.
- ii. Menjalankan kem atau bengkel motivasi pelajar bagi meningkatkan lagi minat pelajar terhadap proses Pengajaran dan pembelajaran. Bengkel kemahiran belajar yang efisien juga perlu untuk mendedahkan pelajar dengan teknik belajar yang betul.

6.1 Cadangan Untuk Kajian Seterusnya

Cadangan untuk kajian yang seterusnya adalah seperti berikut:

- 6.1.1 Kajian ini perlu dipanjangkan kepada semua kelas sijil Kolej Komuniti terutamanya pelajar semester awal agar masalah minat pelajar terhadap

proses pengajaran dan pembelajaran dapat dikesan dengan lebih awal dan seterusnya penambahbaikan dapat dilakukan dengan segera.

- 6.1.2 Skop kajian diperluaskan untuk faktor-faktor lain yang mempengaruhi minat pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Antaranya faktor persekitaran tempat belajar, emosi pelajar, sosiologi dan kreativiti alat bantu mengajar (ABBM).

RUJUKAN

- Abdul Ghani Awang (1996). *Kemahiran Belajar Di Institusi Pengajian Tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah, Ibrahim (2004). *Pembelajaran Berpusatkan Pelajar dan Kaitannya dengan Pembangunan Diri dan Peluang Pekerjaan*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan.
- Atan Long. (1984). *Pendidik dan Pendidikan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Azizi Bin Yahaya & Rohaya Binti Ahmad (2002). *Faktor-Faktor Penyebab Masalah Disiplin Di Sekolah*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ee Ah Meng. (1995). *Pendidikan Sebagai Suatu Proses*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hanifi Ismail (2001). *Tujuh Cabaran Menjadi Pelajar Cemerlang*. Cetakan Kedua. K. Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Yusof Othman (2000). *Kaedah Pembelajaran Berkesan*. Selangor: Aras Mega (M) Sdn. Bhd.
- Rashidi Azizan and Abdul Razak Habib. (1999). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah*. Kajang : Masa Enterprise Sdn.Bhd.
- Sulaiman Ngah Razali (1996). *Analisis Data Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sulaiman Ngah Razali. (1997). *Pedagogi : Teori dan Praktik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Supyan Hussin. (2000). *Modul: Alat Bantu Mengajar (ABM)*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zulkifli Ismail, Sharifah Mazlin Syed Ali dan Mazlan Mohd Yusof (1995). *Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti

PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN PENGETAHUAN TERSIRAT: HUBUNGAN ANTARA PEMBELAJARAN KEUSAHAWANAN DAN PENGETAHUAN INDIVIDU

Faridah binti Mohamad
Kolej Komuniti Kuala Terengganu

1.0 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Secara umumnya, ilmu didefinisikan sebagai pengetahuan dan kepandaian tentang sesuatu bidang yang disusun secara bersistem menurut kaedah dan metod tertentu. Ilmu dapat digunakan untuk menerangkan sesuatu yang berkait dengan bidang ilmu tersebut. Ilmu pengetahuan pada lazimnya terdapat dalam dua bentuk iaitu ilmu pengetahuan nyata (explicit knowledge) dan ilmu pengetahuan tidak nyata (tacit knowledge). Ilmu pengetahuan nyata boleh didapati kebanyakannya dalam bentuk dokumen bercetak manakala ilmu pengetahuan tidak nyata pula terdapat dalam idea, minda, amalan harian, pengalaman, memori dan seumpamanya yang kebiasaannya sukar dilihat dengan mata kasar. (Noraziah Sharuddi, 2002)

Menurut Wiig (2003) ilmu pengetahuan adalah satu aspek dan elemen yang membentuk keperibadian individu, organisasi dan tingkahlaku masyarakat. Ilmu pengetahuan yang hadir dan wujud dalam jiwa dan fikiran seseorang individu boleh mempengaruhi reaksi dan hubungan dengan persekitaran. Pengetahuan yang dicipta dalam fikiran individu akan meningkat jika individu terbabit terlibat dalam pembangunan pengetahuan baru. Maka dengan itu, pengetahuan sebelum mempengaruhi pembentukan pengetahuan baru seseorang individu perlu dicungkil dengan melaksanakan beberapa program (MacDermout, dirujuk dalam Nasimi et al. 2013).

Pengetahuan digambarkan sebagai dinamik, kerana ia dicipta dalam interaksi sosial di kalangan individu (Nonaka et al, 2000). Pengetahuan yang dicipta di dalam fikiran individu dirujuk sebagai pengetahuan tidak nyata atau tersirat. Ia terhasil daripada kemahiran, pengalaman sebelum dan pergaulan sosial seseorang individu. Menurut Nystrom (2004), pengetahuan tersirat merupakan pengetahuan yang terhasil daripada pengalaman dan ia menunjukkan kemahiran seseorang individu. Rastas dan Einola-Pekkinen (2001) juga menyatakan bahawa ia amat bermakna kepada pengetahuan tersirat di mana ia boleh mentakrifkan kepada cara keputusan dan pilihan yang dibuat dalam organisasi. Melalui pengetahuan tersirat, organisasi boleh membina kesatuan organisasi yang kukuh.

Menurut Alwis & Hartmann (2008), kebanyakan kemahiran dan pengaturan sosial dalam aktiviti kerja terhasil dari pengetahuan tersirat individu. Pengetahuan tersirat boleh dikembangkan dan seterusnya digunakan dalam proses inovasi (Leonhard dan Sensiper, 1998). Minat yang bertambah dalam inovasi boleh meningkatkan pertumbuhan ekonomi sebuah negara.

Pendidikan keusahawanan memainkan peranan yang penting kepada generasi muda dalam membangun pengetahuan tersirat dan kemahiran yang diperlukan dalam menguruskan usaha perniagaan yang baru. Kepentingan ini dilihat memandangkan generasi muda ini akan menceburi bidang keusahawanan selepas tamat pengajian kelak (Friedrick dan

Visser, 2005). Di samping itu juga, Dixxon et al (2005) juga menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan ini dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan dalam meneroka dan memiliki perniagaan di samping dapat memberi peluang kepada pelajar dalam menjalankan tanggungjawab sebelum melangkah ke dalam bidang keusahawanan.

Peralihan paradigm daripada pendidikan keusahawanan yang lebih berbentuk tradisional kepada pembelajaran keusahawanan yang lebih dinamik dapat membentuk pengetahuan tersirat dalam diri pelajar dan generasi muda. Pengalaman dalam aktiviti keusahawanan membolehkan pelajar akan terdedah kepada kaedah untuk menangani masalah dan menerima maklum balas melalui kaedah yang dilaksanakan. Aktiviti-aktiviti ini dapat menggalakkan pengetahuan tersirat dan seterusnya dapat melahirkan usahawan yang lebih berdaya maju di masa akan datang.

1.2 Pernyataan Masalah

Peluang pekerjaan dewasa ini amatlah sukar memandangkan penawaran peluang pekerjaan adalah sedikit berbanding dengan permintaan dari semua golongan yang hendak bekerja. Selain itu, persaingan dari aspek kelayakan akademik, pengalaman dan pengetahuan menyebabkan peluang untuk mendapatkan pekerjaan dalam masa yang singkat adalah sukar.

Maka dengan itu, pengkaji merasakan peluang dalam kerjaya sebagai usahawan adalah penyelesaian untuk mengelakkan masalah pengangguran. Ini kerana dengan menjadi usahawan, seseorang individu mampu mencipta peluang pekerjaan sendiri tanpa menunggu kekosongan kerja.

Kajian ini dilakukan bagi melihat tiga aspek dalam pembangunan keusahawanan. Aspek tersebut meliputi persepsi pelajar dan individu, sumber dorongan dan strategi dalam pembangunan keusahawanan yang memperkukuhkan lagi pengetahuan tersirat individu tersebut dalam bidang keusahawanan.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah merangkumi seperti berikut:

- 1) Mengenalpasti tahap persepsi pelajar terhadap pembangunan keusahawanan di kolej.
- 2) Mengenalpasti tahap sumber dorongan pelajar dalam pembangunan keusahawanan.
- 3) Mengenalpasti tahap strategi yang perlu dilaksanakan dalam pembangunan keusahawanan.
- 4) Mengenalpasti hubungan antara pembangunan keusahawanan dengan pengetahuan tersirat individu dalam keusahawanan.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini boleh membawa manfaat kepada pihak-pihak tertentu seperti pelajar, pihak pengurusan kolej, pensyarah dan juga pengkaji-pengkaji yang lain. Di antara kepentingan kajian ini adalah;

- 1) Membantu pelajar untuk menyedari potensi diri untuk menjadi seorang usahawan dan juga membuka minda mereka untuk melihat peluang pekerjaan selain daripada menjadi pekerja di bawah orang lain.
- 2) Membantu pihak pengurusan kolej untuk menekankan lagi bidang keusahawanan di dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran.
- 3) Membantu pensyarah melihat potensi pelajar dan juga memberi galakan kepada pelajar untuk menjadi seorang usahawan.
- 4) Sebagai panduan kepada pengkaji-pengkaji lain yang berminat untuk meneruskan kajian tentang bidang keusahawanan.

2.0 SOROTAN KAJIAN

2.1 Pembangunan Keusahawanan

Pembangunan keusahawanan adalah suatu proses seseorang individu dalam melakukan inovatif terhadap sesuatu perusahaan yang baru atau lama melalui rangkaian dan kepakaran tertentu dalam meningkatkan kejayaan di persekitaran yang semakin mencabar (Agbim dan Oriarewo, 2012). Ia adalah terbukti daripada Agbim dan Oriarewo yang mendefinisikan pembangunan keusahawanan daripada empat dimensi: niat keusahawanan; rangkaian keusahawanan; keupayaan keusahawanan; dan kejayaan keusahawanan. Menurut Lee dan Wong (2004) pula, pembangunan keusahawanan biasanya dibentuk oleh sikap seseorang dalam keusahawanan, sosial keusahawanan dan keberkesanan diri. Ketiga aspek ini akan menggerakkan sumber kognitif, keupayaan dan tindakan seseorang dalam keusahawanan. Seterusnya Delmar dan Davidsson (2000) turut menyatakan bahawa niat seseorang untuk menceburi keusahawanan memberi petunjuk yang terbaik di masa akan datang.

Grootaert dan Van Bastelaer (2001) dalam kenyataannya turut menerangkan bahawa rangkaian dan sistem yang betul membolehkan ramai orang akan mendapat maklumat yang betul dalam pelaksanaan keputusan. Maka dengan itu pembangunan keusahawanan dengan menggunakan rangkaian dan sistem yang betul dapat menggalakkan bakal usahawan dan usahawan untuk menceburi bidang keusahawanan yang berinovatif. Hellman dan Puri (2002) turut menyatakan bahawa individu yang baru terlibat dengan keusahawanan akan mudah mencapai sasaran sekiranya mempunyai rangkaian yang betul dalam pembangunan keusahawanan.

Pembangunan keusahawanan juga meliputi keupayaan untuk menguruskan sumber yang secukupnya dalam perusahaan. Emas dan Powell (2000) menerangkan bahawa keupayaan keusahawanan adalah suatu aspek yang penting dalam menangani perubahan persekitaran. Oleh itu, pembangunan keusahawanan meliputi kemahiran, kecekapan dan keupayaan perlu digarap menggunakan proses dan strategi yang tertentu. Barba - Sanchez dan Atienza - Sahuquillo (2010) menyatakan bahawa aspek keupayaan adalah perlu dalam menjayakan bidang keusahawanan.

2.2 Pengetahuan Tersirat (Tacit Knowledge)

Pengetahuan tersirat atau tidak nyata berada di dalam minda manusia, tingkah laku dan persepsi yang tidak mudah dinyatakan. Ia dibangunkan melalui pengalaman dan hanya akan difahami melalui penyertaan dan pemerhatian (Nonaka, 1999; Duffy, 2000; Wei et al, 2009.) Nonaka dan Takeuchi (1995) menegaskan bahawa pengetahuan tersirat yang tersembunyi itu boleh berkembang dan menjadi lebih inovatif melalui interaksi kemahiran dan amalan. Dalkir (2005) menekankan sifat-sifat tersirat dalam pengetahuan adalah sebagai keupayaan untuk menyesuaikan diri; berhadapan dengan situasi baru dan luar biasa; kepakaran pengetahuan; keupayaan bekerjasama; pengetahuan pengalaman secara bersemuka.

Berdasarkan definisi tersebut pengetahuan tersirat mampu membentuk usahawan yang lebih kreatif dan berinovatif jika melalui proses yang sepatutnya. Ini selaras dengan Senker (1993) yang menyatakan bahawa pengetahuan tersirat adalah sesuatu tindakan untuk jangkamasa panjang di mana ia dikumpul daripada pembelajaran dan perlu melalui pemahaman saintifik dan lebih sistematik dengan proses yang tertentu. Tindakan ini seterusnya dapat memberi persepsi dan idea yang bernas dalam merangsang kreativiti dan seterusnya memberi kesan positif terhadap aktiviti-aktiviti keusahawanan (Rudiger dan Vanini, 1998).

3.0 METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini bermula dengan perbincangan mengenai reka bentuk penyelidikan kajian ini. Terdapat dua pemboleh ubah dalam kajian ini; pembolehubah bebas ialah pembangunan keusahawanan yang mempunyai tiga dimensi iaitu persepsi, sumber dorongan dan strategi pembudayaan keusahawanan. Manakala pembolehubah bersandar ialah pengetahuan tidak nyata atau tersirat. Skala likert digunakan untuk mengukur kedua-dua pembolehubah bebas dan bersandar dalam kajian ini.

Kemudian ia akan menerangkan populasi dan sampel kajian ini, bagaimana data dikumpul dan dianalisis. Populasi kajian adalah pelajar-pelajar yang mengambil modul keusahawanan iaitu SKW 4161 dan pelajar dari Kelab Keusahawanan di Kolej Komuniti. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik. Soal selidik dalam kajian ini telah dibangunkan dengan merangkumi bahagian utama; demografi, persepsi, sumber dorongan dan strategi yang dilaksanakan dalam pembangunan keusahawanan serta pengetahuan tersirat.

Data yang telah dikumpul dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 13. Analisis faktor yang digunakan ialah Alpha Cronbach, taburan kekerapan, statistik deskriptif dan Analisis Korelasi Pearson.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian yang dilakukan adalah berbentuk deskriptif tinjauan bagi mendapatkan maklum balas daripada responden tentang elemen yang mempengaruhi pembangunan keusahawanan pelajar untuk menjadi seorang usahawan. Di antara kaedah untuk mendapatkan data di dalam kajian deskriptif yang diterangkan oleh Walliman (2001) adalah temuramah, pemerhatian, soal selidik, catatan visual dan sebagainya. Mohd Majid Konting (1990) pula menyatakan bahawa kaedah penyelidikan sesuai digunakan untuk mengumpul maklumat mengenai pembolehubah yang dikaji. Maka, pengkaji memilih reka bentuk kajian deskriptif tinjauan soal selidik bagi mengenalpasti elemen-elemen yang mempengaruhi pembangunan keusahawanan di mana ia sebab yang utama kepada pelajar dalam pemilihan bidang keusahawanan sebagai kerjaya.

3.2 Persampelan

Menurut Sidi Gazalba (1981) populasi merupakan seluruh kelompok subjek yang terlibat dengan masalah yang dikaji. Untuk kajian ini, populasi yang disasarkan adalah pelajar Semester Tiga yang mengambil modul keusahawanan dan pelajar dari Kelab Keusahawanan.

Sampel pula merupakan satu kumpulan subjek yang dipilih daripada populasi (Walliman, 2001). Oleh itu, sampel perlulah mewakili populasi. Ini kerana, tujuan penyelidikan adalah untuk menemuukur generalisasi yang berlaku secara umum (Sidi Gazalba, 1981). Untuk kajian ini, jumlah sampel diperolehi daripada jadual Krejcie dan Morgan (1970). Oleh itu, jumlah sampel adalah seperti berikut;

Jadual 1 : Jumlah reponden untuk kajian

Kursus	Jumlah Populasi	Jumlah Responden
STP 3	13	10
SPS 3	30	27
SKR 3	25	20
SPE 2	22	20
SPE 3	25	20
SPS 1	14	12
Jumlah Keseluruhan	129	109

3.3 Instrumen Kajian

Data untuk kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik berstruktur yang disediakan oleh pengkaji. Soal selidik berstruktur digunakan kerana sifatnya yang tegas, konkrit dan soalan-soalan yang terhad. Siti Gazalba (1981) menjelaskan bahawa teknik ini tepat dan sesuai digunakan untuk memperolehi data yang objektif, tanpa pendapat atau penilaian responden.

Borang selidik ini menggunakan skala Likert untuk pilihan jawapan responden. Menurut Sekaran (2003), skala adalah alat atau mekanisme di mana individu-individu antara satu sama lain pada pembolehubah kajian. Oppenheim (1967) juga mendapati skala Likert mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 85%. Responden perlu menjawab soal selidik ini dengan memberi pemeringkatan berdasarkan skala Likert setakat mana mereka bersetuju dengan pernyataan-pernyataan yang diberikan. Oleh sebab itu, reka bentuk kajian jenis ini sesuai untuk mengkaji persepsi, dorongan dan strategi yang perlu dilaksanakan untuk pembangunan keusahawanan di samping mengkaji pengetahuan tersirat di kalangan pelajar kolej.

Untuk kajian ini, pengkaji memilih untuk mendapatkan data primer dengan menggunakan soal selidik berstruktur. Soal selidik digunakan kerana kelebihan-kelebihannya seperti yang dijelaskan oleh Walliman (2001) iaitu;

- Soalan-soalan yang tertutup,
- Responden boleh menjawab tanpa diketahui identiti mereka. Oleh itu soalan-soalan yang sukar dijawab secara terang-terangan boleh dijawab dengan mudah dan jujur.
- Tiada had geografi dan boleh dipos kepada responden.
- Menjimatkan kos dan masa.

3.4 Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan untuk mengesan masalah-masalah yang mungkin timbul apabila kaji selidik sebenar dilakukan. Selain itu, ia juga dilakukan agar item-item di dalam soal selidik mudah difahami dan tidak menimbulkan keraguan. Soalan yang sukar difahami diperbaiki supaya objektif soalan tercapai bagi tujuan kajian. Kajian rintis juga dijalankan bagi mendapatkan nilai alpha cronbach untuk melihat tahap kebolehpercayaan item soal selidik tersebut.

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 14 orang pelajar daripada jumlah sampel. Nilai kebolehpercayaan, alpha Cronbach yang diperolehi adalah 0.87. Menurut George dan Mallery (1995), nilai alpha melebihi 0.7 menunjukkan bahawa instrumen kajian boleh diterima pakai dan tidak perlu diperbaiki. Rossi dan Freeman (dalam Ellis, 1994) juga menyatakan nilai korelasi yang bernilai 0.75 ke atas daripada mana-mana ujian kebolehpercayaan menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi untuk kajian di dalam sains sosial.

3.5 Analisis data

Keseluruhan data yang diperolehi dianalisa menggunakan perisian *Statistical Package For The Social Sciences* (SPSS) versi 13.0. Data dianalisa menggunakan statistik deskriptif.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Sumber data yang diperolehi dalam kajian ini terbahagi kepada dua sumber iaitu data primer dan maklumat sekunder. Data primer ialah data asal yang dikutip oleh penyelidik. Dalam kajian ini, data-data diperolehi melalui maklum balas daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden yang terpilih. Selain itu, sumber bagi data sekunder ini juga turut diperolehi daripada jurnal-jurnal, buku rujukan dan juga maklumat daripada laman web.

Tempoh yang diberikan untuk memulangkan borang soal selidik adalah selama 3 hari. Hasil kajian itu kemudiannya dibuat jadual untuk memahami isi yang penting dan dianalisis.

4.2 Analisis Kebolehpercayaan

Analisis kebolehpercayaan adalah ukuran pada konsisten dan kestabilan data (Sekaran, 2003). Kajian ini menggunakan Alpha Croanbach untuk mengukur kebolehpercayaan. Alpha Cronbach adalah pekali kebolehpercayaan yang menunjukkan bagaimana pembolehubah dalam satu set positif berkait rapat antara satu sama lain dan boleh dianggap baik jika pekali kebolehpercayaan adalah berhampiran kepada 1.0. Jika pekali kebolehpercayaan mempunyai nilai kurang daripada 0.60 boleh dianggap lemah.

Jadual 2 : Keputusan Ujian Kebolehpercayaan

Konstruk	Nilai Cronbach Alpha
Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Keusahawanan	0.824
Sumber dorongan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan	0.765
Strategi memantapkan Budaya Keusahawanan di kalangan Pelajar	0.798
Pengetahuan Tersirat Pelajar dalam Bidang Keusahawanan	0.784

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa pekali kebolehpercayaan untuk pembolehubah bebas iaitu elemen pembangunan keusahawanan yang terdiri daripada persepsi ialah 0.824, sumber dorongan 0.765, strategi pelajar pemantapan keusahawanan 0.798 dan pengetahuan tersirat pelajar dalam bidang keusahawanan adalah 0.784. Dapatan ini menunjukkan instrumen mencapai kebolehpercayaan yang tinggi.

4.3 Analisis Statistik Deskriptif

Analisis statistik deskriptif dilakukan ke atas tiga elemen pembangunan keusahawanan dan pengetahuan tersirat pelajar dalam bidang keusahawanan. Analisis ini mengenalpasti nilai min untuk setiap instrumen.

Jadual 3 : Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Keusahawanan

Bil	Item Soalan	Min
1	Kerjaya sebagai seorang usahawan sama sekali tidak menarik minat saya	2.553
2	Saya ragu-ragu sama ada saya mampu untuk memulakan perniagaan baru	2.776
3	Saya berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan	3.856
4	Saya akan berusaha bersungguh-sungguh untuk memulakan dan mengendalikan perniagaan saya	3.598
5	Di antara pilihan kerjaya yang ada, saya sanggup menceburi apa jua bidang daripada menjadi seorang usahawan	2.834
6	Saya berazam untuk menjalankan suatu perniagaan pada masa hadapan	3.643
7	Matlamat utama saya adalah untuk menjadi usahawan	3.567
8	Menjadi usahawan memberikan saya lebih banyak kebaikan daripada keburukan	3.465

Berdasarkan jadual 3 di atas, hasil kajian menunjukkan majoriti persepsi pelajar terhadap aktiviti keusahawanan adalah di dalam kategori yang positif. Ini menunjukkan

reponden menunjukkan minat terhadap bidang keusahawanan. Walaubagaimanapun, ada segelintir reponden yang mempunyai pandangan negatif terhadap keusahawanan kerana berpandangan bahawa keusahawanan adalah suatu yang tiada menjanjikan masa depan yang sempurna.

Jadual 4 : Sumber dorongan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan

Bil	Item Soalan	Min
1	Ingin mencapai cita-cita menjadi seorang usahawan	3.876
2	Ingin cepat kaya/ menikmati cara hidup mewah	3.879
3	Ingin menawarkan khidmat kepada masyarakat	4.01
4	Ingin melakukan kerja kebajikan yang diredhai Tuhan dengan menggunakan keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti keusahawanan	3.987
5	Ketidakpuasan terhadap pekerjaan dahulu	3.145
6	Saya ingin berdikari dan tidak suka bekerja makan gaji	3.456
7	Ingin mendapatkan kepuasan kerja daripada aktiviti keusahawanan	3.727
8	Perasaan kecewa akibat sukar mendapat sebarang pekerjaan	3.844

Melalui hasil dapatan yang diperolehi seperti jadual 4 di atas, keseluruhan faktor mendorong pelajar menceburi bidang keusahawanan. Ini kerana dorongan untuk keperluan hidup yang kecewa dengan kesukaran mendapatkan pekerjaan di samping merasakan keusahawanan boleh menjadi inspirasi dan matlamat kejayaan hidup mereka. Dapatan yang paling tinggi adalah item “ingin menawarkan khidmat kepada masyarakat” dengan nilai 4.01.

Jadual 5 : Strategi memantapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar

Bil	Item Soalan	Min
1	Memberi pendedahan awal ilmu keusahawanan dan perniagaan kepada masyarakat bermula pada alam persekolahan	3.875
2	Menganjurkan program-program keusahawanan siswa untuk dimanfaatkan oleh siswa	3.997
3	Menyediakan bantuan kewangan dan kemudahan asas kepada usahawan terutamanya usahawan belia	3.998
4	Menyediakan kemudahan pinjaman jangka panjang dan jangka pendek kepada usahawan belia yang berkelayakan	3.987
5	Menggalakkan belia menghadiri kursus pengurusan kewangan dan perniagaan	3.689
6	Menggalakkan interaksi antara kaum terutamanya usahawan belia tentang kemahiran menguruskan perniagaan	4.023
7	Menggiatkan kempen kesedaran tentang isu-isu keusahawanan dan pembangunan keusahawanan	3.655
8	Memperbanyakkan program pembangunan keusahawanan	3.876

Jadual 5 di atas menunjukkan dapatan di mana majoriti pelajar bersetuju dengan strategi dalam memantapkan aktiviti keusahawanan di kolej. Strategi dalam usaha mengukuhkan pembudayaan ini perlu dititikberatkan oleh pengurusan kolej bagi memastikan pelajar mempunyai pengetahuan dalam bidang keusahawanan dan seterusnya menambah pengetahuan tersebut sehingga menjadi suatu nilai yang tinggi dalam kejayaan bidang keusahawanan.

Jadual 6 : Pengetahuan tersirat pelajar terhadap bidang keusahawanan

Bil	Item Soalan	Min
1	Penyampaian ilmu berkenaan bidang keusahawanan sentiasa dititikberatkan.	3.625
2	Aktiviti keusahawanan yang dianjurkan memberi manfaat kepada pemahaman ilmu keusahawanan.	3.833
3	Pengetahuan dalam bidang keusahawanan di kolej membantu saya untuk memupuk minat dalam keusahawanan.	3.234
4	Perkongsian dengan tokoh-tokoh usahawan membantu pemahaman saya dalam keusahawanan.	3.674
5	Pembelajaran ilmu keusahawanan dapat dilaksanakan dengan baik.	3.663

Melalui hasil dapatan yang diperolehi seperti jadual 6 di atas, keseluruhan aspek yang memperkukuhkan pengetahuan tersirat pelajar berada dalam kategori yang memuaskan. Ia bermaksud pelajar cuba menerima pendedahan dan perkongsian ilmu pengetahuan berkenaan bidang keusahawanan untuk menambah pengetahuan tersirat mereka. Aspek ini dapat membantu pelajar kolej menggunakan pengetahuan tersirat mereka dalam membudayakan bidang keusahawanan untuk menjadi lebih kreatif dan berinovatif.

4.4 Analisis Korelasi

Analisis Korelasi turut dilakukan bagi mengkaji hubungan yang wujud antara elemen pembangunan keusahawanan dengan pengetahuan tersirat pelajar. Antara hipotesis yang dikaji adalah seperti berikut :

H01 : Wujud hubungan signifikan antara pembolehubah persepsi dengan pengetahuan tersirat pelajar dalam keusahawanan.

H02 : Wujud hubungan signifikan antara pembolehubah dorongan dengan pengetahuan tersirat pelajar dalam keusahawanan.

H03 : Wujud hubungan signifikan antara pembolehubah strategi dengan pengetahuan tersirat pelajar dalam keusahawanan.

Jadual 7 : Keputusan Analisis Korelasi

Pembolehubah Bebas	Pembolehubah Bersandar	N	Pearson Correaltion	Sig (2. Tailed)
Persepsi	Pengetahuan Tersirat	109	.305**	.001
Dorongan		109	.345**	.005
Strategi		109	.322**	.006

**Correlation is significant at the level 0.01 level (2 tailed)

Berdasarkan jadual di atas, didapati terdapat hubungan yang signifikan antara pembolehubah bebas dengan bersandar. Kedua-dua pembolehubah ini berkait rapat antara satu sama lain.

5.0 PERBINCANGAN

Dapatan kajian dibincangkan dan dibandingkan dengan kajian lampau untuk melihat aspek manakah dalam dimensi pembudayaan keusahawanan yang berbeza. Selain itu juga, perbincangan untuk pengetahuan tersirat pelajar dalam bidang keusahawanan turut dibincangkan bagi melihat perbezaan dengan kajian lepas.

5.1 Persepsi Pelajar Terhadap Aktiviti Keusahawanan

Persepsi pelajar terhadap aktiviti keusahawanan dalam membangunkan pembudayaan keusahawanan adalah salah satu aspek yang penting. Berdasarkan dapatan analisis yang diperolehi, jelas menunjukkan pelajar mempunyai persepsi yang positif dalam pembangunan dan pembudayaan keusahawanan. Persepsi positif ini lahir dari keluarga dan rakan sebaya yang membantu dalam menimbulkan keinginan untuk mempelajari bidang keusahawanan. Azizi Yahaya dan Shahrin Hashim (2007) menyatakan bahawa personaliti seseorang adalah dipengaruhi oleh keluarga. Menurut Triumph (2006), terdapat keluarga yang memberi dorongan positif dalam ilmu keusahawanan dan ini membentuk persepsi yang baik kepada ilmu keusahawanan.

5.2 Sumber dorongan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan

Dorongan kepada pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan menjadi pemangkin dalam mengukuhkan semangat pelajar dalam menjiwai ilmu keusahawanan dan menjadi usahawan yang berjaya. Berdasarkan dapatan analisis yang diperolehi dalam bab sebelum ini, didapati pelajar kolej mempunyai dorongan dalam membudayakan ilmu keusahawanan dan seterusnya memberi kejayaan kepada institusi dalam pembangunan keusahawanan. Menurut Triumph (2007), seseorang individu akan mempunyai kebebasan dalam mengurus ekonomi tanpa terikat dengan orang lain jika menjadi seorang usahawan. Kenyataan ini telah menjadi dorongan kepada pelajar dalam menjayakan pembangunan keusahawanan di institusi dan ini menjadi suatu penyebab di mana pelajar mampu berdikari untuk menceburkan diri dalam keusahawanan.

5.3 Strategi memantapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar

Berdasarkan dapatan analisis yang diperolehi dalam bab sebelum ini, jelas menunjukkan pelajar amat bersetuju dengan strategi yang perlu dilakukan dalam membudayakan pembangunan usahawan. Menurut Ab. Aziz Yusof (2001), usahawan boleh mendapatkan kemahiran-kemahiran baru melalui pembelajaran dan pendidikan yang didedahkan kepada mereka. Oleh yang demikian, strategi keusahawanan perlu diperkukuhkan lagi bagi memberi pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar untuk menjadikan mereka lebih kreatif dan produktif dan pandai mengambil peluang yang sedia ada dalam bidang keusahawanan.

5.4 Pengetahuan tersirat pelajar terhadap bidang keusahawanan

Menurut Project (2002), institusi yang menitikberatkan pemindahan, perkongsian pengalaman dan kemahiran menjadi suatu asas yang utama dalam mengurus pengetahuan tersirat. Berdasarkan kenyataan ini, jelas menunjukkan bahawa dapatan analisis selaras dengan kehendak pelajar dalam memperkembangkan pengetahuan tersirat pelajar. Menurut Earl (2001) pula, latihan yang diperolehi melalui aktiviti luar dapat mengukuhkan pengetahuan dalam bidang yang ingin diceburi. Ia selaras dengan dapatan analisis yang bersetuju dengan aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan di kolej.

6.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, bidang keusahawanan merupakan bidang yang sangat penting dalam memastikan pembangunan sesebuah negara. Sejarah telah membuktikan bahawa negara yang mempunyai ramai usahawan adalah lebih maju ke hadapan dalam perkembangan ekonominya. Maju dan mundur ekonomi sesebuah negara adalah bergantung usahawan yang dinamis dan berpandangan jauh. Maka kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan pada tahun 1995 sebagai badan yang menguruskan pembangunan usahawan. Pembudayaan keusahawanan adalah merupakan aspek penting dalam pembangunan usahawan.

Budaya keusahawanan ialah sifat-sifat positif yang dimiliki oleh seseorang individu seperti tabah, cekal dan sentiasa bersemangat. Sifat-sifat keusahawanan juga boleh menjadi modal dan aset untuk berniaga dan boleh meyakinkan orang lain. Budaya keusahawanan perlu dipupuk bermula daripada peringkat sekolah melalui program-program keusahawanan yang dijalankan oleh pelajar dan dibimbing oleh guru-guru yang berpengalaman. Budaya ini juga perlu dipupuk pada peringkat IPT dengan menawarkan kursus, program, seminar, atau aktiviti kepada mahasiswa supaya dapat memupuk minat dan mendorong mereka untuk menceburi bidang keusahawanan. Pembudayaan ini penting dan perlu disemai di kalangan belia terutamanya golongan Bumiputera supaya mereka tidak boleh mengharap bekerja di sektor kerajaan dan bantuan kerajaan semata-mata. Mereka perlulah lebih berdikari untuk menceburi bidang lain seperti bidang perniagaan ataupun keusahawanan.

Pembudayaan keusahawanan akan melahirkan usahawan yang kreatif dalam mencari jalan penyelesaian terhadap sebarang permasalahan yang dihadapi. Oleh itu, usahawan perlu sensitif dan sedia bertanggungjawab terhadap kesan yang akan diterima oleh masyarakat akibat daripada kegiatan keusahawanan yang dijalankan. Di samping itu, melalui pembudayaan keusahawanan akan membolehkan usahawan mengemblengkan serta memanfaatkan potensi, reputasi dan sumber-sumber yang ada untuk manfaat diri sendiri, perniagaan, pelanggan dan juga masyarakat keseluruhannya. Bagi mendapatkan hasil penyelidikan yang lebih baik, dicadangkan supaya para penyelidik pada masa hadapan dapat mengasingkan responden mengikut jantina iaitu memberi tumpuan kepada wanita dalam keusahawanan kerana wanita mampu untuk memajukan diri dalam bidang keusahawanan. Selain itu, penyelidik juga dapat mengasingkan responden mengikut program pengajian untuk meningkatkan lagi kualiti hasil kajian kelak. Selain itu, pengkaji pada masa hadapan dapat memperluaskan lagi pengambilan sampel kajian ke institusi-institusi yang lain selain daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris dan belia yang tinggal di kawasan yang lain selain daripada Tanjong Malim. Perbezaan antara lokasi juga boleh menghasilkan dapatan yang berguna.

Kajian seterusnya boleh ditumpukan kepada perbezaan-perbezaan aspirasi kerjaya keusahawanan di kalangan pelajar institusi latihan di Malaysia dengan negara-negara lain. Ianya bertujuan untuk melihat aspirasi kerjaya dalam kalangan pelajar di Malaysia dengan pelajar negara lain bagi membandingkan faktor-faktor lain yang menarik minat pelajar untuk memilih kerjaya sebagai usahawan.

Selain itu, kajian juga boleh dilakukan dengan menggunakan teknik temubual bagi memahami secara lebih mendalam lagi terhadap sikap, minat dan amalan kerjaya keusahawanan dan faktor-faktor penolakan dan pemilihan kerjaya keusahawanan di kalangan belia serta mencari strategi yang sesuai bagi memantapkan budaya keusahawanan di kalangan belia. Ini kerana secara temubual, pengkaji pada masa hadapan dapat

memerhatikan cara gaya responden menjawab soalan dan maklumat jawapan yang diberikan adalah lebih tepat dan jitu.

Diharapkan juga pengkaji pada masa hadapan dapat menjalankan kajian yang lebih terperinci lagi untuk melihat dan membandingkan usahawan dan budaya keusahawanan antara etnik tidak kira usahawan muda, usahawan belia dan usahawan berjaya supaya dapat mengenalpasti perbezaan budaya keusahawanan mengikut etnik. Maka, dapat membantu memupuk dan memantapkan budaya keusahawanan di kalangan usahawan dan peningkatan aspirasi kerjaya keusahawanan pelajar-pelajar di Malaysia.

RUJUKAN

- Agbim, K.C. and Oriarewo, G.O. (2012). Spirituality as correlate of entrepreneurship development. *Journal of Research in National Development*, 10(3), 154-164.
- Alwis, R.S. and Hartmann, E. (2008). The use of tacit knowledge within innovative companies: Knowledge management in innovative enterprises. *Journal of Knowledge Management*, 12(1), 133-147.
- Dalkir, K. (2005). *Knowledge management in theory and practice*. Boston: Elsevier.
- Dixxon, R., Meier, R.I., Brown, D.C. and Custer, R.I. (2005). The critical entrepreneurial competencies required by instructors from institution-based enterprises: A Jamaican study. *Journal of Industrial Teacher Education*, 42(4), 25-51.
- Earl, L. (2001). Are we managing our knowledge? <http://www.statcan.ca/edi-bin/downpub/research.cgi?subject-193>
- Friedrich, C. and Visser, K. (2005). *South African entrepreneurship education and training*. DeDooms: Leap Publishing.
- Kamarulzaman Ismail, Amaludin Ab. Rahman (2009). *Melangkah Ke Alam Keusahawanan*. Rawang: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Leonhard, D. and Sensiper, S. (1998). The role of tacit knowledge in group innovation. *California Management Review*, 40(13), 112-125.
- Noraziah Sharuddin. 2002. *Forum memori korporat UTM*. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia
- Rastas, T. and Einola-Pekkinen, V. (2001) *Arvoa aineettomasta pääomasta*, Tampere: Tammer-Paino Oy

NASI KERABU

Roslieza binti Abd Hamid
Kolej Komuniti Pasir Mas

1.0 PENGENALAN

Nasi Kerabu merupakan makanan tradisional yang terkenal di Pantai Timur dan sangat digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan dan Terengganu. Namun sekarang hidangan Nasi Kerabu boleh didapati di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Di Thailand, Nasi Kerabu dikenali sebagai Khau Jam. Tidak banyak perbezaan di antara Nasi Kerabu dengan Khau Jam, kecuali perbezaan citarasa tumis dan bahan yang dijadikan sos sahaja. Asal usul Nasi Kerabu tidak diketahui dengan jelas, tetapi dalam masyarakat Melayu tradisional dan masyarakat Siam, ulam menjadi makanan harian mereka.

Nasi Kerabu ialah satu hidangan nasi yang dimakan bersama ulam-ulam yang dijadikan kerabu. Antara ulam yang biasa dijadikan kerabu ialah kacang panjang, mentimun, daun kesom, kubis, serai dan taugeh. Nasi Kerabu ini dimakan bersama sambal ikan, telur masin, ikan goreng, ayam goreng, ikan bakar, ikan goreng celup tepung, daging bakar, keropok, jeruk bawang putih, solok lada, tumis dan budu (sos ikan bilis). Nasi Kerabu dari fizikalnya amat sihat kerana terdapat campuran antara karbohidrat, protein dan vitamin dan ini lengkap untuk dijadikan santapan tidak kira pagi, tengah hari atau malam.

Menurut Ong Hean Chooi (2007) sayur-sayuran serta ulam-ulaman dapat menyumbang kepada sebahagian keperluan nutrisi untuk kesihatan minda dan fizikal manusia serta dapat membaiki kesihatan dan keupayaan bekerja. Sayur juga penting sebagai sumber nutrien pengawal kesihatan terutamanya pelbagai mineral dan vitamin serta sebagai pembekal serabut. Serabut amat penting dalam proses penghadaman makanan lain, membersihkan usus dan merangsang aktiviti perut dan usus.

Dewasa ini, Nasi kerabu telah dikomersialkan oleh pelbagai pihak. Kini terdapat Nasi Kerabu segera yang telah dijual di pasaran. Keenakkannya masih lagi sama dan bahan-bahan yang sama masih lagi dikekalkan dalam pembuatan nasi kerabu segera.

2.0 JENIS-JENIS NASI KERABU

Terdapat pelbagai variasi Nasi Kerabu yang berdasarkan kepada warnanya. Terdapat Nasi Kerabu Kuning, Nasi Kerabu Putih dan Nasi Kerabu Biru. Nasi Kerabu Kuning dimasak menggunakan kunyit yang menjadikannya berwarna kuning. Kebiasaannya Nasi Kerabu Kuning dan Nasi Kerabu Putih ini dipanggil Nasi Kerabu Tumis. Perbezaannya adalah Nasi Kerabu Kuning dan Nasi Kerabu Putih dimakan bersama tumisan berbanding Nasi Kerabu Biru yang dimakan bersama budu (sos ikan bilis). Nasi Kerabu Biru terhasil daripada kelopak bunga *Clitoria Ternatea* (butterfly-pea) atau juga dikenali dengan nama kacang telang atau lebih dikenali dengan nama bunga nasi kerabu oleh penduduk di Kelantan. Bukan hanya di Malaysia, pewarna biru daripada bunga kacang telang ini juga popular di Asia Tenggara.

3.0 ASAL USUL BUNGA KACANG TELANG

Kacang telang atau nama botaninya *clitoria ternatea* merupakan tumbuhan yang tergolong dalam keluarga *Fabaceae*. Nama lain bagi kacang telang ialah *butterfly pea vine*, *blue pea*, *anchan* (Thailand), *Pukinggan* (Filipina) dan *Dau bieo* (Vietnam). Pada zaman dahulu sebelum terjumpanya bahan pewarna seperti yang terdapat dengan mudah sekarang, bunga kacang telang amat popular digunakan sebagai pewarna makanan.

Tanaman ini berasal dari Asia yang beriklim tropika khatulistiwa, tetapi telah diperkenalkan ke Afrika, Australia dan Amerika. Tumbuhan ini akan membaik subur dalam medium yang agak lembap (tanah yang mempunyai kandungan humus yang tinggi) serta memerlukan cahaya matahari secukupnya untuk membesar. Ciri-ciri yang paling ketara tentang tanaman ini adalah bunga-bunga hidup yang biru tua atau ungu kebiruan dengan tanda kuning muda di tengah-tengah bunga, mekar sepanjang tahun. Saiz bunganya adalah sekitar 4 cm panjang 3 cm lebar. Ada beberapa jenis bunga telang yang menghasilkan bunga yang berwarna putih. Buah kacang telang berukuran 5 - 7 cm, polong mendatar dengan 6 hingga 10 biji dalam polong masing-masing. Kacang telang boleh dimakan setelah matang.

Kacang telang membiak dengan cara keratan batang atau biji. Tumbuh sebagai pokok anggur atau menjalar, sifatnya yang menjalar menjadikannya sesuai untuk tanaman untuk pasu gantung. Bagi mereka yang ingin menanam tumbuhan ini, terdapat cara untuk menyemai biji benihnya. Caranya adalah dengan merendam biji benih tersebut ke dalam air selama 3 hingga 4 jam sebelum disemai dalam tanah. Selalunya benih akan mula bercambah selepas 7 hingga 14 hari. Untuk menanam melalui keratan batang pula, caranya adalah dengan menyemai batang dalam pasir yang lebat dan pastikan airnya mencukupi. Setelah hidup segar, tumbuhan ini perlu selalu dipangkas (dipotong rantingnya) untuk memastikan pertumbuhan ranting baru tidak terbantut.

4.0 KHASIAT BUNGA KACANG TELANG

4.1 Khasiat Perubatan Bagi Wanita

Bunga kacang telang mempunyai bentuk organ luaran seksual wanita, maka nama latin dari genus 'Clitoria', diambil dari perkataan 'clitoris'. Dalam beberapa bahasa (Tamil, Malayalam) bunga kacang telang dinamakan 'kerang' yang juga mempunyai bentuk organ seksual wanita. Oleh kerana mempunyai kesamaan bahagian tubuh manusia, tanaman ini dikatakan dapat mempengaruhi sistem pembiakan manusia. Tumbuhan ini digunakan secara tradisional untuk menyembuhkan penyakit seksual, seperti ketidaksuburan, gonore, mengendalikankan kitaran menstruasi (haid), dan juga sebagai afrodisiak. Amalan ini dicatatkan dalam sebuah kepercayaan kuno dicatat dalam Doktrin Signatures. Terdapat juga kepercayaan yang mengatakan bahawa untuk mengelakkan keguguran, batang kacang telang ini dililitkan pada pinggang perempuan hamil. Sama ada berkesan atau tidak, cara ini tidak dapat dibuktikan.

4.2 Menyuburkan Rambut

Sejak turun temurun, kacang telang telah dipercayai amat berkhasiat untuk melebat dan menghitamkan rambut. Tumbuhan ini juga dipercayai mampu mengilatkan rambut dan juga dapat menyuburkan kulit rambut.

4.3 Mengurangkan Sakit Kepala

Daun dan bunga kacang telang juga dikatakan mampu mengurangkan sakit kepala. Caranya adalah dengan mengambil daun atau bunga tersebut. Kemudian masukkan dalam kain hingga membentuk bantal dan digunakan sebagai pelapik kepala sewaktu pesakit tidur.

Dikatakan juga bunga kacang telang boleh direndam dalam air panas dan diminum seperti teh untuk mengurangkan sakit akibat ulser mulut. Air rendaman bunga ini juga dikatakan mampu merawat insomnia. Dalam perubatan tradisional pula, tumbuhan ini banyak digunakan untuk merawat sakit telinga, kelenjar membengkak, kolik, sembelit, sakit tekak dan penyakit kulit.

4.4 Merangsang Memori Dan Kebijaksanaan

Di India, kacang telang dikenali dengan nama Shankupushpam telah digunakan secara meluas sebagai tonik otak dan ia dipercayai dapat merangsang memori dan kebijaksanaan.

4.5 Pewarna Makanan Dan Fabrik

Selain digunakan sebagai pewarna makanan, bahan pewarna yang terhasil daripada rendaman bunga kacang telang juga telah digunakan sebagai pewarna pakaian ataupun nila. Caranya adalah dengan menambahkan warna biru ini kepada air bilasan terakhir pakaian terutamanya pakaian berwarna putih. Tujuannya adalah untuk mencerahkan fabrik tersebut

5.0 RUMUSAN

Fenomena Nasi Kerabu telah menular ke seluruh Malaysia bukan hanya di Kelantan dan Terengganu. Ramai yang gemar dengan keenakan Nasi Kerabu kerana gabungan ulam-ulaman serta lauk pauk berserta dengan budu, solok lada, keropok, jeruk bawang putih dan telur masin sangat mengujakan. Keadaan ini telah membuka peluang perniagaan kepada peniaga Nasi Kerabu sama ada untuk jualan di kedai makan, gerai tepi jalan, pasar malam atau di bazar Ramadhan. Utusan Borneo (09.06.2016) menceritakan kejayaan alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang berasal dari Kelantan mula menjalankan perniagaan menjual Nasi Kerabu di Bazar Ramadhan Asia City, Sabah dan sekarang turut membuat tempahan catering untuk pelajar UMS. Sambutan yang diterima amat menggalakkan bukan saja dari pelajar Semenanjung Malaysia malahan juga pelajar dari Sabah. Ini menggambarkan Nasi Kerabu telah terkenal di seluruh Malaysia dan mempunyai penggemarnya yang tersendiri dengan keunikan Nasi Kerabu itu sendiri.

RUJUKAN

https://ms.wikipedia.org/wiki/Nasi_kerabu
<http://www.izzatisuhaide.com/2016/09/asal-usul-nasi-kerabu.html>
<http://nasikerabusegera.blogspot.my/2015/02/nasi-kerabu.html>
<https://sejarahkelantan.wordpress.com/category/makanan/>
<https://ms-my.facebook.com/nasikerabuexpress>
<http://orchid-beautifulmemories.blogspot.my/2011/12/al-kisah-perihal-nasi-kerabubagaimana.html>
<http://eprints.ums.edu.my/13416/1/nc0000002919.pdf>

Ong Hean Chooi. (2007). *Sayuran: Khasiat Makanan dan Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd.

LAMPIRAN



Hidangan Nasi Kerabu Biru yang lengkap dengan ulam-ulaman, ikan celup tepung, telur masin, sambal ikan dan budu (sos ikan bilis)



Bunga kacang telang yang digunakan sebagai pewarna Nasi Kerabu Biru



Solok lada merupakan hidangan sampingan untuk nasi kerabu yang pasti menyelerakan



Jeruk bawang putih juga adalah hidangan sampingan nasi kerabu bagi yang menyukainya

KAJIAN KESAN PENGGUNAAN GAS HIDROGEN DAN OKSIGEN HASIL DARI ELEKTROLISIS AIR TERHADAP KELAJUAN ENJIN EMPAT LEJANG

Mat Sazilin Bin Ayub dan Shuhaila Binti Ibrahim
Kolej Komuniti Besut

1.0 PENGENALAN

Tahap pencemaran udara yang membimbangkan dan peningkatan harga petrol adalah dua faktor yang utama mengenai penyelidikan juga untuk mencari penyelesaian alternatif yang terbaik. Antara pilihan yang berdaya maju, hidrogen mungkin menjadi pilihan sedia ada yang terbaik dalam penyelesaian tenaga alternatif yang percuma juga akan dapat mengurangkan penghasilan karbon monoksida oleh enjin kenderaan. Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk melihat kesan rekabentuk "HHO Converter" terhadap prestasi engine petrol 4 lejang melalui suntikan gas yang diproses melalui electrolysis ke dalam pancarongga masukan udara. Dua objektif dibentuk iaitu untuk mereka bentuk "HHO Converter" bagi penghasilan gas hidrogen dan gas oksigen dan menganalisa pemboleh ubah terkawal (Saiz, Jarak dan Bilangan Kepingan Keluli Tahan Karat) terhadap prestasi engine petrol 4 lejang. Ujian ini akan dijalankan menggunakan enjin petrol empat lejang sejukan udara silinder tunggal yang dibekalkan oleh GUNT Hamburg, Jerman. Data yang diperolehi dari segikelajuan yang dikaitkan dengan pertambahan campuran hidrogen, oksigen dan petrol akan dianalisa menggunakan DOE. Adalah menjadi harapan bahawa hasil daripada penyelidikan ini boleh mengurangkan penggunaan petrol tetapi masih mengekalkan prestasi enjin serta pengurangan pencemaran udara.

1.1 Penyataan Masalah

Peningkatan harga minyak dan pencemaran udara yang dikaitkan dengan pembakaran minyak di dalam enjin menjadi motivasi kepada penyelidik untuk mengurangkan kos pembelian bahan api, meningkatkan kuasa enjin dan mengurangkan pelepasan gas karbon monoksida di dalam udara. Iaitu merupakan langkah ke arah kereta yang kurang menggunakan bahan api petrol.

Antara pilihan yang berdaya maju adalah gas HHO. Ia seolah-olah menjadi penyelesaian tenaga alternatif yang terbaik juga secara teknikal tidak menghasilkan karbon monoksida.

Penggunaan campuran gas hidrogen dan oksigen yang diperolehi daripada proses elektrolisis air untuk meningkatkan prestasi enjin akan mengurangkan pergantungan terhadap minyak dan mengurangkan pencemaran udara

1.2 Hipotesis

- Terdapat kesan yang besar akibat campuran HHO terhadap kelajuan putaran perminit enjin.
- Terdapat kesan yang besar akibat perubahan saiz plat, jarak antara plat dan bilangan plat pada HHO converter terhadap kelajuan putaran perminit enjin

1.3 Persoalan Kajian

Adakah terdapat apa-apa kesan yang ketara hasil penambahan gas HHO terhadap pertambahan kelajuan putaran per minit enjin.

1.3 Objektif Penyelidikan

Tujuan utama penyelidikan ini dijalankan adalah untuk melihat kesan rekabentuk "HHO Converter" terhadap prestasi engine petrol 4 lejang melalui suntikan gas yang diproses melalui electrolysis ke dalam pancarongga masukan udara. Dua objektif dibentuk:-

- Untuk mereka bentuk HHO Converter bagi penghasilan gas hydrogen dan gas oksigen
- Menganalisa pemboleh ubah terkawal (saiz plat, jarak antara plat dan bilangan plat) terhadap prestasi engine petrol 4 lejang.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Peningkatan tahap pencemaran udara di atmosfera dan kenaikan harga minyak menyebabkan penyelidik mencari tenaga alternatif yang lebih murah dan mungkin tiada kesan pencemaran. Ini adalah kerana penggunaan teknologi yang menggunakan pembakaran minyak sebagai sumber tenaga iaitu kilang perindustrian dan kereta yang akhirnya membawa kepada peningkatan gas ekzos dalam persekitaran [1].

Gas ekzos adalah sisa pembakaran semata-mata yang terhasil daripada pembakaran campuran bahan api dan udara dalam enjin. Lima jenis gas-gas ekzos yang biasa yang boleh diukur oleh alat penganalisa gas adalah hidrokarbon (HC), nitrogen oksida (NO_x), oksigen (O_2), karbon monoksida (CO) dan karbon dioksida (CO_2) [2].

Antara kelima-lima gas, hanya gas oksigen dianggap tidak berbahaya kepada manusia. HC adalah bahan api tidak terbakar yang keluar melalui enjin dan ekzos jugamerupakan masalah yang paling teruk untuk enjin kenderaan. gas ini dianggap berbahaya apabila dihidu. NO_x juga berbahaya. pelepasan yang tinggi kepada nafas boleh menyebabkan maut.CO merupakan gas tidak berbau yang boleh menyebabkan sakit kepala dan akhirnya kematian jika tersedut dalam jumlah yang besar.

CO_2 di dalam udara, ini akan menyebabkan fenomena pemanasan global dan menyumbang kesan rumah hijau. Antara pilihan tepat, hidrogen adalah satu-satunya bahan api bukan karbon, HC dan CO iaitu, sebaik-baik gas yang boleh membantu operasi enjin [3]. Hidrogen memerlukan tenaga pencucuhan yang amat rendah juga merupakan mudah terbakar. Ia telah digunakan sebagai bahan api tambahan kepada petrol, gas asli, etanol, bio gas, LPG, dan lain-lain untuk meningkatkan beberapa ciri pembakaran [4] - [6].

Oleh itu, penyelidikan mengenai sel bahan api hidrogen boleh dipecahkan kepada dua bidang utama. Pertama, pengeluaran hidrogen sertapembangunan dalam bidang penyimpanan dan keselamatan. dalam kajian ini hidrogen dan oksigen ditakrifkan sebagai bahan bakar tambahan dan mungkin akan menjadi bahan api sepenuhnya untuk kereta pada masa depan. Satu teknik menghasilkan gas HHO berdasarkan elektrolisis telah dipaten oleh Yull Brown [7]. Penyelidikan ke atas pengeluaran sel bahan api memberi tumpuan kepada meningkatkan prestasi sel bahan apiserta mengurangkan saiz bahan api [8] - [10]. Kedua, penggunaan hidrogen sebagai bahan bakar alternatif yang meningkatkan prestasi enjin dan menghasilkan kesan pelepasan minimum. Penyelidik lain menggunakan campuran H_2 bercampur dengan gas semulajadi untuk meningkatkan kecekapan pembakaran [11] - [13]. Yilmaz dan Uludamar [14] dan Sa'ed dan Ammar [15], mengkaji kesan penambahan gas HHO pada pelepasan pembakaran enjin. Mereka mendapati bahawa prestasi enjin yang ketara dari segi kelajuan enjin dan pengurangan pelepasan gas-gas ekzos. Walau bagaimanapun, ini bukanlah satu penyelesaian yang baik daripada sudut komersial kerana membangunkan sistem enjin yang disepadukan dengan generasi H_2 , menjadikan kos kenderaan hidrogen terlalumahal [16].

3.0 METHODOLOGI

3.1 Huraian Kaedah

Untuk mencapai objektif ini, kajian ini dibahagikan kepada beberapa tugas. Tugas-tugas penyelidikan boleh diringkaskan seperti berikut:

Menyiasat, membandingkan dan menganalisa pelbagai teknik / kaedah pengeluaran gas HHO dan penggunaannya oleh enjin petrol.

Bagi memastikan pemahaman yang lebih baik terhadap kajian ini, kajian ini bermula dengan pengkaji mengkaji jenis dan teknik yang berkaitan dengan pengeluaran gas HHO dan penggunaan gas HHO pada enjin petrol. Pada peringkat ini, pengkaji telah mendapati bahawa kaedah yang paling baik untuk menghasilkan gas HHO adalah dengan menggunakan kaedah elektrolisis.

Tugasan 2: Lakaran dan pembuatan sel bahan api

Peringkat ini melibatkan penyiasatan, menganalisa dan percubaan bagi mengoptimumkan penukaran air kepada gas HHO . Keluli tahan karat digunakan untuk membina sel dalam penyelidikan ini. 2 reka bentuk sel dan fabrikasi berasingan yang akhirnya digunakan untuk penghasilan gas HHO. Dalam usaha untuk menentukan susunan parameter secara optimum, Dalam pembuatan sel ini tiga faktor akan dikawal iaitu ketebalan plat, saiz plat dan jarak antara plat.

Perbezaan antara faktor-faktor yang menyumbang kepada pengeluaran hidrogen dan oksigen akan turut dianalisa.

Set lengkap sel yang mampu menghasilkan gas HHO akhirnya akan digunakan dalam kajian ini untuk membekalkan gas HHO ke dalam pancarongga pengambilan enjin empat lejang satu silinder.

Tugasan 3: Penyediaan alatan eksperimen dan eksperimen


Enjin yang digunakan adalah enjin petrol empat lejang satu silinder dan menggunakan karburator. Enjin dihidupkan dengan menggunakan penghidup tarikan puli dan beberapa pengubahsuaian fizikal telah dilakukan untuk membolehkan gas HHO disuntik melalui pancarongga masukan.

Spesifikasi enjin empat lejang satu silinder penyejukan udara diberikan dalam Jadual 1.

Tugasan 4: Pengumpulan data dan analisa mengenai prestasi enjin dengan menggunakan campuran petrol dan gas HHO dan petrol sahaja.

Data dikumpul daripada pengeluaran gas HHO dengan parameter yang berbeza (Bilangan plat, jarak antara plat dan luas permukaan plat) dan prestasi enjin dari segi kelajuan putaran perminit dianalisa menggunakan perisian *Design of Experiment* (DOE).


Rajah. 1: Gambarajah skematik persediaan eksperimen




Jadual 1: Spesifikasi enjin empat lejang

Bil	Perkara	Spesifikasi Terperinci
1	Enjin	Enjin Petrol Empat Lejang Satu Silinder
2	Bahan Api	Petrol
3	Sistem Penyejukan	Udara
4	Bilangan Silinder	Satu
5	Lubang Silinder Pada TDC-BDC	87 Mm X 66 Mm
6	Kuasa	5 KW Pada 3000 Min-1
7	Dimensi	500 X 345 X 310 Mm
8	Berat	34 Kg

Rajah. 2: Gambarajah susunan plat dalam sel



Rajah. 3: Gambarajah sambungan setiap plat dengan bekalan kuasa 18VDC.



4.0 DAPATAN/ KEPUTUSAN

Parameter Dan Tahap Reka Bentuk Eksperimen

Parameter (symbol)	Description	Unit	Level	
A: Bilangan Plat	Bilangan Plat dalam sel	bil	12 plat	24 plat
B: Jarak Antara Plat	jarak antara plat dalam sel	cm	1 cm	2 cm
C: Luas Permukaan Plat	luas permukaan setiap plat yang digunakan	cm ²	567.74	1130.45


4.1 Pengumpulan Data

Kesemua data telah dikumpulkan secara terus semasa ujian dilaksanakan di Kolej Komuniti Kuala Terengganu Kampus Chendering. Nilai data yang diukur dan direkodkan bagi prestasi dan pembebasan gas adalah seperti didalam Jadual 2.

Jadual 2: Dapatan ujikaji

bil	bilangan plat	jarak antara plat	luas permukaan plat	peningkatan RPM
1	24	1	1130.452	592
2	24	2	1130.452	516
3	24	1	567.7408	461
4	12	1	567.7408	428
5	12	2	567.7408	420
6	12	1	1130.452	409
7	24	2	567.7408	387
8	12	2	1130.452	381

Rajah 4: Hasil analisa menggunakan perisian DOE



5.0. KESIMPULAN

Berpandukan kepada ujian dan dapatan data yang telah dianalisis didapati “HHO Converter 1” yang paling tinggi meningkatkan rpm. Enjin melalui kombinasi 24 plat bersaiz 1130.452 cm persegi setiap plat dan jarak antara plat adalah 1cm. Hasil kombinasi tersebut meningkatkan kelajuan putaran sebanyak 592 rpm. Ini adalah kerana kecekapan enjin akan bertambah dengan kehadiran gas hydrogen dan gas oksigen hasil dari kombinasi dua pembolehubah iaitu kombinasi 24 plat dan luas permukaan plat 1130.452 cm persegi setiap plat. Dapat di buktikan bahawa luas permukaan plat menjadi faktor utama dibantu dengan bilangan plat dalam sesuatu HHO Converter dalam meningkatkan putaran perminit enjin. Peningkatan rpm ini adalah ekoran dari penambahan bahan bakar hidrogen kedalam kebuk pembakaran enjin.

RUJUKAN

- [1] A. Yilmaz, E. Uludamar, dan K. Aydin, "Kesan hydroxy (HHO) penambahan gas kepada prestasi dan ekzos pelepasan di enjin compression pencucuhan," *International Journal Hydrogen Tenaga*, vol. 35, tidak. 113, ms. 66-72, 2010.
- [2] X. Zhang, S. H. Chan, H. K. Ho, S.-C. Tan, M. Li, G. Li, J. Li, dan Z. Feng, "Ke arah rangkaian tenaga pintar: Peranan sel-sel bahan api / elektrolisis dan perspektif teknologi," *Jurnal Tenaga Hidrogen*, vol. 40, tidak. 21, ms. 6866-6919, 2015.
- [3] A. Boretti, "Perbandingan ekonomi bahan api diesel kecekapan tinggi dan hidrogen menjanakan sebuah kereta kompak dengan roda tenaga berasaskan sistem pemulihan tenaga kinetik," *International Journal Hydrogen Tenaga*, vol. 35 (16), no. 84, ms. 17-24, 2010.
- [4] S. Verhelst, "kemajuan terkini dalam penggunaan hidrogen sebagai bahan api untuk enjin pembakaran dalaman," *International Journal of Hydrogen Tenaga*, vol. 39, tidak. 2, ms. 1071-1085, 2014.
- [5] K. Vertin dan A. Reek, "kebolehbalikan Kesan Gasoline Sulfur pada pelepasan ekzos lewat Kenderaan Model," *SAE Jurnal Bahan Api dan Pelincir*, vol. 7, tidak. 2, ms. 600-615, 2014.
- [6] M. Abdul Resul dan S. Bagdadi, "Satu kajian mengenai penukaran hidrogen etil alkohol pertarungan percikan penyalaan enjin-tenaga dan pengurusan.," *International Journal Hydrogen Tenaga*, vol. 13, ms. 199-204, 2003.
- [7] Y. Brown, "Gas Brown. United State Paten," 4014777, 1978.

- [8] W. K. Yap, T. Ho, dan V. Karri, "pelepasan ekzos mengawal dan parameter enjin pengoptimuman menggunakan rangkaian neural tiruan sensor maya untuk kenderaan berkuasa hidrogen, "Jurnal Tenaga Hidrogen, vol. 37, tidak. 10, ms. 8704-8715 2012.
- [9] P. Bance, N. P. Brandon, B. Girvan, P. Holbeche, S. O'Dea, dan B. C. H. Steele, "Spinning daripada syarikat bahan api dari UK universiti; 2 tahun kemajuan pada kuasa ceres., "Jurnal Power Sources, vol. 131, no. (1-2), ms. 86-90, 2004.
- [10] A. A. Al-Rousan, "Pengurangan penggunaan bahan api dalam enjin petrol dengan memperkenalkan gas HHO ke dalam pancarongga pengambilan., " International Journal Hidrogen Tenaga, vol. 35 (23), no. 12, ms. 930-935, 2010.
- [11] M. Fanhua dan W. Mingyue, "Prestasi dan pelepasan ciri turbocharger percikan-pencucuhan hidrogen diperkaya enjin gas asli mampat di bawah terbuka luas., "International Journal Hydroge n Tenaga, vol. 35, tidak. 125, ms. 2-9, 2010.
- [12] M. Fanhua dan W. Mingyue, "Prestasi dan pelepasan charateristic enjin CNG turbocharged didorong oleh hidrogen diperkaya gas asli dengan nisbah hidrogen tinggi., "International Journal Hydroge n Tenaga, vol. 35, tidak. 64, ms. 38-47, 2010.
- [13] M. Fanhua, W. Yefu, D. Shangfen, dan J. Long, "Dua puluh peratus gas asli hidrogen diperkaya prestasi fana penyelidikan., "International Journal Hydroge n Tenaga, vol. 34, tidak. 65, ms. 23-31, 2009.
- [14] A. C. Yilmaz, E. Uludamar, dan K. Aydin, "Kesan hydroxy (HHO) penambahan gas kepada prestasi dan ekzos pelepasan dalam enjin mampatan, "International Journal Hydroge n Tenaga, vol. 35, tidak. 113, ms. 66-72, 2010.
- [15] A. M. Sa'ed dan S. A.-R. Ammar, "Kesan gas HHO ke atas pengeluaran pembakaran dalam enjin petrol," Fuel, tidak. 90, ms. 3066-3070, 2011.
- [16] C. Whiete, R. R. curam, dan A. E. Lutz, "Hidrogen bakar enjin pembakaran dalaman. Kajian teknikal," International Journal Hydroge n Tenaga, vol. 31 (10), no. 1, ms. 292-305 2006.
- [17] Swain MR, Pappas JM, Adt Jr RR, Escher WJD. Hydrogenfueled automotive engine experimental testing to provide an initial design-data base. SAE paper 1981; 810350.

PENILAIAN MAJIKAN TERHADAP PRESTASI PELAJAR LATIHAN INDUSTRI SIJIL AKAUNTANSI (SAK) KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS 2015

Roslieza Binti Abdul Hamid
Kolej Komuniti Pasir Mas

1.0 PENGENALAN

Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia (2007) mendefinisikan Kolej Komuniti adalah institusi yang menyediakan keperluan latihan dan kemahiran kepada golongan lepasan menengah sebelum mereka memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Selain itu, ia bertindak sebagai batu loncatan kepada pelajar agar dapat menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, seterusnya menghasilkan generasi yang berdaya saing. Kolej Komuniti Pasir Mas merupakan salah sebuah kolej yang ditubuhkan dengan objektif yang sama dan mula ditubuhkan pada tahun 2009.

Latihan Industri merujuk kepada penempatan pelajar di sesebuah organisasi untuk menjalankan latihan praktikal yang diselia oleh pihak industri yang dipilih mengikut tempoh yang ditetapkan sebelum dianugerahkan Sijil Kolej Komuniti (SKK), Kementerian Pendidikan Tinggi (Dasar Latihan Industri IPT, 2010). Tempoh latihan industri adalah selama 16 minggu (4 bulan). Tempoh yang ditetapkan ini bagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency – MQA).

Matlamat Latihan Industri ialah untuk membolehkan pelajar mendapat pengalaman kerja di syarikat swasta atau badan kerajaan yang berkaitan bagi melahirkan graduan yang mempunyai kompeten dan berdaya saing bagi memenuhi keperluan semasa negara. Di antara objektif Latihan Industri adalah untuk:-

- i. Mendedahkan pelajar kepada situasi sebenar alam pekerjaan dalam bidang masing-masing
- ii. Mendedahkan pelajar kepada pengetahuan yang terkini dan juga teknologi yang terbaru di pasaran
- iii. Mendapat pengalaman bekerja di syarikat/industri berkaitan bidang masing-masing
- iv. Mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari dalam alam pekerjaan yang sebenar
- v. Meningkatkan keyakinan diri dan kemahiran berkomunikasi berkesan di tempat kerja
- vi. Memupuk semangat bekerja dalam pasukan
- vii. Mengamalkan etika kerja seperti amanah, disiplin dan bertanggungjawab
- viii. Mengamalkan amalan baik dan peraturan keselamatan di tempat kerja
- ix. Menyediakan laporan teknikal berkaitan bidang masing-masing
- x. Meningkatkan peluang pekerjaan
- xi. Merapatkan jaringan antara kolej komuniti dengan industri

Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) berperanan untuk menguruskan semua aktiviti berkaitan dengan Latihan Industri. Ia juga bertanggungjawab dalam menganalisa maklum balas daripada pihak majikan, terutamanya dari segi sikap/personaliti pelajar dan kemahiran pelajar sewaktu menjalani Latihan Industri. Ini bertujuan melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan industri yang berkaitan (Rashidah & Nurhuda, 2009)

1 Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan bagi membuat penilaian majikan terhadap pelajar Sijil Akauntansi (SAK) Kolej Komuniti Pasir Mas sewaktu menjalani latihan industri. Pelajar yang terlibat ialah pelajar yang menjalani Latihan Industri bagi sesi November 2014 dan sesi Julai 2015. Pelajar-pelajar tersebut telah berjaya menamatkan tempoh Latihan Industri selama 4 bulan (16 minggu) pada tahun 2015 yang berjumlah 41 orang. Sebagaimana yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK), sebelum pelajar menjalani Latihan Industri, pelajar tersebut perlu lulus semua modul sama ada teknikal ataupun bukan teknikal dan keperluan wajib program pada sepanjang pengajian. Latihan Industri membawa lapan (8) hingga dua belas (12) kredit mengikut keperluan program. Satu (1) bulan latihan industri bersamaan dengan dua (2) kredit. Mata kredit latihan industri di ambil kira dalam pengiraan jumlah kredit bergraduat tetapi tidak diambil kira dalam Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM).

1.2 Pernyataan Masalah

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2002), majikan merupakan organisasi yang menyediakan pekerjaan untuk orang lain. Manakala 'tempat latihan' merupakan syarikat swasta atau jabatan kerajaan yang menawarkan tempat untuk pelajar menjalani latihan industri (Sektor Pengurusan Kolej Komuniti, 2008). Konsep latihan industri bukan sahaja dilaksanakan di peringkat Kolej Komuniti, tetapi juga dilaksanakan di peringkat universiti.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Azizi *et al.* (2000) terhadap pelajar yang menjalani latihan industri mendapati 78.0% daripada responden bersetuju bahawa aktiviti kuliah dan kerja amali yang dipelajari dapat membantu mereka sewaktu menjalani latihan industri. Pemilihan tempat latihan yang sesuai dengan faktor-faktor persekitaran dalam keadaan baik membuatkan pelajar tersebut dapat mengikuti latihan industri dalam keadaan kerja yang selesa.

Kajian yang didapati oleh Hoachlander *et al.* (2003) pula mendapati kebanyakan majikan lebih suka menerima pelajar yang telah mengikuti program latihan industri dan tamat pengajian di kolej komuniti untuk bekerja dengannya.

Walaupun bagaimanapun, terdapat banyak rungutan daripada majikan tentang masalah personaliti dan peningkatan kemahiran pelajar sewaktu menjalani latihan industri. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti penilaian majikan terhadap pelajar-pelajar Sijil Akauntansi Kolej Komuniti Pasir Mas. Ia juga bagi mengetahui sejauh manakah program latihan industri dapat memenuhi keperluan dan kehendak industri pada masa kini.

1.3 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:-

- i. Mengenalpasti penilaian majikan terhadap sikap pelajar semasa menjalani Latihan Industri.
- ii. Mengenalpasti penilaian majikan terhadap kemahiran teknikal pelajar semasa menjalani Latihan Industri.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Tujuan utama kajian rintis ini dilakukan adalah untuk menguji instrumen soal selidik tersebut. Kajian rintis adalah kajian yang dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan alat kajian bagi memastikan kesesuaian arahan dan format yang digunakan dalam alat kajian ini.

Dalam kajian rintis yang telah dilakukan menunjukkan ujian statistik Alpha Cronbach mempunyai nilai alpha 0.890. Menurut Chua (2006) soal selidik yang mempunyai indeks kebolehpercayaan melebihi 0.70 atau sama dengannya boleh digunakan sebagai alat ukur dalam sesuatu kajian. Oleh itu, soalan yang dibina oleh penyelidik sesuai digunakan untuk kajian yang sebenar.

Menurut satu kajian yang telah dibuat oleh Janet H.S.C & Chin K.M (2011), menurut mereka pelajar yang menjalani Latihan Industri mempunyai personaliti yang baik, berdisiplin dan mematuhi arahan yang diberikan berbanding dengan persepsi majikan terhadap prestasi pelajar dari segi kemahiran terutamanya dari aspek mampu bekerja sendiri dengan pengawasan yang minimum dan kurang kemampuan dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan tugas yang diberikan.

Abd Hair Awang et al. (2013) pula menyatakan secara keseluruhannya majikan yang mempunyai pekerja lulusan kolej komuniti mempunyai penampilan yang baik dalam aspek komunikasi dan interpersonal, nilai dan etika kerja serta penguasaan kemahiran teknologi maklumat. Majikan juga mendapati lulusan kolej komuniti berupaya menguasai dan mengadaptasi bidang pengkhususan dengan dunia pekerjaan yang sebenar.

Ini bermakna matlamat Latihan Industri telah tercapai sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Pelaksanaan Latihan Industri Kolej Komuniti, Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (2015) di mana apabila pelajar tamat menjalani Latihan Industri, pelajar-pelajar berupaya mempraktikkan teori dan pengetahuan akademik yang dipelajari di tempat kerja, mempertingkatkan kompetensi dan daya saing dalam bidang pengkhususan masing-masing, memberi pandangan secara kritis, berkomunikasi secara berkesan, berkeyakinan, kreatif dan inovatif, mampu menyelesaikan masalah secara professional serta beretika dan mempunyai integriti yang tinggi dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian dijalankan terhadap 23 majikan pelajar semester 4 Kolej Komuniti Pasir Mas yang tamat menjalani Latihan Industri pada tahun 2015 iaitu pada sesi November 2014 dan Julai 2015.

Kajian ini melibatkan analisis data secara kuantitatif iaitu semasa proses penyeliaan pelajar, setiap majikan perlu mengisi Borang Penilaian Latihan Industri yang merangkumi 2 bahagian iaitu:

- i) Penilaian majikan terhadap prestasi pelajar dari segi sikap dan personaliti
- ii) Penilaian majikan terhadap prestasi pelajar dari segi kemahiran sewaktu menjalani Latihan Industri.

3.1 Reka bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah kajian jenis deskriptif. Data-data mengenai persoalan kajian diperolehi dengan menggunakan kaedah soal selidik. Kaedah ini diguna kerana merasakan ianya paling sesuai untuk mendapatkan maklumat secara terperinci tentang kesan aktiviti luar kelas terhadap peningkatan kemahiran generik pelajar.

3.2 Populasi dan Persampelan

Populasi merupakan subjek yang terlibat dalam kajian yang ingin dijalankan, manakala persampelan merupakan elemen yang mewakili sebahagian daripada populasi yang membolehkan pengkaji membuat kesimpulan tentang keseluruhan populasi. Menurut Najib (1999) sampel adalah sumber untuk mendapatkan data. Pengkaji membuat pemilihan sampel tidak rawak/ secara khusus untuk memudahkan mencari sampel yang telah mewakili populasi. Data jenis ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

Sampel populasi bagi kajian ini terdiri daripada pelajar -pelajar Sijil Akauntansi yang berjumlah 41 orang. Soal selidik ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian di mana bahagian A adalah berkaitan dengan latar belakang pelajar. Manakala soalan Bahagian B dan C pula adalah soalan bentuk skala likert 5 iaitu (1 = Sangat Tidak Setuju sehingga kepada 5 = Sangat Setuju). Majikan perlu menjawab kedua-dua bahagian. Di bahagian B mempunyai 10 soalan berkaitan dengan sikap/ personaliti pelajar manakala di bahagian C pula mempunyai 10 soalan berkaitan dengan kemahiran teknikal pelajar.

3.2 Analisis Data

Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 20. Min dan sisihan piawai diambil untuk tujuan analisis ini. Penggunaan jumlah skor digunakan berbanding dengan skor individu. Ini disebabkan oleh kesahan dan ketepatannya adalah lebih tinggi berbanding dengan skor secara individu (Creswell, 2014). Berdasarkan Jadual 1, jika skor min sesuatu item menunjukkan julat di antara 1.00 sehingga 2.33 andaian menyatakan bahawa item berada pada tahap rendah. Jika skor min sesuatu item menunjukkan julat di antara 2.34 sehingga 3.67, andaian menyatakan bahawa item berada pada tahap sederhana dan sekiranya skor min sesuatu item menunjukkan julat di antara 3.68 sehingga 5.00, andaian menyatakan bahawa item berada pada tahap tinggi dan sederhana.

Kod Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00-2.33	Rendah
2	2.34-3.67	Sederhana
3	3.68-5.00	Tinggi

Jadual 1: Intrepretasi Julat Min

Sumber : Wiersma (2000)

4.0 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan ke atas 41 orang responden yang melibatkan pelajar-pelajar Sijil Akauntansi (SAK) yang telah selesai menjalani Latihan Industri pada sesi November 2014 dan Julai 2015. Secara keseluruhannya, soal selidik yang telah diedarkan dapat dikumpulkan semula tanpa sebarang masalah dan mendapat kerjasama yang sepenuhnya daripada majikan.

4.1 Analisis Maklumat Demografi Responden

Profil Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	20	48.8 %
	Perempuan	21	51.2 %
Bangsa	Melayu	40	97.6 %
	India	-	-
	Cina	1	2.4 %
	Lain-lain	-	-

Jadual 2: Taburan Maklumat Demografi Responden Mengikut Kekerapan dan Peratus

Analisis demografi responden menunjukkan responden terdiri daripada 20 orang lelaki iaitu sejumlah 48.8% manakala responden perempuan seramai 21 orang yang merangkumi 51.2%. Majoriti responden adalah bangsa Melayu iaitu sejumlah 40 orang yang merangkumi 97.6% manakala selebihnya ialah bangsa Cina sejumlah 2.4% iaitu seorang responden.

4.2 Analisis Tentang Sikap dan Personaliti Pelajar

Bagi analisis tentang sikap dan personaliti pelajar Kolej Komuniti Pasir Mas, sepuluh item soal selidik telah disertakan dalam instrumen yang disediakan. Item-item yang disertakan adalah mengenai disiplin, kehadiran dan ketepatan masa, kesediaan menerima tugas, mematuhi arahan, melaksanakan tugas dalam jangkamasa yang ditetapkan, dapat menyesuaikan diri dengan kakitangan syarikat, kebolehan bekerja dalam pasukan, kemahiran berkomunikasi, kebolehan bekerja sebagai ketua kumpulan dan kebolehan dengan pelanggan.

Bil	Perkara	Min	S.P
1.	Disiplin	4.20	1.054
2.	Kehadiran & ketetapan masa pelajar	4.15	0.989
3.	Bersedia menerima tugas	4.15	0.727
4.	Sentiasa mematuhi arahan	4.20	0.641
5.	Melaksanakan tugas dalam jangkamasa	3.98	0.689
6.	Dapat sesuaikan diri dengan kakitangan syarikat	4.17	0.629
7.	Kebolehan bekerja dalam pasukan	4.07	0.608
8.	Kemahiran berkomunikasi	4.10	0.700
9	Kebolehan bekerja sebagai ketua kumpulan	3.63	0.767
10	Kebolehan berunding dengan pelanggan	3.73	0.672
	Purata	4.036	0.554

Jadual 3: Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Sikap Pelajar

Berdasarkan Jadual 3, purata min secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.036. Item yang mencatatkan tahap kekuatan paling tinggi adalah item 1 dan 4 iaitu dengan min 4.20. Ini menunjukkan bahawa pelajar Kolej Komuniti Pasir Mas yang menjalani Latihan Industri mempunyai tahap disiplin yang tinggi serta sentiasa mematuhi arahan dalam menjalankan tugas yang diberi oleh majikan. Manakala item yang mencatatkan kekuatan paling rendah ialah item 9 iaitu mendapat min 3.63. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar kurang berkebolehan bekerja sebagai ketua kumpulan disebabkan kurangnya keyakinan diri di kalangan pelajar kolej.

4.3 Analisis Tentang Kemahiran Teknikal Pelajar

Bagi analisis tentang kemahiran teknikal pelajar, sepuluh item soal selidik telah disertakan iaitu kemampuan mengendalikan mesin atau alatan kerja, kemahiran menguasai sesuatu kemahiran baru, mampu bekerja sendiri dengan pengawasan yang minimum, hasil kerja menepati tahap yang ditetapkan, mampu menyelesaikan masalah yang berkaitan kerja, berkemahiran dan berpengetahuan asas dalam bidang tugas, mengamalkan aspek keselamatan, berusaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, mempunyai daya kreativiti dalam menyelesaikan tugas dan ketekunan terhadap tugas yang diberi.

Bil	Perkara	Min	S.P
1.	Kemampuan mengendalikan mesin/ alatan	3.93	0.648
2.	Kemahiran menguasai sesuatu kemahiran baru	3.71	0.642
3.	Mampu bekerja sendiri dengan pengawasan minimum	3.83	0.704
4.	Hasil kerja menepati tahap yang ditetapkan	3.88	0.748
5.	Mampu menyelesaikan masalah berkaitan kerja	3.73	0.672
6.	Berpengetahuan asas dalam bidang tugas	3.88	0.714
7.	Mengamalkan aspek keselamatan	4.05	0.631
8.	Berusaha meningkatkan kemahiran & pengetahuan	3.98	0.612
9.	Mempunyai daya kreativiti dalam selesaikan masalah	3.63	0.662
10.	Ketekunan & minat terhadap tugas	4.05	0.773
	Purata	3.866	0.565

Jadual 4: Taburan Responden Mengikut Min dan Sisihan Piawai Bagi Kemahiran Teknikal Pelajar

Berdasarkan Jadual 4, purata min secara keseluruhannya berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.866. Item yang mencatatkan tahap kekuatan paling tinggi adalah item 7 dan 10 iaitu dengan min 4.05. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Kolej Komuniti Pasir Mas yang menjalani Latihan Industri mengamalkan aspek keselamatan dalam menjalankan tugas serta mempunyai ketekunan dan minat terhadap tugas yang diberi. Manakala item yang mencatatkan kekuatan paling rendah ialah item 9 iaitu dengan min 3.63. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar Kolej Komuniti Pasir Mas kurang mempunyai daya kreativiti dalam menyelesaikan masalah tugas yang diberikan oleh majikan. Justeru itu, pihak Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) perlu menyediakan kurikulum yang baharu mengikut perkembangan pendidikan semasa dan kaedah penyampaian yang berkesan dalam suasana pembelajaran yang kondusif (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010) bagi meningkatkan penilaian majikan terhadap item 9 iaitu 'mempunyai daya kreativiti dalam menyelesaikan masalah tugas'.

4.4 Rumusan Keseluruhan

Konstruk	Min	S.P
Sikap & Personaliti	4.036	0.554
Kemahiran Teknikal	3.866	0.565
JUMLAH	3.951	0.523

Jadual 5: Rumusan keseluruhan Mengikut Min dan Sisihan Piawai bagi Sikap dan Personaliti Pelajar serta Kemahiran Teknikal Pelajar

Berdasarkan Jadual 5, min keseluruhan bagi penilaian majikan terhadap pelajar Sijil Akauntansi (SAK) Kolej Komuniti Pasir Mas berada pada tahap yang tinggi iaitu 3.951. Penilaian yang paling tinggi adalah dari aspek sikap dan personaliti pelajar yang mendapat nilai min 4.036 berbanding dengan aspek kemahiran teknikal yang mendapat nilai min 3.866. Secara keseluruhannya kedua-dua aspek berada pada tahap yang tinggi.

5.0 PERBINCANGAN

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif yang dikehendaki iaitu untuk mengenal pasti penilaian majikan terhadap prestasi pelajar Sijil Akauntansi (SAK) yang dinilai melalui sikap dan personaliti pelajar serta kemahiran teknikal pelajar semasa menjalani Latihan Industri. Oleh itu, secara khusus tujuan kajian ini adalah untuk:

- i. Menenalpasti penilaian majikan terhadap sikap/ personaliti pelajar semasa menjalani Latihan Industri.
- ii. Menenalpasti penilaian majikan terhadap kemahiran teknikal pelajar semasa menjalani Latihan Industri.

Kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya penilaian majikan terhadap prestasi pelajar Sijil Akauntansi (SAK) Kolej Komuniti Pasir Mas adalah tinggi iaitu nilai min 3.951. Dapatan ini selari dapatan kajian Makki et al. (2015) yang merumuskan graduan yang berkeupayaan menguasai kemahiran teknikal mampu memperoleh pekerjaan dengan cepat dan menepati kehendak pekerjaan pada masa kini.

Keputusan ini juga menunjukkan usaha yang dilakukan oleh pihak Kolej Komuniti Pasir Mas dalam meningkatkan kualiti graduan telah menampakkan hasil. Hasil dari kolaborasi pihak industri dalam program-program seperti program jemputan pensyarah industri, program sangkutan pensyarah, serta penilaian projek pelajar oleh industri telah memberi impak yang positif dalam menjamin kualiti para graduan.

Dengan itu, boleh disimpulkan bahawa dapatan kajian ini membuktikan semua majikan berpuashati terhadap prestasi pelajar sewaktu menjalani Latihan Industri dari segi sikap dan personaliti pelajar dengan nilai purata min 4.036 manakala dari segi kemahiran pelajar dengan nilai purata min 3.866. Peningkatan kualiti dan penilaian majikan terhadap pelajar yang menjalani Latihan Industri mungkin disebabkan pelajar telah menambahbaik kelemahan mereka melalui pengalaman kerja semasa di tempat Latihan Industri. Secara tidak langsung, program Latihan Industri dapat memenuhi keperluan industri. Usaha Kementerian Pengajian Tinggi membangunkan Dasar Latihan Industri IPT juga dapat memberi peluang kepada pelajar di dunia pekerjaan menerima pengalaman praktikal supaya dapat mempertingkatkan kebolehpasarannya (Kementerian Pengajian Tinggi, 2010). Secara tidak langsung, objektif Latihan Industri telah berjaya dilaksanakan.

Dapatan kajian ini adalah sama dengan kajian yang telah dijalankan oleh Omar (2009), di mana pelajar yang menjalani Latihan Industri mendapat markah penilaian yang tinggi daripada majikan di akhir program. Ini turut disokong dengan kajian yang telah dilakukan oleh Rashidah dan Nurhuda (2009); di mana tinjauan persepsi majikan di Kolej Komuniti Kuala Langat untuk Program Sijil Perakaunan Perniagaan turut mendapat penilaian yang baik daripada majikan. Pendapat ini disokong oleh Little dan Harvey (2006) turut menyatakan bahawa pengalaman adalah penting bagi seseorang pelajar itu kerana ia merupakan syarat utama yang membolehkan kebolehpasaran dan peningkatan gaji sewaktu kerja kelak.

5.1 Sumbangan dan Impak

Kajian kepuasan majikan ini memberi impak kepada pihak perkepentingan dalam bidang pengajian kolej komuniti. Antara pihak-pihak yang mendapat manfaat dari dapatan dan rumusan kajian adalah pihak Kolej Komuniti Pasir Mas, industri, majikan dan pelajar.

5.1.1 Kementerian

Dapatan kajian ini dapat memberi pihak kementerian satu data yang konkrit yang menunjukkan penilaian majikan terhadap prestasi pelajar Sijil Akauntansi (SAK) Kolej Komuniti Pasir Mas. Pencapaian kolej komuniti sebagai salah satu akses pendidikan dan institusi TVET dalam membekal modal insan separa profesional kepada negara dapat diukur. Item sikap dan personaliti pelajar serta item kemahiran teknikal yang telah dinilai oleh majikan telah dapat membuktikan graduan kolej komuniti yang seimbang dari segi pengetahuan dan rohani.

5.1.1 Kolej Komuniti Pasir Mas

Pihak Kolej Komuniti Pasir Mas dapat mengenalpasti kekuatan dan juga kelemahan sistem pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Walaupun secara keseluruhannya, pihak majikan menilai tinggi pelajar Kolej Komuniti Pasir Mas dari segi sikap dan personaliti serta kemahiran teknikal tetapi pihak kolej komuniti masih dapat mengesan ruang yang dapat dipertingkatkan lagi. Seterusnya, mempunyai peluang untuk meningkatkan mutu pendidikan dari segi teknikal dan kemahiran generik untuk memastikan pelajar Kolej Komuniti Pasir Mas menepati semua kehendak yang diperlukan dalam dunia pekerjaan yang dinamik. Justerus dapat menjamin graduan mempunyai nilai kebolehpasaran yang tinggi apabila tamat pengajian nanti.

5.1.2 Industri dan Majikan

Pihak majikan akan mendapat manfaat dengan langkah penambahbaikan yang diambil oleh pihak Kolej Komuniti Pasir Mas untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan teknikal serta sikap dan personaliti pelajar yang bakal menjadi pekerja mereka yang lebih terlatih. Pasaran pekerja separa profesional dapat diisi dengan pelajar yang menepati keperluan dan kehendak industri tanpa perlu diberi latihan asas yang melibatkan kos tambahan. Sumber tenaga terlatih ini akan dapat membantu pihak industri dan majikan untuk bergerak dengan lebih maju seiring dengan perkembangan masa kini.

5.1.3 Pelajar

Pelajar dapat mengetahui keperluan dan harapan majikan terhadap mereka. Dengan itu, pelajar dapat melengkapkan diri sendiri dengan menambahbaik kelemahan yang didapati dalam dapatan kajian seperti menguasai sesuatu kemahiran baru, mampu bekerja sendiri tanpa pengawasan yang maksimum, hasil kerja yang menepati tahap yang ditetapkan, dapat menyelesaikan masalah yang berkaitan kerja, berkemahiran dan berpengetahuan asas dalam bidang tugas, mengamalkan aspek keselamatan, berusaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan, mempunyai daya kreativiti dalam menyelesaikan tugas dan bertanggungjawab terhadap tugas yang diberi. Pada masa yang sama perkara ini juga dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar pada masa depan.

RUJUKAN

- Abd Hair Awang et al. (2013). *Kualiti dan Prestasi Kerja Graduan Kolej Komuniti: Penilaian oleh Majikan Bandar*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chua Y.P (2006). *Research Method*. Shah Alam: McGraw-Hill Education
- Janet H.S.C & Chin K.M (2011). *Persepsi Majikan Terhadap Prestasi Pelajar Latihan Industri*. Kolej Komuniti Sungai Petani
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. (Thousands Oaks, Ed.) (3rd ed.). Sage Publications.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000). Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka*
- Kementerian Pengajian Tinggi (2010). *Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia 2010*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

PENERAPAN ELEMEN INOVASI *MINI HIGH FIDELITY AUDIO MIXER ADAPTOR FOR TEACHER* DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI KOLEJ KOMUNITI SELURUH NEGERI KELANTAN.

Mat Sazilin Bin Ayub dan Shuhaila Binti Ibrahim
Kolej Komuniti Besut

1.0 PENGENALAN

Negara kita, Malaysia sedang menuju ke arah menjadikan inovasi sebagai sumber ekonomi dengan matlamat meningkatkan daya saing bagi kemajuan dan pertumbuhan ekonomi lestari. Malaysia ingin berganjak dari satu bentuk model ekonomi baru berpaksikan inovasi, kreativiti dan nilai tambah tinggi dalam usaha untuk memastikan Negara dapat terus berdaya saing dan relevan dalam persaingan ekonomi global. Bagi mencapai model ekonomi baru tersebut, Malaysia telah menjadikan tahun 2010 sebagai Tahun Inovasi dan Kreativiti (Majalah *EstidotMy*, Edisi 95). Penekanan pada aspek inovasi dan kreativiti akan dipertingkatkan di semua peringkat dan bidang, termasuklah bidang pendidikan. Oleh yang demikian pendekatan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PDP) semestinya sentiasa perlu berubah. Perkembangan terkini menunjukkan bahawa pembelajaran berorientasikan pelajar sedang diurusperdanakan secara radikal.

Samada kita sedar atau tidak kemunculan produk seperti iPhone, Android, Blackberry, Twitter, Facebook dan YouTube serta kebangkitan Google adalah hasil cetusan idea inovatif masyarakat Barat. Ciptaan ini telah menukar cara hidup masyarakat masa kini dan menjadikan kehidupan manusia lebih mencabar, seronok dan berdaya saing. Malah, inovasi dan kreativiti juga telah menjadikan beberapa buah negara semakin menonjol seperti Korea, Finland serta beberapa buah negara maju yang lain. Berhadapan dengan situasi tersebut Malaysia juga perlu memandangkan ke hadapan dan mencuba untuk menjadikan inovasi dan kreativiti sebagai suatu halatuju baru terutamanya dalam kalangan generasi baru. Pembangunan modal insan adalah antara bidang yang diberi perhatian dalam kerangka pembangunan Negara terutamanya dalam fasa Rancangan Malaysia ke 9 (2006-2010), (Economic Planning Unit, 2006). Perdana Menteri ketika membentangkan agenda tersebut pada 31 March 2006, menjelaskan pembangunan modal insan perlu juga memberi fokus kepada peningkatan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi, dimana tiga aspek ini amat penting dalam kita berhadapan dengan cabaran globalisasi (Roselina Shakir, 2009). Lanjutan daripada itu, dalam tahun 2010 telah diistiharkan sebagai tahun Inovasi oleh kerajaan Malaysia. Peristiharan tersebut bertujuan untuk menggalak dan mengiktiraf budaya inovasi sebagai sesuatu yang penting untuk memacu Negara mencapai status negara maju yang digerakkan oleh keupayaan daya saing sektor industri.

1.1 Pernyataan Masalah

Pengajaran adalah satu tugas yang nampaknya senang tetapi adalah kompleks. Pengajaran juga merupakan satu perjuangan yang perlu banyak usaha dicurahkan dan penting bagi seseorang yang bergelar pensyarah. Oleh itu, mengajar dengan efektif dapat membantu para pelajar dalam pembelajaran serta mempengaruhi mereka dalam kehidupan masa hadapan. Dengan perkembangan masa sekarang, pengajaran efektif pensyarah pada masa kini penuh dengan pelbagai cabaran serta beban kerja yang semakin banyak. Keadaan ini telah

menyebabkan pengajaran pensyarah mungkin semakin ke arah untuk menghabiskan silibus sahaja tanpa mengambilkira keberkesanan pengajarannya, (Lai Lai, Abdul Rahim Hamdan *et al.*, 2012). Justeru, pensyarah perlu memberanikan diri untuk berubah daripada pemikiran yang jumud dan perlu berinisiatif untuk mengaplikasikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan inovatif. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (ABM) dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) adalah amat penting bagi pensyarah memastikan penyampaian maklumat yang berkaitan dengan mata pelajaran yang diajar adalah lebih jelas dan sistematik serta dapat diikuti oleh pelajar dengan lebih baik.

Penerapan elemen kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran membantu meningkatkan daya pemikiran, idea dan kualiti hasil pembelajaran pelajar. Dalam kajian yang dijalankan oleh (Yahya Buntat & Lailinanita Ahamad 2013) juga menyatakan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyarankan kepada semua institusi pengajian supaya melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di pusat pengajian bagi tujuan meningkatkan sistem pendidikan di negara ini. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan alat inovasi *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam pengajaran dan pembelajaran oleh pensyarah dan palajar di Kolej Komuniti Seluruh negeri Kelantan. Setiap kali aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan sistem audio sama ada di dewan atau di bilik kuliah, Seperti biasa pelajar akan menggunakan wayer yang panjang atau menggunakan mic dan ditalakan ke speaker computer riba untuk menyalurkan suara audio dari computer riba ke sistem pembesar suara dewan atau bilik kuliah. Akibat daripada wayer yang terlalu panjang atau suara yang dirakam melalui mic menjadi kurang jelas kerana penghantaran isyarat audio melalui udara menyebabkan suara yang disalurkan ke sistem pembesar suara menjadi kurang bermutu seperti terdapat suara gangguan desiran dan bunyi pop.

Sikap guru terhadap penerimaan diawal proses pengenalan sesuatu ABM di sekolah adalah amat penting. Keputusan guru untuk menggunakan ABM yang dilaksanakan di sekolah ke dalam intruksi guru boleh memberi kepuasan pelajar belajar daseterusnya dapat membantu memastikan kejayaan pelaksanaan sesuatu program (Mohamed Noh *et. al.*, 2013). Amalan pensyarah menggunakan ABM dalam PDP bukannya perkara asing lagi dalam dunia pendidikan. Oleh itu, adakah pensyarah-pensyarah bersedia terhadap penggunaan ABM dalam proses PDP dari aspek amalan, kemahiran dan sikap pensyarah di Kolej Komuniti. Menurut kajian Mohamad Said & Yunus (2008) menyatakan bahawa walaupun pelbagai pembaharuan telah diperkenalkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk membantu pensyarah mengembangkan kreativiti pelajar, akan tetapi kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa para pensyarah gagal meningkatkan kreativiti pelajar dalam bilik darjah. Kekurangan pensyarah menggunakan ABM dalam PDP boleh menyebabkan aktiviti pelajar dalam bilik kuliah akan menjadi lebih terhad. Pensyarah-pensyarah yang masih berminat dan selesa menggunakan kaedah pengajaran yang lama iaitu kaedah konvensional semasa proses PDP dijalankan. Justeru itu, akibatnya apabila pelajar mudah hilang tumpuan dan membuat kerja sendiri ketika proses PDP di jalankan serta akan menyebabkan penurunan prestasi murid dalam peperiksaan (Mohamed Arip *et.al.*, 2014). Oleh itu, satu kajian perlu dijalankan bagi mengetahui tahap pengetahuan, tahap

kefahaman dan tahap penggunaan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti yang berikut :

1. Mengetahui tahap pengetahuan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.
2. Mengatahui tahap kefahaman *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.
3. Mengetahui tahap penggunaan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

1.2 Persoalan Kajian

Antara persoalan kajian yang telah dibentuk adalah seperti yang berikut :

- i) Apakah tahap pengetahuan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.
- ii) Apakah tahap kefahaman *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.
- iii) Apakah tahap penggunaan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

1.3 Kepentingan Kajian

Mengenalpasti tahap pengetahuan, tahap pemahaman dan tahap penggunaan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Dengan adanya kajian ini diharapkan agar dapat menyelesaikan masalah pensyarah terhadap penggunaan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses PDP.

- **Pensyarah**

Kajian ini banyak memberi manfaat kepada para pensyarah kerana dari kajian ini kita akan dapati apakah persepsi pensyarah terhadap penggunaan alat bantu mengajar yang berasaskan inovasi dalam PDP dan bagaimana cara pensyarah mempraktikkan alat bantu mengajar yang berasaskan inovasi dalam PDP mereka di dalam kelas. Ianya juga dapat membantu pensyarah dalam merancang dan membuat persediaan sebelum sesuatu PDP bermula dengan berkesan.

- **Pelajar**

Kajian ini akan dapat memberi manfaat kepada para pelajar iaitu dapat mengenal pasti alat inovasi yang sesuai dengan kaedah pembelajaran mereka. Pensyarah juga dapat mempraktikkannya di dalam bilik kuliah dengan berkesan.

1.4 Skop Kajian

Kajian ini adalah mengenai penggunaan elemen Inovasi *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Dalam kajian ini juga, penyelidik ingin mengetahui tahap kefahaman, tahap pengetahuan dan tahap penggunaan Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

1.5 Batasan Kajian

Sampel kajian ini diambil dari kalangan pensyarah di 5 buah Kolej Komuniti iaitu Kolej Komuniti Kok Lanas, Kolej Komuniti Pasir Mas, Kolej Komuniti Tanah Merah, Kolej Komuniti Jeli dan Kolej Komuniti Rantau Panjang.

1.6 Definisi Istilah

Pengkaji akan mendefinisikan beberapa perkataan atau istilah yang digunakan dalam kajian ini seperti yang berikut bagi mnggelakkan kesalahan dan pemahaman oleh pembaca:

- **Inovasi**

Inovasi ialah kaedah mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan. Ia adalah idea–idea yang kreatif dan inovatif dalam mana-mana aspek kerja yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.

- **Pengajaran dan Pembelajaran**

Pengajaran ialah sesuatu tugas atau aktiviti yang berlaku antara pensyarah dan pelajarannya. Tanpa salah satu daripadanya pengajaran tidak akan berlaku. Pengajaran dirancang oleh pensyarah secara sistematik dengan menggunakan kaedah dan teknik yang sesuai bagi mencipta lingkungan yang memungkinan terjadinya proses belajar. Hasil daripada pengajaran berlakulah perubahan yang secara relatifnya kekal sama ada dalam bentuk yang eksplisit atau implisit (Shahabuddin et. al. 2003).

- **Pensyarah Kolej Komuniti**

Pensyarah Kolej Komuniti di dalam kajian ini melibatkan Pensyarah dari 5 buah kolej komuniti di seluruh Kelantan iaitu Kolej Komuniti Kok Lanas, Kolej Komuniti Pasir Mas, Kolej Komuniti Tanah Merah, Kolej Komuniti Jeli dan Kolej Komuniti Rantau Panjang.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Pengenalan

Bahagian ini mengetengahkan tentang beberapa kajian terdahulu yang ada kaitan dengan objektif kajian ini. Dalam bab ini juga membincangkan mengenai elemen inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan kajian literatur ini dapat membantu pembaca memahami latar belakang kajian yang dijalankan dengan lebih jelas lagi.

Inovasi

Inovasi dalam pendidikan ialah meningkatkan perkembangan budaya merupakan satu strategi dan perspektif baharu untuk memahami variasi pelajar dari masyarakat yang berbilang kaum dan berbilang budaya. Dengan itu hubungan yang lebih harmoni dapat diwujudkan semasa berinteraksi. Strategi ini seharusnya dapat membantu para pelajar memahami kepelbagaian budaya yang ada di negara ini supaya matlamat pendidikan untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar tentang wujudnya pelbagai nilai, budaya, agama dan bangsa dalam masyarakatnya serta terdapat pula persamaan-persamaan dalam pelbagai budaya dapat dicapai (Roslinda, Syazreen, dll, 2018) Dalam kajian yang dilakukan oleh Winfred Ebner et al. (2009), mendapati bagi kejayaan sesuatu pertandingan rekacipta dan inovasi, kerjasama antara pihak industri dan institusi pengajian tinggi adalah amat penting. Pertandingan akan menggalakkan penyertaan. Daripada penyertaan tersebut akan menghasilkan idea-idea baru atau produk baru ke dalam masyarakat. Paling tidak penyertaan tersebut akan membina hubungan sesama pelajar dan membuka ruang antara mereka untuk meneroka idea yang lebih baik dimasa akan datang. Kajian ini juga mendapati bayaran insentif kepada pihak yang menang dalam sesuatu pertandingan merupakan sesuatu yang akan menggalakkan penyertaan dan penglibatan yang berterusan di masa akan datang. Ini sudah tentu akan mengembangkan lagi budaya inovasi terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Alat Bantu Mengajar (ABM)

Proses transformasi dalam bidang pendidikan memerlukan perubahan yang drastik daripada gaya PDP secara konvensional kepada gaya pembelajaran yang moden dengan menggunakan ABM yang berteknologi tinggi sejajar dengan peredaran zaman pada masa kini. Tugas pensyarah kian mencabar kesan daripada perubahan dunia ke era globalisasi yang positif mahupun negatif (Zain 2002, Nik Yusof 2002). Pensyarah yang kreatif dan inovatif boleh dicontohi kepada pensyarah-pensyarah yang lain kerana menggunakan ABM yang sedia ada atau menghasilkan ABM yang baru untuk proses PDP. Dalam kajian Jasmi et al. (2011) menyatakan ABM berfungsi sebagai pemudah cara untuk pensyarah bagi meningkatkan keberkesanan pembelajaran yang berpusatkan kepada pelajar. Dalam kajian mereka juga menyatakan sebanyak 25 peratus sahaja penglibatan pensyarah di dalam bilik darjah.

Justeru itu, pelbagai bentuk ABM yang boleh meningkatkan kefahaman serta pencapaian pelajar mengikut sesuatu topik yang mereka akan pelajari. Menurut Ahmad Zanzali & Daud (2010) menyatakan bahawa penggunaan buku teks, papan hitam dan kapur tulis sahaja tidak mencukupi sebagai kaedah pengajaran pensyarah dalam proses PDP, bahkan pensyarah perlu menggunakan teknologi dalam proses PDP bagi meningkat minat pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran yang dipelajarinya serta kaedah tersebut juga merupakan pembelajaran secara interaktif terhadap

pelajar. Oleh itu, kaedah dan teknik PDP sahaja tidak mencukupi dan menjamin berlakunya proses PDP dengan jayanya dan berkesan terhadap objektif pengajaran tanpa menggunakan ABM.

Jenis-Jenis alat bantu mengajar (ABM)

Penggunaan kaedah yang bersesuaian dengan topik yang hendak dipelajari adalah amat penting dalam proses PDP. Hal ini kerana, bagi menarik minat pelajar terhadap proses PDP dan sekaligus pelajar akan memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap sesuatu topik yang akan mereka pelajari. Setiap pensyarah adalah sebagai fasilitator yang mana mereka harus ketahui dan memahami bagaimana sesuatu kaedah atau teknik itu dapat membantu dalam proses PDP serta merancang proses PDP berorientasikan pelajar (Zainal Azir, 2017).

Justeru itu, menurut Jasmi et al. (2011) menyatakan bahawa ABM diklasifikasikan kepada dua jenis pola iaitu ABM berbentuk pola dan ABM berbentuk bukan pola. Terdapat enam jenis ABM iaitu buku teks, komputer dan LCD merupakan pola yang utama. Manakala, kertas edaran dan modul, buku rujukan, kertas mahjong dan gambar adalah ABM yang berbentuk pola sampingan. Selain itu, ABM seperti carta, kaset, bahan maujud, akhbar dan keratan, buku latihan, movie dan video, radio, fail audio, papan hitam dan putih, kertas manila kad, folio dan OHP serta transparensi merupakan ABM yang tidak membentuk pola.

Walau bagaimanapun, menurut Musa & Mohamad (2014) menyatakan bahawa ABM boleh dikategorikan kepada dua jenis iaitu elektronik dan bukan elektronik. Di antara ABM seperti radio, projektor dan salaid, televisyen, video dan alat yang berbantuan komputer adalah ABM berbentuk elektronik. Manakala majalah, model, kad imbasan, jurnal dan gambar yang berkaitan dengan PDP merupakan ABM jenis bukan elektronik. Penggunaan ABM dalam proses PDP adalah untuk menarik minat pelajar terhadap sesuatu topik yang akan mereka pelajari dengan menimba pengalaman yang menyeronokkan.

Bahan Bantu Mengajar (ABM) Dalam Pengajaran dan Pembelajaran pengajaran dan pembelajaran

Pada zaman yang serba canggih dan berteknologi, pensyarah perlu mengubah tingkah laku ke atas diri seorang pelajar dengan mempunyai rasa tanggungjawab memberikan ilmu dan pendidikan kepada mereka. Hamdan et.al. (2010) menyatakan bahawa bagi memastikan setiap objektif pengajaran pensyarah tercapai, pensyarah perlu menyusun strategi pengajaran terlebih dahulu sebelum proses PDP dijalankan. Tempoh masa pengajaran mestilah mencukupi dengan jadual masa yang telah ditetapkan jika pensyarah tersebut telah bersedia dengan kaedah-kaedah, aktiviti-aktiviti pelajar dan bahan rujukan sebelum proses PDP dijalankan. Justeru itu, pensyarah perlu meningkatkan lagi ilmu pengetahuan dan menguasai teknologi terkini yang sentiasa berubah-ubah bagi menangani perubahan dalam PDP. Di dalam diri seorang pensyarah mestilah mengamalkan budaya membaca, budaya menulis dan budaya berfikir sebelum dan semasa proses PDP dijalankan. Menurut

Buntat & Ahamad (2012) dalam kajiannya menyatakan bahawa kebanyakan responden menarik minat pelajar dengan menggunakan kaedah membina set induksi pada awal isi pelajaran untuk pelajar lebih memahami mata pelajaran yang akan diajar. Oleh itu, responden juga memudahkan proses PDP mereka dengan menggunakan perisian power point dan peralatan teknologi yang telah dibekalkan oleh pihak

Kementerian. Selain itu, beliau juga bersetuju dengan teknik kemahiran berfikir yang melibatkan pengajaran yang berpusatkan pelajar yang mana akan melatih pelajar berdikari untuk berfikir tanpa bantuan pensyarah untuk mencari sebarang maklumat.

Objektif Proses Pengajaran dan Pembelajaran pengajaran dan pembelajaran dalam Teknologi Maklumat (ICT)

Pengajaran abad ke 21 yang mementingkan penggunaan teknologi maklumat (ICT) sebagai satu ABM dalam PDP semakin diperkatakan bagi meningkatkan kesediaan pensyarah-pensyarah di sekolah terhadap kemahiran menggunakan peralatan teknologi tersebut.

Oleh yang demikian, menurut Mohsin & Hassan (2011) menyatakan kepentingan menggunakan ABM dalam proses PDP di kalangan pensyarah adalah membantu pensyarah dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dalam proses PDP, menjimatkan masa dan tenaga pensyarah dalam menyediakan ABM, membantu pensyarah menahuli cabaran dengan mempertingkatkan potensi penggunaan teknologi terkini, memberi kesan positif ke atas pelajar dalam proses PDP, kesejagatan sumber PDP dan yang terakhir ialah penyediaan pensyarah terhadap penggunaan ABM dalam PDP sejajar dengan abad ke 21. Oleh itu, pensyarah perlulah mempunyai sikap yg positif serta mempersiapkan diri terhadap penyediaan serta penggunaan ABM dalam PDP di sekolah.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian membantu penyelidik dalam mendapatkan maklumat dan tujuan kajian dijalankan. Kaedah yang akan dijalankan ialah kuantitatif. Penyelidik menggunakan kaedah soal selidik untuk mendapatkan data. Ia sesuai digunakan dalam kajian ini kerana dapatan kajian merupakan maklumat peristiwa yang sedang berlaku dan boleh digunakan untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan masalah tersebut. Kajian ini menerangkan keadaan sebenar yang berlaku dalam kumpulan yang dikaji iaitu tahap penerapan elemen inovasi *mini high fidelity audio mixer adaptor for teacher* dalam pengajaran dan pembelajaran di kolej komuniti seluruh negeri Kelantan.

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi di dalam kajian ini adalah 52 orang pensyarah yang mengajar secara sepenuh masa. Iaitu 18 orang pensyarah Kolej Komuniti Tanah Merah, 15 orang pensyarah Kolej Komuniti Kok Lanas dan 23 orang pensyarah dari Kolej Komuniti Pasir Mas. Manakala untuk sampel dalam kajian ini, pengkaji telah berjaya mendapatkan hampir 100 peratus populasi sebagai responden iaitu 16 orang pensyarah Kolej Komuniti Tanah Merah, 14 orang pensyarah Kolej Komuniti Kok Lanas dan 22 orang pensyarah dari Kolej Komuniti Pasir Mas. Kekangan mendapatkan responden 100 peratus adalah kerana sebab sebab yang tidak dapat dielakkan.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu borang soal selidik dijawab sendiri oleh responden. Borang Soal selidik ini mempunyai 15 soalan yang dibahagikan kepada tiga bahagian. Soalan 1 hingga 5 mewakili tahap pengetahuan Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan

pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Soalan 6 hingga 10 untuk mengetahui tahap kefahaman *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan dan soalan 11 hingga 15 bertujuan untuk mengetahui tahap penggunaan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Kesemua 15 soalan soal selidik adalah digunakan bagi menjawab 3 pernyataan masalah yang dinyatakan. Skala Likert 5 skor digunakan untuk mengukur tahap kesetujuan dan tidak setuju responden terhadap pernyataan yang diberikan.

Jadual 1: Skala Likert 5 skor

Skor	Kenyataan
1	Amat tidak Setuju
2	Tidak Setuju
3	Kurang Pasti
4	Setuju
5	Amat Setuju

Pengumpulan Data

Borang soal selidik kajian diedarkan kepada semua pensyarah Kolej Komuniti Seluruh negeri Kelantan. Taklimat ringkas diberi kepada semua responden yang terlibat. Responden diajar cara menggunakan Alat Bantu Mengajar secara amali dan teori. Masa menjawab soalan soal selidik diberi adalah 30 minit selepas amali selesai. Rasional prosedur ini digunakan bagi memastikan kesemua borang soal selidik yang diedarkan dapat dikumpulkan semula.

4.0 ANALISIS DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, pengkaji akan menerangkan secara keseluruhan hasil analisis data dan keputusan yang diperolehi. Data dihuraikan adalah mengikut persoalan kajian seperti berikut.

- i) Apakah tahap pengetahuan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.
- ii) Apakah tahap kefahaman *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.
- iii) Apakah tahap penggunaan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

Bagi menjawab 3 persoalan kajian seperti di atas, pengkaji telah menggunakan perisian *Statistic Package For The Sosial Sceinces* (SPSS For Windows) versi 20.0 untuk menganalisis data-data tersebut dengan menggunakan analisis statistic deskriptif juga menggunakan jadual skala tiga mata bertujuan mendapatkan kekerapan dan peratusan bagi menjawab setiap persoalan kajian berdasarkan skala yang telah ditetapkan oleh pengkaji.

Jadual 2 : Skala penyelidikan tiga mata

SKALA PENYELIDIKAN TIGA MATA		
1	2	3
RENDAH	SEDERHANA	TINGGI

Persoalan Kajian 1 : Apakah tahap pengetahuan Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

Jadual 3: Dapatan Kajian tahap pengetahuan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

Apakah tahap pengetahuan Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan	Kekerapan (f)	Peratus(%)
Rendah (1)	1	1.92
Sederhana (2)	5	9.62
Tinggi (3)	46	88.46
Jumlah	52	100

Jadual 3 di atas menunjukkan analisis tahap pengetahuan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Dapat kita lihat bahawa hanya seorang responden (1.92%) yang memiliki tahap pengetahuan Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan . 5 orang yang memiliki tahap sederhana mengenai pengetahuan Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan dan 46 orang responden memiliki tahap pengetahuan tinggi mengenai pengetahuan Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Oleh yang demikian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan adalah berada pada tahap yang tinggi.

Persoalan Kajian 2 : Apakah tahap kefahaman Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

Jadual 4: Dapatan Kajian tahap kefahaman Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

Apakah tahap kefahaman Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan	Kekerapan (f)	Peratus(%)
Rendah (1)	3	5.77
Sederhana (2)	8	15.38
Tinggi (3)	41	78.85
Jumlah	52	100

Mengikut data dalam jadual 4 di atas menunjukkan analisis tahap tahap kefahaman Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Dapat kita lihat bahawa hanya 3 responden (5.77%) yang memiliki tahap kefahaman Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan . 8 orang (15.38%) yang memiliki tahap sederhana mengenai kefahaman Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan dan 41 orang (78.85%) responden memiliki tahap kefahaman tinggi mengenai Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Oleh yang demikian menunjukkan bahawa tahap kefahaman Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan adalah berada pada tahap yang tinggi.

Persoalan Kajian 3 : Apakah tahap aplikasi *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

Jadual 5: Dapatan Kajian tahap aplikasi *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan.

Apakah tahap aplikasi <i>Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher</i> dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan	Kekerapan (f)	Peratus(%)
Rendah (1)	0	0.00
Sederhana (2)	4	7.69
Tinggi (3)	48	92.31
Jumlah	52	100

Jadual 5 di atas menunjukkan analisis tahap tahap aplikasi *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Dapat kita lihat bahawa tiada responden yang memiliki tahap aplikasi *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan . 4 orang (7.69%) yang memiliki tahap sederhana mengenai aplikasi *Mini High Fidelity*

Audio Mixer Adaptor For Teacher dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan dan 48 orang (92.31%) responden memiliki tahap aplikasi tinggi mengenai *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Oleh yang demikian menunjukkan bahawa tahap aplikasi *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan adalah berada pada tahap yang tinggi.

5.0 PENUTUP

Secara keseluruhan berpandukan 3 persoalan kajian iaitu yang pertama apakah tahap pengetahuan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran dan pembelajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Apakah tahap kefahaman *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan dan apakah tahap penggunaan *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam proses Pengajaran di Kolej Komuniti seluruh Negeri Kelantan. Oleh yang demikian dapat dibuat kesimpulan bahawa tahap penerapan elemen inovasi *Mini High Fidelity Audio Mixer Adaptor For Teacher* dalam pengajaran dan pembelajaran di kolej komuniti seluruh negeri kelantan berada pada tahap yang tinggi.

RUJUKAN

- Ahmad Zanzali, N.A & Daud, N.D (2010). Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Di Kalangan Pensyarah Pelatih Yang Mengajar Mata Pelajaran Matematik. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Chia Lai Lai (lailaichia@yahoo.com) Abdul Rahim Hamdan (p-rahim@utm.my) pengajaran efektif dan kerangka untuk pengajaran , Fakulti Pendidikan ,Universiti Teknologi Malaysia 81310 Skudai, Johor Bahru <http://www.fp.utm.my/ePusatSumber/listseminar/medc2012/pdf/22.pdf>
- Hamdan, A.R. & Mohd Yasin,H. (2010). Penggunaan Alat Bantu Mengajar (ABM) Di Kalangan Pensyarah-Pensyarah Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Daerah Johor Bahru, Johor. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.
- Lai, K.L., Khaw, A.H & Seah, A. K., (2002). Satu Kajian Mengenai Penggunaan Bahan bantu Mengajar Dalam Pengajaran Pembelajaran Matematik Di Sekolah Rendah. Jabatan Matematik. Maktab Perpensyarahan Batu Lintang.
- Majalah EstidotMy, Edisi 95, Majalah Sains.Com
https://www.researchgate.net/publication/327437538_Inovasi_dalam_pendidikan_meningkatkan_perkembangan_budaya/link/5d385d21299bf1995b4709d4/download
- Mohamed Arip, M.A.S , Mohd Sa'ad,F.,Jaapar,N.,Mohd Ali,K.,Athdzar,N.H dan Wan Abd. Rashid, W.N. (2014). Faktor, Kesan Dan Strategi Menangani Permasalahan Kurang Tumpuan Pelajar Sekolah Menengah Di Dalam Kelas: Suatu Kajian Kualitatif. Fakulti Pendidikan dan pembangunan Manusia. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohamed Noh,N. Ahmad Mustafa, H.M., Hamzah, M., Ismail, M.A & Abdullah,N. (2013). Penggunaan Inovasi Teknologi Dalam Pengajaran : Cabaran Pensyarah Dalam E-Pembelajaran. Proceedings Of The 7th International Malaysian Educational Technology Cinvention (IMETC 2013).
- Mohamad Said, M.M & Yunos,N. (2008). Halangan-Halangan Kepada Usaha Memupuk Kreativiti Di Kalangan Pelajar. Prosiding Pemikiran Kritis Dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah.
- Mohamad Said, M.M & Yunos,N. (2008). Peranan Pensyarah Dalam Memupuk Kreativiti Pelajar. Jurnal Pengajian Umum Bil.9. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohsin,M.S.F.A & Hassan,R. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan „Streaming Video“ Bagi Meningkatkan Tahap Kefahaman Pelajar Abad Ke-21. Universiti tun Hussein Oon.
- Razli Ahmad, Hanum Hassan & Aizatul Akma Wani Ariffin (2016), Pembudayaan Kreativiti Dan Inovasi Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Kajian Ke Atas Pelajar Universiti Malaysia Perlis, <https://www.researchgate.net/publication/263353345>

Roslinda, Syazreen, dll. (2018). Inovasi dalam pendidikan meningkatkan perkembangan budaya, <https://www.researchgate.net/publication/327437538>.

Shahabuddin, Rohizani & Mohd Zohir (2003). Pedagogi : Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan. Shah Alam: PTS Publications & Distribution Sdn. Bhd.

Yahya Bin Buntat & Lailinanita Binti Ahamad (2013) Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia , Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, Volume 6 June 2012, Pages 44-58 / ISSN: 2231-7376



KOLEJ KOMUNITI PASIR MAS
PT 3302-3307, TAMAN SRI KOTA, PASIR PEKAP,
16250 WAKAF BHARU, KELANTAN
TELEPON : 09-718 5911

eISBN 978-967-11918-7-3



9 789671 11918731